

Bil 219

Wadah Terkini Tentera Darat

PERCUMA

BTDM

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA



**LATIHAN DAN PENJAJARAN
MANTAPKAN KETUMBUKAN TD**



Pembiayaan Peribadi
Jangka Pendek Untuk
Semua Anggota KT



Mudah dan Cepat

PEMBIAYAAN EKSPRES 3

RM **3,000.00**

24 Bulan
Tempoh Pembayaran

3 Lulus Dalam
Jam Bekerja

*Tertakluk kepada terma & syarat

KUNJUNGI CAWANGAN KT BERHAMPIRAN ANDA ATAU
HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT

1-300-8000-58



KOPERASI
TENTERA

www.katmb.com.my

2020:TAHUN PERLAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin
Ketua Pengarang

السلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



Menadah tangan mengucap kesyukuran di atas izin Yang Maha Esa, kita masih diberi nikmat kesihatan dan umur yang panjang serta mampu merealisasikan penerbitan Majalah BTDM siri 219 ini. Tahun 2019 telahpun melabuhkan tirainya maka tibalah tahun 2020 membuka lembaran baharu. Sehubungan dengan itu, gunakanlah kesempatan ini untuk meningkatkan prestasi diri agar menjadi insan yang lebih baik agar kelak membawa manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Lanjutan daripada itu, suka ingin saya menyentuh usaha pucuk kepimpinan Tentera Darat (TD) dalam membentuk warganya kompeten dan berada ditahap kesiagaan tertinggi, maka diisyiharkan **Tahun 2019 adalah sebagai tahun "Latihan dan Penajaran"**. Sepanjang tempoh itu, banyak keringat dan buah fikiran dikerah untuk merancang dan melaksanakan latihan individu serta kolektif untuk memastikan seluruh warga organisasi ini dicorak sejajar dengan hala tuju TD. Kejayaan melaksanakan latihan diperingkat TD, Eks Satria Perkasa telah menjadi satu penanda aras dalam mengaturgerakkan ketumbukan ini mempertahankan kedua-dua wilayah, Malaysia Barat dan Timur. Kejayaan melaksanakan latihan ini jelas memperkenan bahawa TD begitu komited mempertingkatkan kesiagaannya untuk terus mempertahankan kedaulatan tanah air serta isinya.

Tambahan daripada itu, pembangunan aspek kerohanian juga tidak diketepikan. Coretan Dari Meja Panglima Tentera Darat (DMPTD) telah menjadi aspirasi dan teladan ke arah pembentukan warganya yang mempunyai nilai jati diri, maruah dan asas keperibadian yang tinggi selaku angkatan profesional. Pendekatan penyampaian nasihat menggunakan konsep yang santai dan penggunaan bahasa kiasan menarik minat pembaca untuk mengupas intipati nukilan tersebut dengan lebih mendalam. Justeru, objektif isi kandungan yang hendak disampaikan kepada warga TD adalah lebih jitu dan jelas. Lantas, usaha ini adalah salah satu langkah yang kreatif dan proaktif untuk mendekatkan pemimpin dan anggota bawahan.

Sidang pembaca sekalian, kejayaan yang telah dimeterai dalam tahun latihan dan penajaran ini tidak seharusnya diambil sebagai titik noktah pencapaian. Mendokong hasrat kepimpinan tertinggi, usaha memartabatkan TD ini akan diteruskan lagi dengan menjadikan **Tahun 2020 sebagai tahun "Perlaksanaan dan Pemantauan"**. Segala perancangan dan persediaan yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh yang lepas kini tiba masanya untuk diimplementasi dalam mencapai objektif pelan tindakan hala tuju TD yang telah digariskan Direktif Panglima Tentera Darat (2019-2022). Oleh hal yang sedemikian, pemantauan secara berterusan adalah perlu bagi menzahirkan pencapaian yang telah disasarkan pada tahun 2020 agar keberhasilan perancangan berjaya secara total. Suka saya ingatkan kepada semua warga TD khususnya, untuk bersama-sama menyokong dan berganding bahu menjayakan hasrat tersebut bagi memastikan TD relevan sebagai benteng pertahanan daratan negara.

Pembaca sekalian, ketibaan tahun baharu ini pasti akan memperlihatkan barisan perwira dan perajurit menamatkan perkhidmatan. Secara amnya, jumlah mereka yang pernah berkhidmat semasa era insurgensi akan semakin nipis angkanya. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pelapis-pelapis pertahanan negara kini untuk menimba ilmu dan pengalaman daripada mereka yang pernah terlibat bertempur dengan pengganas komunis dahulu agar ilmu itu akan terus diwariskan kepada generasi baharu. Ingatlah, dek kerana jasa dan pengorbanan pejuang terdahulu kita telah menikmati ketenangan dan kemakmuran sekaligus telah mengangkat negara sebagai pakar dalam perang melawan insurgensi. Oleh itu, membawa kerugian besar jika ilmu ini tidak ditutut dan terhapus melalui peredaran zaman.

Sebelum saya mengakhiri nukilan ini, ingin saya ucapkan selamat tahun baru kepada para pembaca agar terus menyokong Berita Tentera Darat Malaysia dalam menaikkan imej TD di mata umum. Semoga dengan azam dan iltizam pada Tahun 2020 akan menjadikan diri kita lebih baik dari masa lalu.



MSB Menjunjung Kasih SPB
YDP Agong XVI

04

BTDM

www.btdmonline.net | 219



Edisi 219
Isi Kandungan

Paparan Menarik

16| MMR Hargai Bakti Pegawai Kanan TD

Meraikan Pegawai Kanan TD yang telah bersara dan bakal pesara pada tahun 2019 dan 2020 yang mengabdikan jiwa dan raga.

LATIHAN DAN PENJAJARAN



2019 Tahun Latihan Dan Penajaran
Diperaktkan Sepenuhnya

20

28| MMR Penghargaan PAT

Untuk Mengenang jasa serta meraikan peralihan kuasa pentadbiran ATM yang telah dicurah beliau semasa memegang tumpuk pemerintahan

30| Majlis Serah Terima Tugas PAT

Jeneral Tan Sri dato' Sri Hj Affendi merupakan anak jati Sarawak pertama yang dilantik menerajui kepimpinan tertinggi dalam ATM

32| Eks Pahlawan Tingkat Kesiagaan ATM

Penglibatan ATM di peringkat antarabangsa membuktikan Malaysia komited dalam melaksanakan tanggungjawab

BULANAN

Bersama Pemimpin |04

Misi PBB |48

Bilateral |50

PMT TD |61

PMB TD |63

1 Div |67

2 Div |72

3 Div |78

4 Div |84

5 Div |90

Trup TD |95

HUT |98

Penghargaan |106

Tentera Bersama Rakyat |108

Kebajikan |112

Keagamaan/Kerohanian |114

Sidang Redaksi

PENAUNG

Jen Tan Sri' Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi

KETUA PENGARANG

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin

EDITOR

Mej Aminin Hafizhin Minhad

WARTAWAN/JURUGAMBAR

SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan, Sjn Saiful Fazley Rusli, Sjn Nurulhaswani Ruzaini dan Kpl Ainur Aisyah Yahaya,

SUSUN ATUR DAN GRAFIK

SSjn Nor Rizam Hamad dan Saifun Hakimi Zainon

KORESPONDEN

TRUP TD

Kapt Fathi Kamil Khazali, Lt Muhamad Zainalarifin Mohamad Zainal Abidin, Lt Mohd Noradri Mat Rashid, Lt Mohd Akmal Che Isa, SSjn Ahmad Norizam Jaafar, SSjn Md Noor Sabar, LKpl Muhammad Razif Anzeli

MEDAN BARAT

Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Fikry Nordin dan LKpl Norirawati Abdul Wahab

1 DIVISYEN

Kapt Siti Rabia Aldawia, Kapt Syaiful Shahidan, Kapt Muhammad Afandi Jefri, Lt Muhammad Khawarizmi Abdul Shukor, Lt Muhammad Furqan Firdaus Rusli, Lt Ammar Abdullah, Lt Azlan Azmi, Sjn Donny Mike Andy, Sjn Juanis Tingging, Pbt Iskandar Abdullah, Pbt Muhammad Aizat Fitri Ariffin, Pbt Muhammad Aiman Solihin Hasmady, Pbt Muhammad Nawawi, Pbt Muhammad Khairulasyraf Mohd Kahar

2 DIVISYEN

Mej Mohd Said Adam Mohamed Said, Lt Muhammad Firdaus Mohd Zamri, Lt Amirul Ashraf Johari Tuan, Lt Ataillah Afham Kamarol Zaman, Lt Iqbal Aqil Mohd Fadzludin, SSjn Nurhayati Zakaria, Sjn Mohd Rashidi Ab.Ghani, Kpl Md Shukor Md Soleh, LKpl Azmi Jainuddin, Pbt Nor Azam Mohd Noh, Pbt Mohd Nor Izham Salahudin, Pbt Mohamad Zulkhairi Mohamad Don, Pbt Aliff Nashuddin

3 DIVISYEN

Mej Mohamed Fahmi Ishak, Lt Khairul Adha Roslam, SSjn Muhammad Haffizz Hamid, SSjn Azwan Pairus, Sjn Gunatharan Baskaran, Sjn Muhamad Suhamiy Jimmy, Kpl Mohd Firdaus Alias, Kpl Mohd Hafiz Hamzah, Pbt Noor Atirah Abu Seman

4 DIVISYEN

Mej Suria Sulaiman, Mej Wan Ismail Wan Abdullah, Kapt Mohd Yusof Mohd Noh, SSjn Syed Saifullah Syed Kamarulzaman, Sjn Che Azham Che Raman, Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Sadiq Zakaria, Kpl Siti Zubaidah Ramli, Kpl Mohd Nazrul Adnan, LKpl Khatijah Sahbudin,

5 DIVISYEN

Kapt Muhammad Yasin Mohd Sazali, Lt Mohammad Fakkhurradzi Mohd Yusof, Lt Safwan Lokman, Kpl Zafis Haqiemy dan Kpl Naim Ahmad

MARKAS PEMERINTAHAN LATIHAN DAN DOKTRIN

Mej Syed Kamalluddin bin Syed Mokhtarruddin



PENGORBANAN



46

Bakara Market Terpahat Sejarah Negara

48| Airmata Iringi Malbatt 850-7

Penglibatan ATM diperingkat antarabangsa membuktikan Malaysia komited dalam melaksanakan tanggungjawab.

98| HUT RSD Ke-67

Pencapaian RSD dari dahulu hingga amat dibanggakan agar setiap anggota menghormati pengorbanan serta sejarah.

KEAGAMAAN/KEROHANIAN



114

Barakah Yang Hilang

BTDM mengalu-alukan artikel, idea dan kritikan anda agar dapat dikongsi bersama. Setiap surat atau artikel perlu ada nama penuh dan di tandatangani. Segala sumbangan artikel boleh disalurkan terus kepada:

Pengarang BTDM, Tingkat 8-11,

Markas Tentera Darat,

**Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR**

atau

**e-mail: btdmonline@gmail.com Faks: 03-26985536/03-26923195
Tel: 03-20716290**

MSB MENJUNJUNG KASIH SPB YDP AGONG XVI

Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan mencemar duli ke Majlis Santapan Beradat (MSB) Menjunjung Kasih SPB Yang di-Pertuan Agong XVI sempena memuliakan baginda di Wisma Perwira ATM pada 1 Okt 2019.

Terdahulu keberangkatan tiba KDYMM disambut oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin, MSB ini bertujuan untuk memuliakan baginda selaku Pemerintah Tertinggi ATM.

Dalam ucapan PAT kepada SPB, beliau merafak sembah setinggi-tinggi penghargaan kepada baginda di atas menerajui pucuk pimpinan pemerintahan ATM.

Seramai 500 pegawai dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM hadir dalam majlis tersebut dan turut membabitkan perarakan masuk lima Panji-panji SBP iaitu Panji-panji Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja (RRD), Kor Armor Diraja (KAD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Panji-panji Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Turut hadir Menteri Pertahanan Malaysia, Hj Mohamad Sabu, Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan

Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mod Sany, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM dan Panglima-panglima Perkhidmatan.







Sambutan Maulidur Rasul 2019 Peringkat ATM

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 114 pegawai dan 326 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri dari ketigatiga cabang perkhidmatan Darat, Laut dan Udara terlibat dalam perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat ATM Tahun 1441H/2019 bermula dari Padang Kawad KEMENATAH hingga ke Dataran Masjid Khalid Al-Walid pada 22 Nov 2019.

Perarakan ini di ketuai oleh Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi yang mana setiap kontinjen perarakan telah berselawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW.

Sebaik tiba di perkangan masjid semua yang terlibat masuk ke dewan solat utama bagi meneruskan acara seterusnya iaitu Solat Sunat Dhuha, Pelancaran Buku Kitab Al-Maghazi dan Perasmian Karnival Rahmah 2019 disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato'



Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin.

Sambutan Maulidur Rasul pada kali ini bertujuan sebagai mendokong konsep Negara Rahmah Ummah Sejahtera yang diperkenalkan pada sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan dan juga bagi menyemarakkan nilai-nilai kasih sayang dalam kalangan warga ATM.

Selain itu sambutan yang diadakan selama tiga hari bermula dari 21 hingga 23 Nov 2019 ini telah dibuka kepada orang ramai melalui penganjuran Karnival Rahmah dengan pelbagai aktiviti diadakan seperti Rawatan Perubatan Islam, Perkhidmatan Kaunseling, Kaunter Zakat Bergerak, Klinik Al-Quran, Tulisan Khat, Pameran Tabung Haji, Gerobok Rezeki dan gerai jualan.

Turut menyertai perarakan, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany dan Ketua Staf MK ATM, Lt Jen Datuk Kamalruzaman Mohd Othman TUDM.





Majlis Pelancaran Yayasan Amanah ATM



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Yayasan Amanah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertempat di Dewan Salahuddin Al-Ayubi Masjid Khalid Al-Walid KEMENTERIAN pada 27 Dis 2019.

Yayasan Amanah ATM diadakan untuk mewujudkan mekanisme penyaluran dana (sumbangan) secara efektif melalui akaun Yayasan yang tersusun dan sempurna.

Selain itu, ianya bertujuan untuk menyemai budaya membantu di kalangan warga Kementerian Pertahanan dan ATM untuk sama merasai kepayaan

serta kekurangan yang dihadapi oleh golongan atau kelompok yang kurang berkemampuan.

Pengumpulan dana adalah



melalui inisiatif sedekah jariah dan sumbangan sukarela serta melaksanakan pemotongan gaji secara berpusat kepada warga ATM dan Awam Kementerian Pertahanan yang berminat untuk menyumbang kepada yayasan tersebut.

Matlamat penubuhan yayasan ini adalah seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang diperkenalkan oleh kerajaan, selain itu juga selari dengan matlamat yang didukung oleh United Nations

Agenda 2030 untuk mencapai Agenda Pembangunan Mapan (*Sustainable Development Goals*) di mana, pendekatan pembangunan inklusif tidak akan meminggirkan sesiapa pun di bawah prinsip *leaving no one behind*.

Melalui inisiatif serta penubuhan yayasan ini, usaha untuk meningkatkan kualiti hidup di kalangan warga Kementerian dan ATM tidak akan terhenti dan berkesinambungan serta akan memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan juga agama.

Pada masa sama ia diadakan sempena pelancaran yayasan ini adalah penyampaian dana sumbangan kepada yayasan berkenaan iaitu Markas ATM, ketiga-tiga cabang Perkhidmatan ATM, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Amanah ATM, Koperasi Tentera, Tabung Zakat ATM, SCS Sdn. Bhd dan Sapuran Secured Technologies.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara (PTU), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang dan Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany.



Agong Kurnia Pingat DKAT Kepada Perwira ATM



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

KUALA LUMPUR: Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan

Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hjh Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan mencemar duli ke Istiadat Pengurniaan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera (DKAT) di Balairung Istana Melawati, Putrajaya pada 9 Okt 2019.

DKAT dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku sebaik ketibaan Agong dan Permaisuri Agong lalu istiadat pengurniaan dimulakan dengan pengurniaan pingat terdiri dari Pingat Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT), Panglima Setia Angkatan Tentera (PSAT), Pahlawan Angkatan Tentera (PAT), Kesatria Angkatan Tentera (KAT) dan Bentara Angkatan Tentera (BAT).

Seramai 605 penerima dianugerahkan pingat dalam Istiadat DKAT pada kali ini, di mana terdapat dua sesi iaitu sesi pertama diadakan pada 8 Okt 2019 dan sesi kedua pada 9 Okt 2019.

Penganugerahan Pingat DKAT ini diberikan kepada pegawai dan anggota LLP yang berkelayakkan di atas jasa dan pengorbanan yang dicurahkan di dalam perkhidmatan ATM.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan Senator Chin Tong, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM.

Kunjungan Hormat PTD Singapura

KUALA LUMPUR: Panglima Tentera Darat Singapura, Major General Goh Si Hou melakukan Kunjungan Hormat ke atas rakan sejawatnya Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi sempena lawatan rasmi beliau ke Malaysia di Wisma Pertahanan pada 8 Nov 2019.

Sebaik tiba di Perkarangan Wisma Pertahanan, Major General Goh Si Hou disambut oleh PTD lalu menerima tabik hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU) Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) yang terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Mej Mohd Shaiful Amir Omar.

Selesai KKU, PTD mengiringi beliau untuk diperkenalkan kepada Pegawai Kanan Tentera Darat dan seterusnya meneruskan acara kunjungan hormat di pejabat PTD serta menandatangani buku lawatan.

Major General Goh Si Hou telah dilantik sebagai PTD Singapura sejak 21 Mac 2018. Beliau bertemu dengan kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Darat Malaysia



bertujuan untuk membincangkan inisiatif pengukuhan hubungan ketenteraan yang sedia terjalin antara dua negara sejak sekian lama.

Dalam pada itu juga, beliau turut berkesempatan melakukan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin di Wisma Pertahanan.

Majlis diakhiri dengan jamuan

makan tengah hari serta acara penyerahan cenderahati dan buku Dari Meja PTD sebagai kenangan kepada Panglima Tentera Darat Singapura, Major General Goh Si Hou bersama rombongan beliau di Wisma Perwira ATM.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan pegawai kanan TD. **Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini**
Gambar: Saifun Hakimi, Kpl Ainur Aisyah

PTD Brunei Ahli Hall Of Fame Ke-12 MPAT

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Brig Jen Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed Awang Hj Lampoh dimasihyurkan sebagai Ahli Hall Of Fame Ke-12 Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dalam Majlis Pemasyuran Hall Of Fame Siri 12/2019 di Dewan Trisakti, MPAT pada 11 Okt 2019.

Majlis ini disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di mana pemasyuran ini secara tidak langsung untuk memberi pengiktirafan secara nyata dan merupakan penghormatan berprestij tertinggi MPAT kepada alumninya.

Selain itu, ia juga sebagai tanda penghargaan di mana mereka yang terdiri daripada alumni maktab yang telah berjaya menjawat jawatan tertinggi di dalam perkhidmatan masing-masing.

MPAT merupakan institusi pendidikan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menyediakan pendidikan profesional di peringkat Sarjana yang dihadiri oleh Pegawai-pegawai ATM berpangkat Leftenan Kolonel dan Kolonel atau setaraf daripada ketiga-tiga perkhidmatan ATM bagi melengkap dan menyediakan



mereka untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi.

Menyentuh keperibadian Brig Jen Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed Awang Hj Lampoh, beliau menghadiri latihan rekrut pada 5 Feb 1990 dan tamat latihan Pegawai kadet pada 19 Jun 1991 di *Officer Cadet School*, Waiouru, New Zealand.

Bagi menghargai jasa dan sumbangan kepada Negara dan Perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan Darjah Pahlawan Negara Brunei (P.S.P.N.B) Yang Amat Perkasa Darjah Pertama

pada tahun 2018 yang membawa gelaran Dato Seri Pahlawan.

Brig Jen Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed Awang Hj Lampoh telah mendirikan rumah tangga bersama Datin Mazlin Osman dan dikurniakan enam cahaya mata.

Turut hadir Ketua Staf ATM, Lt Jen Dato' Kamarulzaman Mohd Othman TUDM, Asisten Ketua Staf Bahagian Operasi Latihan dan Pertahanan, Mej Jen Hashim Aman Shah dan Komandan MPAT, Laksma Mohd Fadzil Kamal Mohaldin.

Majlis Meraikan Penasihat Pertahanan Asing



KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin hadir dalam Majlis Makan Malam Meraikan Penasihat Pertahanan Asing di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 29 Okt 2019.

Terdahulu ketibaan PAT disambut Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan

selaku Pengurus Penganjur, Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan diiringi Penasihat Pertahanan Afrika Selatan selaku Yang Dipertua Penasihat Pertahanan, Kol Lamla Malotana.

Majlis ini merupakan acara tahunan bersempena Hari ATM Ke-86 serta mengeratkan hubungan

silaturrahim di antara Malaysia dengan negara luar.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM.

- Kpl Ainur Aisyah Yahaya

Lebih Tinggi Pangkat Maka Lebih Tinggi Piawaian Yang Perlu Dipenuhi - PTD



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 27 pegawai kanan Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM pada 23 Okt 2019.

Mendahului senarai, Kol Norsham Md Tap yang dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Sekretariat Markas Angkatan Tentera Malaysia (MK ATM), Kol (Dr) Faridzal Harrymen Mohd Din dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Ketua Pengurusan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan MK-ATM, Kol (Dr) Syed Edi Sazaly Syed Hardzir dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Pakar Perubatan 96 Hospital Angkatan Tentera dan Brig Jen Sukarela kepada Kol Abang Mohammad Hj Abang Marzuki dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Komander Rej 511 AW.

Majlis pemakaian pangkat juga kepada dua pegawai kanan dinaikkan pangkat daripada Lt Kol ke Kol didahului

oleh Lt Kol Ahmad Najib Othman yang menjawat jawatan sebagai Pengarah Sekretariat MK- ATM dan Lt Kol Zamri Kamarudin dinaikkan pangkat daripada Lt Kol ke Kol dan menjawat jawatan sebagai Kol Risik Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat.

Manakala seramai 23 pegawai kanan termasuk Pegawai Sukarela AW dinaikkan pangkat dari Mej ke Lt Kol.

Dalam ucapan PTD, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pegawai yang dinaikkan pangkat, ianya kur-niaan Ilahi serta berkat hasil kegigihan, integriti dan sifat terpuji yang konsisten, ketiga-tiga aspek tersebut adalah antara ciri-ciri asas bagi pemimpin.

“Sesungguhnya kenaikan pangkat ini menunjukkan saudara saudari telah berusaha bersungguh-sungguh, mengutamakan dedikasi dalam melaksanakan tugas dan amanah serta memberikan kesetiaan kepada TD. Lebih tinggi pangkat maka lebih tinggi tahap piawaian yang perlu dipenuhi,” tegas PTD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan serta pegawai kanan TD.



PAT Thailand Terima Beret Merun Kehormat



Oleh: Lt Fadhlul Baqi Ahmad Ajemi
Gambar: 10 Bgd (Para)

MELAKA: Majlis Pengurniaan Beret Merun dan Sayap Penerjunan Kehormat kepada Panglima Angkatan Tentera (PAT) Diraja Thailand, Jen Ponpipaat Benyasi

disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi pada 31 Okt 2019.

Majlis pengurniaan ini berlangsung di Dataran Parawood, 8 RRD (Para) adalah bersamaan lawatan rasmi beliau ke Malaysia bagi menghadiri *High Level Committee Meeting* (Malaysia-Thailand) ke-36 yang berlangsung pada 31 Okt hingga 1 Nov 2019 di Melaka.

Jen Ponpipaat Benyasi dan deligasi *Royal Thailand Armed Forces* turut dipertonton dengan demonstrasi *Repelling/Abseiling/Fast Roping*, Tempur Tanpa Senjata (TTS), Renang Tempur, *Tactical Combat Casualty Care* (TCC), serta Demonstrasi Tarian Perang 10 Bgd (Para) yang melibatkan seramai 25 pegawai dan 1035 anggota Lain-Lain Pangkat 10 Bgd (Para).

Turut hadir Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim, AKS BOLP, Mej Jen Hashim Aman Shah, AKS OPLAT, Mej Jen Dato' Muhammad Anwar Abdullah, Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki, Panglima 1 Bgd, Brig Jen Mohd Nazri Abd Rahman dan Komander Artilleri Divisyen, Brig Jen Noor Sazali Puteh.

Majlis Santapan Rejimental Bersama Kol YDP KPD

KUALA LUMPUR: Kebawah DYMM Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman merangkap Kolonel Yang Dipertua Kor Perkhidmatan Diraja dan Kebawah DYMM Sultanah Maliha Binti Almarhum Tengku Ariff, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman telah mencemar duli hadir ke Majlis Santapan Rejimental Bersama Kol YDP KPD di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM pada 3 Nov 2019.

Majlis yang dilaksanakan dengan penuh adat istiadat ketenteraan tersebut telah dimulakan dengan menyambut keberangkatan tiba DTM Tunku Laksamana Kedah Dato' Seri Diraja Tunku Shazuddin Ariff Ibni Al Aminul

Karim Sultan Sallehuddin, serta Keberangkatan Tiba DYTM Tengku Sarafuddin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah, dan DYTM Che Puan Muda Zaheeda, Raja Puan Muda Kedah yang disambut oleh AKS Logistik Pertahanan, Mej Jen Datuk Hj Hasim Jabar merangkap Pengerusi KPD, bersama isteri Datin Hjh Zarina Hj Ghazali serta pegawai-pegawai Kanan Kor

Majlis Santapan Rajimental ini telah dihadiri seramai 368 pegawai-pegawai KPD dan turut melibatkan Panji-Panji Rejimen 72 Bn KPD. Di dalam majlis santapan tersebut Pengerusi Kor Perkhidmatan Diraja telah memberi sembah ucapan beliau kepada semua tetamu yang hadir dan disusuli dengan upacara pemotongan kek sempena Setahun Pertabalan Kebawah DYMM Tuanku Sultan Negeri Kedah.

Turut memeriahkan majlis santapan tersebut adalah kehadiran Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi dan isteri, Puan Sri Datin Seri Noor Akmar Yaacob, Timb Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan isteri, Datin Nor Hanita A. Hamid, serta mantan Pengerusi KPD ke 6 & 8, Mej Jen Dato' Nordin Hj Rahok (Bersara) dan isteri Datin Jariah Bahari. - Kapt Aizuddin Abdullah, Gambar: LKpl Farid Abdullah



Dialog Perwira 4 Pembangunan Kertas Putih Pertahanan



Oleh: J7 MK ATM

KUALA LUMPUR: Dialog Perwira 4 adalah siri dialog keempat dan terakhir ke arah pembangunan Kertas Putih Pertahanan (KPP) telah berlangsung di hotel terkemuka sekitar Kuala Lumpur pada 24 Okt 2019.

Sesi dialog kali ini dimulakan dengan ucaptama yang disampaikan oleh Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu.

Dialog Perwira 4 membawakan tema "Kertas Putih Pertahanan: Mempertahankan Negara (*Defence White Paper: Defending the Nation*)" menampilkan tiga panel

iaitu Timb. Setiausaha Bahagian, Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan, En. Sahipulhijaiman Sulaiman, Ketua Staf Markas ATM, Lt Jen Dato' Kamalruzaman Mohd Othman TUDM dan Prof. Madya Dr. Kuik Cheng Chwee (Universiti Kebangsaan Malaysia) bersama Profesor BA Hamzah sebagai Pemudahcara (moderator).

Ucapan penutup sesi dialog kali ini telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Seramai 200 orang menyertai sesi dialog ini yang terdiri daripada wakil-wakil persatuan masyarakat sivil dan veteran serta melakar sejarah penganjuran majlis yang pertama oleh MiDAS setelah diletakkan di bawah pentadbiran Pusat Pengajian Pertahanan Malaysia (PUSPAHANAS).

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

Makan Malam Amal Kempen Tabung Pahlawan 2019

KUALA LUMPUR: Majlis Makan Malam Amal Kempen Tabung Pahlawan 2019 yang dihadiri oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad, mengiringi Penaung Tabung Pahlawan, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali.

Majlis ini bertujuan untuk meraikan dan menghargai penyumbang dana kepada Kempen Tabung Pahlawan sejak pelancaran kempen pada 19 Sep 2019.

Pada tahun ini JHEV ATM telah dipertanggungjawab untuk menguruskan Kempen Tabung Pahlawan 2019 bermula dari bulan Ogos 2019 sehingga Februari 2020 dengan sasaran kutipan sebanyak RM 6 juta.

Setakat ini jumlah kutipan telah berjaya melebihi sasaran kutipan iaitu sebanyak RM 9,196,379.15. Antara penyumbang terbesar ialah ADAP 40rty Global Sdn.Bhd., Yayasan Al-Bukhary, dan Weststar Group.

Dana Tabung Pahlawan akan dimanfaatkan untuk tujuan bantuan kebaikan kepada Veteran ATM dan ahli keluarga secara menyeluruh merangkumi Veteran Kelainan Upaya (VKU), bantuan kepada bala dan anak-anak veteran dalam kategori OKU, memberi bantuan kepada veteran yang terlibat dalam musibah dan bencana alam, bantuan ehsan bagi veteran dan bala veteran yang dalam keadaan daif, bantuan kepada asnaf veteran ATM, bantuan perubatan dan bantuan pendidikan anak Veteran ATM yang memerlukan.

Walaubagaimanapun sumbangan kepada Kempen Tabung Pahlawan masih lagi diteruskan dan sumbangan boleh

disalurkan melalui tiga kaedah. Kutipan secara dalam talian melalui Portal Kempen Tabung Pahlawan di pautan <http://tabungpahlawan.jhev.gov.my> atau terus ke akaun AFFIN BANK 1059 5000 3201 di atas nama 'Tabung Rayuan Hari Pahlawan'. Sumbangan daripada syarikat-syarikat GLC dan korporat serta masyarakat umum. Kutipan jalanan secara langsung yang dilaksanakan oleh Persatuan-Persatuan Veteran ATM di seluruh Negara.

Sehubungan itu semua lapisan masyarakat, pihak swasta dan korporat diseru untuk sama-sama menyumbang kepada Kempen Tabung Pahlawan sebagai tanda pengiktirafan di atas pengorbanan yang telah dicurahkan oleh Pahlawan-pahlawan Negara. - J7 MK ATM



PAT Lawat Kawasan Op KTJ 2 Bgd



Oleh: Cwg Risik 2 Bgd

PERAK: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin dan rombongan telah melaksanakan lawatan ke kawasan operasi KTJ 2 Bgd di Banding mulai 19 hingga 21 Nov 2019.

Lawatan yang diadakan adalah untuk melihat trup barisan hadapan yang menjaga perbatasan negara

serta menyuntik semangat kepada anggota dan pada masa yang sama mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh mereka yang sedang beroperasi.

Dalam sesi perjumpaan PAT bersama anggota, PAT menasihatkan anggota supaya mengambil kesempatan di dalam gerakan untuk mendalami ajaran agama Islam dan mempertingkatkan semula bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Beliau juga menyeru semua anggota agar berjimat cermat dalam perbelanjaan sehari-hari dan bijak menguruskan kewangan berpandukan kepada 3 konsep iaitu berbelanja, simpanan dan bayaran tetap.

Sesi lawatan ini juga, PAT turut berkesempatan melawat perkampungan orang Asli dan menyampaikan sumbangan kepada penduduk Orang Asli di Kg Bongor, Banding sebagai tanda penghormatan ATM kepada kaum asli di kg tersebut, mengakhiri sesi lawatan, PAT telah menyempurnakan acara penanaman pokok durian di FOB Nov.

PAT mengucapkan ribuan terima kasih kepada Panglima 4 Div, Panglima 2 Bgd, Peg Mem 3 RS dan seluruh warga 3 RS dan semua yang terlibat dalam lawatan ini.

Turut mengikuti lawatan ini adalah Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Redzuan Hj Baharuddin dan Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak bin Sulaiman.

Menteri Pertahanan Terima Kunjungan TYT. Prabowo Subianto

KUALA LUMPUR: Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, telah menerima kunjungan daripada TYT H. Prabowo Subianto, Menteri Pertahanan Republik Indonesia sempena lawatan rasmi beliau ke Malaysia pada 14-15 Nov 2019.

Lawatan ini merupakan lawatan rasmi pertama ke luar negara oleh TYT H. Prabowo Subianto selepas dilantik sebagai Menteri Pertahanan pada 23 Oktober 2019.

Sempena lawatan rasmi ini, YB Menteri telah mengadakan perbincangan dua hala dengan TYT H. Prabowo Subianto dengan kedua-dua pihak mengesahkan komitmen untuk terus mempertingkatkan kerjasama pertahanan sedia ada bagi kepentingan bersama dalam mencapai keharmonian, kestabilan dan kemakmuran di rantau Asia Tenggara.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua Menteri turut bertukar pandangan mengenai isu yang mempunyai kepentingan strategik dan operasi bagi kedua-dua negara. Landskap keselamatan global yang dinamik turut disentuh oleh kedua-dua Menteri dan ancaman keselamatan bukan tradisional khususnya ancaman keganasan menjadi fokus utama bagi kedua-dua pihak.

YB Menteri dan TYT H. Prabowo Subianto memperakui bahawa lawatan rasmi ini mencerminkan hubungan pertahanan dua hala yang erat dan dinamik antara kedua-dua negara. Lawatan rasmi ini juga turut mengesahkan komitmen Indonesia kepada Malaysia

sebagai rakan pertahanan utama di rantau ini.

Terlebih dahulu, sebaik tiba di Perkarangan Wisma Pertahanan, TYT H. Prabowo Subianto, telah menerima tabik hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU) dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang terdiri daripada 3 Pegawai dan 103 anggota diketuai oleh Mej Mohd Izham Ahmad Rashidi.

Hadir sama, YB Senator Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin, Panglima Angkatan Tentera, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta para Pegawai Kanan Awam dan Angkatan Tentera Malaysia. - MK ATM



Chiefs' Circle Talk 2/2019



Oleh: Kementerian Pertahanan

KUALA LUMPUR: Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu menyampaikan ucaptama di Chiefs' Circle Talk (CCT) 2/2019 bertempat di Wisma Perwira ATM pada 6 Nov 2019.

Lebih bermakna lagi, majlis ini juga dihadiri mantan-mantan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Mantan-mantan Ketua Setiausaha (KSU) dan mantan-mantan

2019, majlis telah berlangsung dengan penuh harmoni dan semangat untuk merealisasikan KPP buat pertama kalinya.

Turut hadir, Timb. Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli Haji Zainal Abidin, Panglima-panglima Perkhidmatan serta pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

PAT Rasmi Cawangan Sniper dan Tinjau PULADA

Oleh: Mej Nor Shafiza Zakaria

JOHOR: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin telah melakukan Lawatan Kerja ke Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) dan turut Merasmikan Pembukaan Cawangan Sniper dan Tinjau (CST Infantri) di Kem Ulu Tiram pada 3 Dis 2019.

Cawangan ini ditubuhkan bagi memastikan Infantri lebih berdaya saing dan efektif selaras dengan keperluan peperangan semasa dan bertujuan melatih anggota Infantri untuk menjadi Jurulatih Sniper Infantri yang diwujudkan di Pusat Latihan ini.



Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman, Pegawai-Pegawai Kanan TD serta Komandan PULADA, Kol Isa Daud.



MMR Hargai Bakti Pegawai Kanan TD

Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 46 Pegawai Kanan Tentera Darat (TD) diraikan dalam Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) sempena Persaraan Pegawai Kanan TD yang dihadiri oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Wisma Perwira Tentera Darat (TD) pada 15 Nov 2019.

Majlis yang penuh istiadat ini bertujuan meraikan Pegawai Kanan TD yang telah bersara dan bakal bersara pada tahun 2019 hingga 2020 yang telah mengabdikan seluruh jiwa dan raga dengan penuh komited kepada negara serta perkhidmatan ATM amnya dan TD khasnya.

Dalam ucapan PTD, beliau mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pegawai Kanan TD di mana segalah jasa dan khidmat bakti yang telah





dicurahkan akan terus diingati dan dihargai.

"Saya ucapan selamat bersara, selamat menempuh dunia awam dan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang diceburi dan harapan saya agar hubungan silaturahim yang sedia terjalin tidak akan putus," ujar PTD.

Turut hadir Timbalan Panglima

Tentera Darat (PTPD), Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir

Hj Mami dan Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Dato' Wira Zamrose Mohd Zain.



Majlis Reunion 14 RAMD Mek

Bersama PAT



Oleh: Kapt Mohd Naim Mustapha
Gambar: Kpl Muhammad Ilham Hamidun

GEMAS: Seramai 250 orang veteran Batalion Ke-14 Rejimen Askar Melayu Diraja (Mekanize) (14 RAMD(Mek)) telah menghadiri Majlis Reunion 14 RAMD yang diadakan pada 14 Dis 2019.

Majlis yang diadakan di Garaj Kenderaan Jenis A, 14 RAMD (Mek), Kem Syed Sirajuddin, Gemas, bertujuan untuk memperingati jasa dan pengorbanan veteran-veteran terdahulu sejak penubuhan 14 RAMD (Mek), Batalion ini telah ditubuhkan pada 1 Jan 1970 sebagai Batalion Infantri Biasa.

Kemudian, batalion ini melalui pelbagai transformasi bermula dengan perubahan kepada Batalion Infantri Gaya Baru, seterusnya menjadi Batalion Bantuan, disusuli dengan pemisahan sebuah kompeni sebagai Komp Bantuan Para.

11 Bgd laksana Sambutan Maulidur

SELANGOR: DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Selangor, DYMM Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman serta DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah berkenan mencemar duli berangkat ke Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1441H/2019M yang diadakan di Shah Alam pada 9 Nov 2019.

Perarakan Sambutan Maulidur Rasul pada kali ini yang bertemakan "Negara Rahmah, Ummah Sejahtera" bermula dari Stadium Mini, Shah Alam ke Stadium Malawati, Shah Alam sejauh 2.3 KM.

Briged Ke-11 Infantri Malaysia (11 Bgd) telah diberikan tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelaraskan acara perarakan yang melibatkan 76 kontingen sebagai AJK Perbarisan dan AJK Pengadil.

Penglibatan ATM adalah seramai



21 pegawai dan 106 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri daripada pasukan-pasukan naungan 11 Bgd yang diketuai oleh Pegawai Staf Stesen MSS Sg Buloh, Lt Kol Abdul Ghaffar Ishak.

Turut hadir Dato' Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, Ketua Staf

MK 11 Bgd, Lt Kol Samsul Asmadi Mohamed Amin, Pegawai Memerintah serta Pemerintah pasukan-pasukan naungan 11 Bgd dan Pegawai-pegawai Staf MK 11 Bgd.- **Kapt Fakhrullman Mohd Shamsuddin, Gambar: Staf Cwg Risik MK 11 Bgd - MK Bgd Ke-11 Infantri Malaysia**

Pesta Perisik Platform Rakyat Fahami Tugas KRD

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

SELANGOR: Kor Risik Diraja (KRD) telah mengadakan Karnival Pesta Kor Risik Diraja (PERISIK) yang di sempurnakan oleh Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan (KPPP), merangkap Pengerusi Kor Risik Diraja, Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang pada 7 Dis 2019.

PERISIK yang dianjurkan oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) ini adalah bersempena Sambutan Jubli Emas Kor Risik Diraja (KRD) Ke-50 dan ianya terbuka kepada orang ramai dan dilaksanakan selama tiga hari bermula dari 6 hingga 8 Dis 2019.

Karnival yang bertemakan KRD: Transformasi dan Keunggulan ini telah mewujudkan platform untuk rakyat Malaysia melihat dengan lebih dekat dan fungsi perisikan ketenteraan sambil turut serta menyertai acara-acara yang telah disusun sepanjang karnival berlangsung.

Karnival ini juga mendedahkan kepada orang ramai akan transformasi agensi perisikan daripada operasi konvensional kepada siber dan



di sekeliling mereka tanpa disedari melalui penganjuran pelbagai aktiviti

Ancaman yang wujud ini turut bertransformasi dari ancaman komunis kepada ancaman terkini iaitu siber dan pengganas

Selain dari pameran ketenteraan dan promosi kerjaya ATM, turut dianjurkan adalah aktiviti derma darah dan pemeriksaan kesihatan oleh ATM secara percuma, Pertandingan E-Sport bagi golongan muda dan

peminat siber, Pertandingan Soccer dan Netball Penalty Shoot, Street Workout Battle, Combat Archery, Adventure Sports, Larian Perisik, Bikers Show, Konser, Food Truck dan Pertunjukan motosikal dari kumpulan Acoi Pangkolo turut melibatkan artis dalam bidang berkenaan.

Malah yang lebih menarik, PERISIK juga mengajak syarikat-syarikat tempatan yang mampu mencipta dan membina peralatan dan aset canggih



terorisme seiring dengan perubahan ancaman masa kini di samping mewujudkan *security awareness* kepada masyarakat berhubung ancaman-ancaman terkini yang memfokus kepada siber dan terrorisme.

Pada masa yang sama, melalui pameran dan aktiviti yang disediakan ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang ancaman yang wujud



untuk tujuan pertahanan setanding dengan negara maju yang lain.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdulla, Timbalan KPPP, Mej Jen Ahmad Norihan Jalal dan Penasihat Pertahanan luar negara.

LATIHAN DAN PENJAJARAN



2019



Tahun *Latihan Dan Penajaran Dipraktikkan Sepenuhnya*

Oleh: Sjn Nurul Haswani Ruzaini

Tahun 2019 merupakan tahun yang mencabar buat Tentera Darat dimana tahun tersebut merupakan tahun Latihan dan Penajaran bagi membuktikan kredibiliti TD berada ditahap yang maksima bagi meyakinkan rakyat bahawa TD adalah benteng pertahanan utama negara.

Latihan dan Penajaran amat diperlukan dalam membentuk sebuah angkatan yang kredibel dan mantap di mana setiap anggota profesional, mahir dan terlatih untuk menghadapi apa jua situasi peperangan masa kini.

Oleh yang demikian, setiap Kor atau Rejimen (Rej) dalam TD harus menitikberatkan tahap kesiapsiagaan dan keupayaan dalam menggalas peranan masing-masing untuk menghadapi cabaran mendatang. Tempoh ini bukan saja digunakan untuk berlatih memperkasakan doktrin dan prosedur dalam berhadapan dengan situasi sebenar, sebaliknya penajaran juga akan dilakukan bagi memastikan setiap intipati organisasi mempunyai objektif dan hala tuju yang sama.

Apabila bercakap tentang tugas dan peranan seorang anggota tentera umum mengetahui yang tentera telah dilatih untuk berperang dengan musuh terutamanya komunis ketika zaman darurat dahulu. Bagaimana dengan keadaan aman pada masa kini, apakah yang mereka lakukan?

Sebenarnya tentera sentiasa berlatih ketika waktu aman sebagai persediaan untuk mempertahankan negara ketika sedang berperang. Hanya anggota tentera itu sendiri yang tahu tanggungjawab sendiri yang tergalas di bahu masing-masing.

Dengan adanya anggota tentera dapatlah rakyat negara Malaysia hidup dengan aman dan damai tanpa menghadapi sebarang peperangan.

Walaubagaimanapun, Tentera Darat Malaysia (TDM) sentiasa mempersiapkan anggota serta aset-aset supaya berada dalam keadaan yang baik bersesuaian dengan Perintah Ulung Panglima Tentera Darat (PTD) Ke-27, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohamad Nawawi yang mahukan Tahun 2019

LATIHAN DAN PENJAJARAN

sebagai tahun Latihan dan Penajaran. Merealisasikan hasrat pucuk pimpinan tertinggi Tentera Darat (TD), sambutan meraikan Hari TD Ke-86 pada kali ini dilaksanakan dengan kelainan yang berbeza dari sambutan TD yang terdahulu.

Perbarisan Hari Tentera Darat Ke-86 telah disambut bertempat di Sungai Siput, Perak pada 1 Mac 2019. Pemilihan tempat sambutan ini merupakan lokasi pertama darurat yang diisytiharkan di Tanah Melayu pada 1948 sekali gus mengingatkan jasa dan pengorbanan pejuang terdahulu dalam mempertahankan kedaulatan tanah air.

Selain itu sambutan ini turut disusuli dengan pelaksanaan Eksesais SATRIA PERKASA iaitu untuk mengejuti keupayaan formasi dan pasukan termasuk keberkesanannya penyatuhan operasi selain menilai kemampuan TD dalam mengatur gerak kumpulan Briged Infanteri sekali gus melaksanakan latihan secara sistematis. Apa yang menarik, ianya diadakan serentak dengan pelancaran latihan medan peringkat Briged di kedua-dua Pemerintahan Medan Barat dan Timur.

Dalam mempersiapkan diri untuk berlatih, apa yang lebih penting adalah penajaran sikap serta *mindset* perlu diselaraskan khususnya dalam melaksanakan penugasan selaku warga organisasi yang berkredibel. Penajaran yang dilakukan ini akan merubah tingkah laku, kemahiran serta pengetahuan ke tahap yang diperlukan. Realignment ini amat diperlukan bagi mengurangkan capability gap agar prestasi warganya memenuhi kehendak organisasi.

Bermula dari hari pertama melapor diri ke Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), anggota tentera telah dilatih, diajar untuk mempersiapkan diri, mental dan fizikal serta rohani dalam mempertahankan kedaulatan negara. Ianya tidak terhenti apabila mereka telah tamat latihan asas di PUSASDA malah bermula pula pembelajaran baharu ketika melapor diri di pasukan masing-masing. Selagi berada dalam perkhidmatan seorang anggota itu tetap belajar sesuatu yang baharu pada setiap hari.

Ini bagi meningkatkan kemahiran diri dan tahap penguasaan terhadap bidang yang dipelajari. Anggota tentera sendiri jangan mudah terpengaruh atau mengambil jalan mudah untuk terus berjaya kerana tiada kejayaan yang datang bergolek tanpa sebarang usaha yang kental. Apabila melibatkan senjata api, warga tentera yang mengendalikan harus memiliki kemahiran dan pengalaman agar tidak timbul sebarang isu dikemudian hari. Walaupun tugas sehari-hari bermain dengan senjata api, namun warga tentera sentiasa berlatih untuk lebih mahir dalam mengendalikannya.

Mengimbang kembali kisah seorang pegawai tentera unit Komando yang terkorban ketika melakukan demonstrasi penubuhan Markas 5 Divisyen di Sabah pada bulan September lepas, beliau merupakan seorang anggota tentera yang terlatih mahir dalam penguasaan senjata namun ajal maut di tangan tuhan kita tidak dapat mengelak segala ketentuan dari Ilahi. Berita ini menggemparkan negara dan bermacam-macam reaksi, pandangan serta pendapat dari orang ramai. Ada diantaranya yang memuji namun masih terdapat yang mengejinya. Itulah tugas seorang anggota tentera yang sentiasa berlatih, berlatih dan terus berlatih bagi mempersiapkan diri menghadapi dugaan sebenar perperangan.



Senjata api, peluru hidup dan bom adalah mainan seorang anggota tentera. Biarpun mempertaruhkan nyawa demi mempertahankan kedaulatan negara mereka sanggup tolak ke tepi sebarang bahaya atau kemungkinan yang bakal terjadi. Kerana niatnya hanya memastikan orang awam dapat menikmati kenikmatan hidup dalam keadaan selesa dan harmoni dengan berbilang bangsa dan kaum.



Atas sebab dan alasan inilah mereka sentiasa berlatih dengan melakukan pelbagai eksesais demi menguji kemampuan aset dan meningkatkan lagi kemahiran sebagai seorang anggota tentera.

Di masa yang sama, PTD turut menekankan bahawa TD merupakan elemen penting dalam menentukan kemakmuran dan keamanan negara dan beliau memutuskan pendekatan terbaik bagi TD adalah ASAS yang bermaksud Amal, Sistem Pemerintahan Rejimental, Adaptasi dan Siap Siaga dalam memperkasakan empat tonggak utama iaitu angkatan professional, ketumbuhan siap siaga, keutuhan organisasi dan memperkasakan kualiti hidup.

Beliau sentiasa menyeru dan mengingatkan seluruh warga TD menerusi nukilan Dari Meja Panglima Tentera Darat yang menyentuh betapa pentingnya latihan sama ada yang formal maupun tidak. Melalui latihan dan penajaran yang sewajarnya, TD akan dapat meningkatkan kualiti



perkhidmatan dengan mengenal pasti keperluan dan penyediaan latihan yang diperlukan berdasarkan *core-competencies* setiap cabang perkhidmatan TD

Selain dari membangunkan *human capital* yang sedia ada, TD juga dilengkapi dengan persenjataan yang moden dan canggih agar mampu mempertahankan kedaulatan negara baik dari darat, laut maupun udara. Penyerapan dan keseimbangan teknologi tinggi merupakan nadi penggerak di dalam usaha TD untuk muncul sebagai ketumbukan yang kredibel, berdaya saing dan mampu memberi kelebihan

kepadanya di dalam mana-mana situasi peperangan.

Oleh itu marilah kita sebulat hati menyahut hasrat murni ini demi mempertingkatkan kredibiliti serta keupayaan organisasi kebanggaan kita semua agar kepercayaan rakyat umum terhadap perisai mereka ini tidak dikrompomi. Marilah kita bersama-sama merealisasikan amanah dan tanggungjawab kita kepada rakyat dan sentiasa bersedia sebagai sebuah angkatan yang

efisien dan efektif mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa tercinta selaras dengan ikrar yang sentiasa kita laungkan. Tentera dan rakyat berpisah tiada.





Perbarisan Penghargaan PAT Ke-20



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya
Gambar: Sjn Saiful Fazley Rusli,
Kpl Ainur Aisyah Yahaya dan Saifun
Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 12 pegawai dan 304 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM terlibat dalam Perbarisan Penghargaan Panglima Angkatan Tentera (PAT) Ke-20, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin diketuai Lt Kol Khairul Azman Kormin di Dataran Panglima Tentera Darat pada 2 Jan 2020.

Perbarisan Penghargaan PAT melibatkan empat detasmen terdiri daripada dua detasmen Tentera Darat Malaysia (TDM), satu detasmen Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan satu detasmen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) diiringi Pancaragam Pusat ATM di bawah pimpinan Mej (Dom) Muhamad Nor Azizan Yahya.

Dalam ucapan PAT, beliau menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan buat seluruh warga ATM yang tetap Gagah Setia, Sedia Berkorban dan Sentiasa Di Angkasa Raya dalam menjunjung serta menggenggam erat sumpah keramat Ikrar Kesateria agar terus relevan sebagai tonggak dan sangga pertahanan negara.





"Tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa kehadiran kita sebagai Benteng Pertahanan Negara boleh diumpamakan satu rahmat kepada rakyat seluruhnya kerana dengan adanya kehadiran tentera, secara tidak langsung ia memberikan satu keyakinan kepada rakyat, terutamanya dalam aspek keselamatan mereka yang dirasakan sentiasa terjaga," ujar PAT.

Tambahnya lagi, beliau menyeru rakan seperjuangan untuk terus meningkatkan momentum bagi mencapai prestasi yang lebih cemerlang, serta terus cekal berhadapan dengan apa jua cabaran yang mendatang agar wibawa ATM sentiasa kekal.

Serba ringkas keperibadiannya, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj



Zulkifli Hj Zainal Abidin telah dilahirkan di Perak tanggal 30 Nov 1958, beliau telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 21 Dis 1978 ke dalam Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), kemuncak kerjaya beliau

"Kita telah pun melakarkan sejarah yang tersendiri apabila berjaya melaksanakan beberapa inisiatif yang digariskan dengan baik seperti yang telah dinyatakan dalam Kad laporan Kementerian Pertahanan 2019 yang meletakkan ATM sebagai sebuah organisasi yang akan terus menjadi sandaran harapan negara dan rakyat dimana tanpa kewujudan kita, pastinya negara ini berisiko untuk terdedah dengan pelbagai ancaman yang boleh mengganggu gugat keamanan dan kedaulatan.






dalam Tentera Darat Malaysia adalah apabila dilantik sebagai Panglima Tentera Darat pada 15 Jun 2011 serta pada 20 Jun 2018 beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia Ke-20.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara (PTU), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang,

Panglima Tentera Laut, Laksмана Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany dan Ketua Staf Markas ATM, Lt Jen Datuk Kamarulzaman Mohd Othman TUDM.



Panglima Angkatan Tentera (PAT) Ke-20, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin diraikan dalam Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) Sempena Penghargaan PAT Ke-20 di Wisma Perwira ATM pada 18 Dis 2019.

Majlis diadakan bertujuan untuk mengenang jasa serta meraihkan peralihan kuasa pentadbiran ATM yang telah dicurah beliau semasa memegang tumpuk pemerintahan sebagai PAT Ke-20.

Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin telah dilahirkan di Perak pada tanggal



30 Nov 1958, beliau telah dinaulikan sebagai Leftenan Muda pada 21 Disember 1978 kedalam Kor Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD),

kemuncak kerjaya beliau dalam Tentera Darat Malaysia adalah apabila dilantik sebagai Panglima Tentera Darat pada 15 Jun 2011 serta pada

20 Jun 2018 beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia Ke-20.

Dalam ucapan PAT, menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga ATM dan warga negara Malaysia kerana menpercayai kredibilitinya untuk memimpin ketumbukan ATM, ATM akan tetap unggul dengan visi dan misinya serta tidak akan berganjak walaupun sedikit





demi mendepani pelbagai cabaran dan ancaman agar kesejahteraan terus terpelihara agar dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

“Saya amat berharap agar kesatuan yang dibentuk dari semangat kesejadian dan profesionalisme yang tinggi telah terpahat sebatik utuh dalam diri kita dan akan diperkuatkan lagi dari masa ke semasa,” ujar PAT.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara (PTU), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang, Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany serta pegawai kanan ATM.



Majlis Serah Terima Tugas PAT



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Panglima Angkatan Tentera Malaysia Ke-20, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Panglima Haji Zulkifli Haji Zainal Abidin telah menyerahkan tumpuk pemerintahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM yang merupakan Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Majlis Serah Terima Tugas Panglima Angkatan Tentera ini telah disaksikan oleh Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu di Auditorium Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia pada 2 Jan 2020.

Perlantikan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM sebagai Panglima Angkatan Tentera Ke-21 merupakan Panglima Tentera Udara (PTU) yang kedua dilantik sebagai Panglima ATM selepas Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM yang memegang jawatan sebagai Panglima ATM Ke-17 pada 1 Sep 2009 hingga 14 Jun 2011.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi merupakan anak jati Sarawak pertama yang dilantik menerajui kepimpinan

tertinggi dalam organisasi ATM.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Panglima Ts. Haji Zulkifli Haji Zainal Abidin telah menjawat jawatan sebagai Panglima Angkatan Tentera Ke-20 pada 20 Jun

akhir mengucapkan selamat bersara kepada beliau yang telah 4 dekad menabur bakti kepada negara.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali,



2018 setelah mengambil alih jawatan tersebut daripada Panglima Angkatan Tentera Ke-19 iaitu Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Majlis diakhiri dalam acara send-off di mana para pegawai dan anggota ATM berbaris mulai ruang legar bangunan Wisma Pertahanan hingga ke balai pengawal utama untuk mengiringi serta bersalamans sebagai tanda

Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Haji Ahmad Hasbullah Haji Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Ketua Staf Markas ATM, Leftenan Jeneral Datuk Kamaluzaman Mohd Othman TUDM serta para pegawai kanan ATM.

Bacaan Yasin, Doa Selamat dan Khutbah Jumaat Penghargaan PAT Ke-20



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 1000 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri dari ketiganya cabang perkhidmatan Darat, Laut dan Udara hadir dalam Majlis Bacaan Yasin, Doa Selamat dan Khutbah Jumaat Penghargaan Panglima Angkatan Tentera (PAT) Ke-20, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin di Masjid Khalid Al-Walid KEMENTERAH pada 27 Dis 2019.

Majlis dimulakan dengan memperdengarkan bacaan Surah Yassin dipimpin oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Pembangunan Insan, Brg Jen Dato' Hj Nawawi Hj Daud disusuli dengan Doa Selamat.

Ketua Pengarah KAGAT, Mej Jen Dato' Hj Kamarudin Hj



Mamat membaca Khutbah Jumaat Khas Penghargaan PAT bertajuk Menggalas Taklifan, Membebas Tasyrifan.

Mimbar juga berpesan beringatlah bahawa setiap dari kita adalah pemimpin dan ada bebanan amanah yang tertunggak di bahu masing-masing dan akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpin.

Selain itu mimbar juga menyeru semua yang hadir agar sentiasa berawas dan berwaspada dengan amalan dan kerja yang dilaksanakan yang mana mana kita memegang sesuatu amanah.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara (PTU), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang dan Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany.





EKS PAHLAWAN

Tingkat Kesiagaan ATM

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli
Gambar: SSjn Vijay Gaundar
Arikrishnan dan Saifun Hakimi
Zainon

PERAK: Seramai 2,314 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Darat, Laut dan Udara terlibat dalam Eksesais Pahlawan Siri 16/2019 bertempat di Lumut, Tg Hantu dan Teluk Intan bermula dari 23 Okt hingga 7 Nov 2019.

Eksesais yang dilaksanakan secara Latihan Pos Perintah (Command Post Exercise-CPX) dan Latihan Medan (Field Training Exercise-FTX) menggabungkan ketiga-tiga perkhidmatan

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi meningkatkan keupayaan merancang dalam melaksanakan operasi oleh ATM.

Objektif yang digariskan sempena pelaksanaan eksesais ini adalah untuk menilai ATM dalam melaksanakan operasi secara bersama, menilai doktrin yang digunakan, menguji keberkesanan aset ATM dan meningkatkan tahap profesionalisme anggota ATM.

Selain itu eksesais pada kali ini adalah amat bertepatan kerana ia sejajar dengan hasrat ATM untuk menjadikan tahun 2019 sebagai Tahun Ketumbuhan Bersama.

Eksesais yang dilaksanakan setiap empat tahun ini juga berbeza dengan eksesais sebelumnya dimana pada





kali ini senario yang dibangunkan adalah berkonsepkan Peperangan Konvensional dan Peperangan Asimetri yang mana lebih merupakan ancaman semasa yang sedang dihadapi oleh kesemua negara.

Disamping tu ianya turut melibatkan penggunaan sistem simulasi dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan bagi menilai keupayaan serta kemampuan dalam mencapai objektif latihan yang ditetapkan serta menjadi platform terbaik bagi menguji dan mengemas kini setiap prosedur, publikasi, proses kerja dan sistem

pemerintahan Operasi Bersama.

Pada masa sama eksesais ini turut melibatkan Markas Armada Barat TLDM selaku Joint Regional Command North (JRCN) yang bertindak menerajui komponen ketiga-tiga perkhidmatan mempertahankan utara tanah air selari dengan hasrat dan halatuju ATM untuk membentuk Pemerintahan Wilayah Bersama.

Acara penutup eksesais diakhiri dengan Latihan Medan melibatkan Operasi Menyelamat Tebusan





oleh Pasukan Khusus ATM, Latihan Menyeberangi Sungai, Operasi Udara oleh 10 Bgd (Para), tembakan peluru berpandu dengan menggunakan Sistem Roket Lancar Berganda dan Operation in Build Up Area (OBUA).

Majlis penutup eksesais disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin di Kampung Parit Baharu dengan simbolik acara penutup ialah Upacara Menanggalkan TOHA kepada mereka yang terlibat.

Turut hadir Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM dan Exco Kerajaan Negeri Perak.



SEJARAH HITAM NEGARA

Yang Tidak Perlu Berulang

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Tidak ramai yang mahu memperkatakannya secara terbuka berkenaan satu peristiwa hitam negara 51 tahun yang lalu. Yang masih terasa perit akan peristiwa itu hanya orang-orang tua sahaja. Golongan muda yang membaca tulah tapi yang terkinja-kinja berotak tiada ramai belaka. Baca dengan tenang dan ambil pengajaran. Tak guna terpekkir terlalung kisah-kisah dahulu jika pengajarannya tak diambil. Peristiwa ini merupakan satu rusuhan kaum yang berlaku pada tahun 1969 adalah kemuncak masalah perpaduan di Malaysia.

Ia lebih dikenali sebagai Peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa ini telah mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta benda dan mempunyai kaitan yang rapat dengan Pilihan Raya 1969. Tragedi yang berlaku pada 13 Mei 1969 ini merupakan satu titik hitam dalam

Sejarah Negara Malaysia

Sorotan Peristiwa Sebelum Mei 1969 Semuanya bermula sejak dari penjajahan British lagi. Bagi menjamin cengkaman British ke atas tanah Melayu, penjajah telah menjalankan dasar Divide and Rule (pecah dan perintah) dengan membawa orang-orang Cina dari Tanah Besar China dan orang-orang India dari British Raj bekerja di Tanah Melayu dibawah sektor ekonomi berbeza.

Sistem pendidikan bercorak perkauman juga menyumbang kepada kewujudan ketidak seimbangan sosio-ekonomi antara kaum di Malaysia. Kemudiannya penjajahan Jepun menyebabkan hubungan kaum semakin meruncing. Orang Melayu mendapat layanan tidak seterus Orang Cina.

Akhirnya kebanyakan orang Cina menganggotai PKM dalam cubaan menggulingkan Jepun dan menuhukan Republik Komunis di Malaya. Pertelingkahan antara kaum terutama Melayu dengan Cina telah berlaku di Georgetown (1957), Pangkor(1959), Bukit Mertajam (1964) dan beberapa tempat lagi yang menyebabkan kematian dan kerugian di kedua-dua belah pihak.



Situasi menjadi semakin buruk apabila berlaku Rusuhan Kaum di Singapura pada 21 Jul 1964 yang membawa kepada pemisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965 apabila Lee Kuan Yew melalui PAP yang mempertikaikan keistimewaan orang Melayu dalam kempen pilihanraya pada tahun 1964.

Perjuangan PAP dengan slogan Malaysian Malaysia diteruskan DAP. Pada bulan Apr 1969, seorang petugas pilihanraya UMNO, Encik Kassim Omar telah dibunuh dengan kejam oleh pemuda-pemuda Parti Buruh. Mayatnya diconteng dengan cat merah dan ditulis Jangan Mengundi Dalam Pihanraya.

Hal ini menunjukkan pengaruh komunis dan sikap

mengagung-agungkan Mao Tze Tung. Namun disebabkan takutkan tindak balas orang Melayu, gangguan PRU dan rusuhan kaum berlaku, berita pembunuhan yang kejam ini telah ditutup selepas kerajaan telah meminta piyah keluarga dan pemimpin Melayu bersabar.

Pada pilihanraya umum 1969, Parti Perikatan yang dianggotai oleh UMNO, MCA, dan MIC gagal memperolehi majoriti 2/3 di parliment walaupun masih berjaya membentuk kerajaan persekutuan. Hal ini disifatkan oleh parti pembangkang sebagai satu kemenangan yang besar buat mereka.

Jumlah kerusi yang dimenangi Parti Perikatan dalam Dewan Rakyat (Parlimen) telah menurun daripada 89 kerusi pada tahun 1964 kepada



66 kerusi pada tahun 1969. Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Progresif Rakyat (PPP) menang 25 buah kerusi dalam Dewan Rakyat manakala PAS menang 12 kerusi.

Isu Perkauman Dalam Pilihan Raya 1969

Semasa kempen Pilihan Raya 1969, calon-calon pilihan raya serta ahli-ahli politik dari kalangan parti pembangkang, telah membangkitkan soal-soal Bangsa Malaysia berkaitan dengan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu), kedudukan istimewa orang Melayu sebagai bumiputera dan hak kerakyatan orang bukan Melayu.

Hal ini telah memberi kesempatan kepada ahli-ahli politik yang ingin mendapatkan faedah daripadanya dalam pilihanraya. Pihak pembangkang yang memperoleh pencapaian gemilang dalam pilihanraya telah meraikan kemenangan mereka dengan berarak pada 11 Mei 1969.

Perarakan tersebut sebenarnya tidak bermotif untuk menimbulkan isu perkauman. Namun, terdapat segelintir pengikut telah mengeluarkan slogan-slogan bersifat sensitif

berkenaan isu perkauman semasa mengadakan perarakan di jalan-jalan raya sekitar Kuala Lumpur. Perarakan turut dijalankan pada 12 Mei 1969 di mana kaum Cina berarak menerusi kawasan Melayu, melontar penghinaan sehingga mendorong kepada kejadian tersebut.

Pihak pembangkang yang sebahagian besar darinya kaum Cina dari Parti Tindakan Demokratik dan Gerakan yang menang, mendapatkan permit polis bagi perarakan kemenangan melalui jalan yang ditetapkan di Kuala Lumpur. Bagaimanapun perarakan melenceng dari laluan yang ditetapkan dan melalui kawasan Melayu di Kampung Baru.

Sesetengah penunjuk perasaan membawa penyaru, kemudiannya dikatakan sebagai simbol menyaru keluar orang Melayu dari Kuala Lumpur, sementara yang lain meneriak slogan mengenai tengelamnya kapal Perikatan. Ia berlarutan hingga ke 13 Mei 1969 sebelum Parti Gerakan mengeluarkan kenyataan meminta maaf pada 13 Mei di atas kelakuan penyokong mereka. Menteri Besar Selangor, Dato' Harun Idris telah mengumumkan bahawa perarakan balas meraikan kemenangan UMNO akan

dijalankan pada pukul 7.30 malam, 13 Mei 1969.

Perarakan Kemenangan DAP dan GERAKAN

DAP membuat perarakan kemenangan yang tidak mendapat kebenaran polis jam 5 petang melibatkan lima kereta dan 15 motosikal dari jalan Brickfields ke Jalan Lornie. Sampai di Balai Polis Brickfield, peserta yg kebanyakannya orang cina melaungkan "apa polis boleh buat kita raja" dan "buang semua polis melayu". Pada malam hari yang sama, satu lagi perarakan DAP di jalan Bukit Bintang yang mana perarakan kemenangan menghala ke Kuala Lumpur.

Dihadapan Balai Polis Jalan Travers mereka melaungkan "Mati Melayu sakai pergi masuk hutan". Manakala 40 ahli GERAKAN berarak di Jalan Changkat Dollah berhampiran Penjara Pudu dengan kereta dan motosikal sambil berteriak "Kuala Lumpur sekarang Cina punya". Tengah malam, perarakan bersama DAP-GERAKAN juga melalui hadapan Balai Polis Brickfields dan melakukan perkara sama.

Pada 12 Mei 1969 Parti GERAKAN telah diberi kebenaran untuk berarak dari jalan Ipoh ke Jalan TAR, Jalan Gombak, Jalan Raja Laut dan kembali ke Jalan Ipoh. Mereka yang diketuai Dr Tan Chee Khoon melolong kepada tiap-tiap orang Melayu dengan kata-kata menghina seperti "Melayu balik kampung" dan "Melayu sekarang tak ada kuasa lagi".

Apabila sampai di Kampung Baru kata-kata seperti "Melayu keluar apa lagi duduk sini" dan "kita bentam lu, sekarang kita besar" telah dilaungkan. Kemudiannya pada sebelah petangnya Balai Polis Pudu dihujani teriakan "Kasi halau semua polis" dengan lima pemuda cina berteriak "semua melayu kasi habis" cuba memukul seorang anggota polis sebelum lari apabila polis bertindak balas.

Perarakan kemenangan pihak pembangkang iaitu Gerakan dan DAP di Kuala Lumpur menimbulkan kekecohkan apabila kelihatan penyaru

SEJARAH

besar yang turut diarak bersama mengundang maksud tertentu.

Di Jinjang, Kepong, kematian seorang Cina akibat sakit tua diarak sepanjang jalan dengan kebenaran polis. Namun perarakan kematian bertukar menjadi perarakan kemenangan



pilihan raya dengan menghina Melayu. Pada hari Selasa 13 Mei, Yeoh Tech Chye selaku Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia yang bertanding untuk Gerakan memohon maaf di atas ketelanjuran ahli-ahlinya melakukan kebiadapan semasa perarakan. Yeoh menang besar di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur tetapi permohonan maaf sudah terlambat.

13 Mei 1969 Tragedi Hitam Negara

Pada 13 Mei 1969 diwaktu Subuh, seramai 60 penyokong GERAKAN melalui Jalan Hale dan mencela penduduk Kampung Baru supaya keluar dari kampong dan balik ke hutan.

Pada masa sama perarakan kemenangan Perikatan Selangor diketuai UMNO pula diadakan setelah mendapat kebenaran polis. Perarakan ini juga dihadiri penuntut Kolej MARA. Semua orang melayu berkumpul di rumah Menteri Besar Selangor di Kampung Baru. Sebelum itu pada 6.15 petang berlaku rusuhan di Setapak dimana orang melayu dari Gombak telah diserang ketika perjalanan ke Kampung Baru.

Rusuhan ini kemudiannya merebak ke Cheras, Kerinchi, Kampung Pandan dan Kampung Datuk Keramat. Seramai 500 orang berhimpun di rumah Dato Harun Idris. Sesetengahnya bertombak dan berkeris. Dato Harun berdiri diatas bas merayu supaya bertenang dan hampir 300 orang melayu keluar menuju ke Jalan TAR manakala yang lain sempat ditahan Pasukan Pencegah Rusuhan.

Pertempuran bersenjata antara orang melayu dan bukan melayu berlaku. Perusuh Cina telah mengepung dan menyerang orang melayu di Panggung Rex, Federal dan Capitol.

Pasukan Rejimen Renjer yang kemudiannya digantikan polis dan tentera mengawal keadaan dan mengisyiharkan perintah berkurung. Keluarga-keluarga yang ketakutan mendapatkan perlindungan di kawasan yang dipatrol oleh pihak tentera. Operasi mengawal ketenteraman oleh pihak tentera semasa 13 Mei 1969 diberi gelaran Ops Gerhana manakala pihak polis menggunakan gelaran Ops Tenteram.

Tentera dari Askar Melayu lebih awal dikerahkan menjaga keselamatan sekitar Kuala Lumpur. Pasukan FRU di keluarkan dari Kampung Baru dan Askar Melayu dikerahkan untuk mengambil alih kawalan. Rusuhan dapat dikawal dengan menggunakan gas pemadih mata, perintah berkurung 24 jam diumumkan oleh radio pada pukul 7.30 petang dan di televisyen pada 8 malam.

Pada hari seterusnya Hospital Kuala Lumpur memberi laporan bahawa 80 orang meninggal dunia pada rusuhan pertama yang berlaku dan majoritinya adalah orang Cina. Kebanyakan daripada mereka mengalami luka teruk akibat tetakan dan juga tembusan peluru. Ini hanya sebahagian orang atau mangsa yang dapat diantar untuk rawatan, kebanyakannya mayat orang yang terkorban diangkut oleh pihak PDRM menggunakan lori ke Balai Polis Travers. Kebanyakan mayat dalam keadaan yang tidak sempurna.

Panggung Odeon Kuala Lumpur

Pemuda-pemuda Cina telah bertindak mengepung Panggung Odeon, di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Beberapa iklan disiarkan dalam bahasa Cina di skrin pawagam menyuruh penonton dari kalangan Cina keluar dari panggung. Penonton Melayu di panggung tersebut langsung tidak tahu membaca tulisan bahasa Cina. Kesan daripada itu, pemuda-pemuda Cina tersebut telah menyerbu masuk ke dalam panggung dan menyerang dan menyembelih penonton yang ada dan membakar pawagam tersebut.

Hampir semua penonton di dalam panggung tersebut mati di dalam keadaan yang sangat mengerikan. Di

lebih raya persekutuan pula, penduduk Melayu Kampung Kerinchi telah membuang pasu di atas lebuh raya tersebut dan mengakibatkan kesesakan lalulintas dan kemalangan.

Pemuda yang bernama Rahim Desa bersama seorang kawannya yang berjawatan kapten ketika itu yang tinggal di Kuala Lumpur yang turut menonton wayang di Odeon terkena tetakan di kepala dan berpura-pura mati. Khabar angin mengatakan Tentera Sabil dari Sungai Manik hendak datang ke Kampung Baru tetapi tersekat.

Begitu juga dengan Tentera Selempang Merah dari Muar dan Batu Pahat tersekat dan disekat oleh polis di Balai Polis Kajang dan Cheras. Apa yang pasti, Askar Melayu telah menyelamatkan orang Melayu di Kampung Baru ketika itu.

Kesan dan Pengajaran Tragedi

Namun begitu peristiwa rusuhan kaum ini tidak terjadi di Kelantan,



Terengganu dan Pahang begitu juga di Perak, Kedah, Pulau Pinang serta Perlis tiada sebarang pergaduhan. Negeri Johor dan Negeri Sembilan juga tidak terjadi apa-apa kerana telah diberi amaran oleh PKM.



Cuma ada sedikit kekecohan di Melaka. Di Betong ada tembakan dilepaskan oleh PKM. Ada yang menyifatkan pergaduhan ini sebenarnya adalah pergaduhan politik. Seperti yang dinyatakan pergaduhan tidak berlaku di negeri seperti Kelantan, Pahang dan Kedah.

Jika ia merupakan isu perkauman, sudah tentu pada hari itu orang Cina dan Melayu akan berbunuhan sesama



sendiri di negeri-negeri tersebut seperti di selatan Thai. Angka rasmi

negeri atau negara.

Kemudian penjajah Inggeris ini telah menerapkan sistem residen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan kemudiannya diikuti pula dengan sistem penasihat British di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Dengan adanya sistem yang berbeza antara negeri, pemerintah percaya bahawa setiap negeri tidak akan bersatu untuk menentang mereka kerana tiada persefahaman. Inilah antara kesan yang telah terpendam lama dalam diri masyarakat hingga ter-

tusnya peristiwa hitam 13 Mei.

Sistem yang diperkenalkan penjajah Inggeris ini mengurangkan kuasa pemerintahan Raja-Raja Melayu dan pembesarnya. Perkara ini telah menyebabkan satu perubahan besar dalam pentadbiran.

Fungsi res-

iden dan penasihat British yang diperkenalkan telah mengambil alih peranan yang dahulunya dimainkan oleh pembesar-pembesar Melayu terutamanya dalam soal menasihati Sultan dan mendapatkan hasil untuk negeri melalui cukai. Kesan terhadap penjajahan Inggeris di Tanah Melayu telah mengakibatkan perubahan dalam sistem ekonomi tradisional yang telah sekian lama diamalkan di Tanah Melayu.

Dalam perlaksanaan dasar ekonomi, British secara langsung dan tidak langsung telah mengasingkan kaum-kaum utama di Tanah Melayu iaitu orang-orang Cina, India dan Melayu mengikut kegiatan ekonomi

masing-masing. Perkara ini telah menyebabkan kaum-kaum Melayu, Cina dan India tidak dapat mempelajari untuk memahami satu sama lain.

Mereka juga tidak dapat berinteraksi dengan baik dan menyebabkan kesukaran untuk mewujudkan perpaduan kaum. Perbezaan jurang ekonomi yang ketara akibat daripada dasar pecah dan perintah kolonial telah menimbulkan perasaan tidak puas hati sehingga mencetuskan konflik seperti 13 Mei.

Di mana masyarakat telah dikelaskan berdasarkan kepada pekerjaan dan penempatan menjadi faktor penghalang kepada proses integrasi kaum yang lebih baik. Pendidikan di



negara kita yang seakan-akan ikut telunjuk masing-masing dan ini tidak disukai oleh sesetengah individu.

Hal ini menyebabkan banyak suara yang inginkan keadilan daripada kerajaan supaya menyamaratakan sistem. Hal ini meyebabkan ramai yang tidak bersepakat dan ada di antara kalaangan anak-anak mereka yang tidak bernasib baik mendapat pendidikan kerana masalah pertelingkahan ini.

Kesinambungan daripada peristiwa berdarah tersebut, kaum Cina sudah tidak bersefahaman dengan kaum Melayu di mana pada mula pemerintahan Inggeris, kaum Cina kurang mendapat tempat di hati penjajah. Bermula juga dari zaman pemerintahan Jepun di mana mereka ditindas dengan begitu kejam daripada kaum Melayu.



menunjukkan 196 mati, 439 cedera, 39 hilang dan 9,143 ditahan dan 211 kenderaan musnah manakala statistik jumlah kematian melibatkan kaum Melayu seramai 86 orang, Cina 342 orang dan lain-lain seramai 3 orang.

Peristiwa 13 Mei memberi kesan kepada banyak perkara di negara kita. Antaranya ialah politik, ekonomi, pendidikan dan sosial kaum. Kesan politik zaman Inggeris ini telah menyebabkan sistem masyarakat Negara ini yang asalnya sangat taat dan hidup di bawah pemerintahan raja dan sultan telah mengalami satu perubahan yang drastik. Kuasaan raja serta sultan Melayu telah dihadkan kepada hanya menjadi lambang kepada sesebuah



SEJARAH

. Hal ini menyebabkan sosial di negara pada masa itu terjejas.

Setiap kaum tidak bersatu dan hidup berpuak-puak. Ada yang sependapat, dan ada pula yang berlainan. Kesimpulannya, pada masa itu, 13 Mei sangat memberikan kesan yang buruk dari semua aspek tidak kira kaum tua atau muda, kanak-kanak juga terlibat sama. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan oleh kerajaan dalam merealisasikan hasrat sebenar kesemua kaum yang tinggal di Malaysia.

Pergaduhan kaum antara orang melayu dan orang cina tercetus pada 13 Mei 1969 merupakan kemuncak semangat perkauman yang kuat dan tidak dapat dibendungkan lagi. Tragedi tersebut berlaku sebaik sahaja keputusan pilihanraya tahun 1969 selesai diumunkan.

13 Mei 1969 tidak akan berulang lagi kerana membahayakan keamanan, negara dan perpaduan masyarakat Malaysia. Antara lima pengajaran yang boleh dijadikan iktibar iaitu yang pertama Kehilangan Nyawa dan Harta Benda. Peristiwa ini sebenarnya tidak menghasilkan sebarang faedah kepada berlakunya perpecahan dan perbalahan antara kaum Melayu dan kaum Cina yang mengakibatkan kerrosakan harta benda yang besar malah yang paling malang ialah nyawa yang terkorban, kejadian seperti ini meninggalkan kesan dan pengajaran yang pahit dan getir kepada saudara mara dan kaum keluarga yang terlibat. Keduanya ialah Perintah Berkurung iaitu selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan terpaksa mengeluarkan Perintah Berkurung yang disebabkan oleh kekacauan dan pecah belah antara kaum.

Ini bertujuan untuk mengawal keselamatan rakyat dan mengembalikan kestabilan negara ketika itu. Ini membawa kesan yang buruk terhadap suasana persekitaran dan pergaulan yang kurang harmoni antara kaum kerana iaanya menyekat aktiviti yang bebas untuk mencari punca pendapatan seperti menjalankan perniagaan, susah berinteraksi dan saling berhubungan antara kaum. Selain itu, segala aktiviti harian masyarakat tersekat.

Bagi pengajaran ketiga pula ialah Keuntungan Kepada Musuh-Musuh Negara dimana kejadian ini menguntungkan kepada musuh-musuh negara yang sentiasa mengambil kesempatan dan peluang untuk

memecah-belahkan rakyat dan ingin menakluk Malaysia sebagai taklukan dan jajahan negaranya.

Pengalaman yang perlu diteladani daripada peristiwa ini ialah keadaan negara yang menjadi tidak aman, huru-hara dan rakyat yang berbilang kaum berpecah-belah akibat daripada rasa tidak berpuashati dengan isu-isu yang sensitif terutama isu perkauman manakala kesan keempat iaitu Perpaduan Nasional yang mana kerajaan telah mengadakan dasar perpaduan antara kaum dan masyarakat sekeliling untuk dijadikan panduan dan pegangan masyarakat yang berbilang kaum bagi menjalankan hidup secara aman dan sentiasa bersifat berbaik sangka antara satu sama lain.

Kesedaran penting di kalangan rakyat bahawa sikap hormat-menghormati, bertolak-ansur, bertoleransi



dan menjauhi sifat-sifat yang terkeji seperti berdengki, beriri hati dan menanam sifat curiga di antara kaum. Dengan terdapat pelbagai jenis kaum, agama, budaya dan pegangan agama di Malaysia maka Peristiwa 13 Mei 1969 ini pasti berulang sekiranya tiada kesedaran tentang isu-isu sensitif yang timbul seperti hak kedudukan istimewa kaum Melayu yang merupakan penduduk asal bagi negara ini.

Oleh itu kaum-kaum lain yang tinggal di negara ini perlu menghormati kedudukan istimewa kaum Melayu dan mewujudkan suasana yang harmoni di kalangan masyarakat. Pendek kata tanggungjawab perpaduan adalah tanggungjawab semua pihak.

Keadilan Ekonomi merupakan pengajaran kelima dimana peristiwa ini menunjukkan bahawa matlamat perpaduan masyarakat sukar dicapai jika masyarakat Malaysia dalam kemiskinan ianya menjadi lebih sukar jika majoriti kadar kemiskinan penduduk itu hanya pada satu kaum sahaja.

Keadaan ekonomi dan demografi

penduduk Malaysia menunjukkan bahawa majoriti penduduk Bumiputera tinggal di luar bandar kebanyakannya adalah berpendapatan rendah dan miskin. Kemiskinan ini akan menjadi isu didalam masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Bumiputera. Untuk mencapai keharmonian hidup adalah sukar.

Oleh itu selepas 13 Mei, satu dasar pragmatik yang diberi nama Dasar Ekonomi Baru (DEB), telah digubal oleh kerajaan. Dasar ini merupakan satu dasar jangka panjang (1970-1990) yang mempunyai dua objektif utama iaitu membasi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Dasar ini tidak bertujuan untuk merampas kekayaan atau hak sesuatu kaum dan memberikan kepada kaum yang lain. Sebaliknya dasar tersebut bertujuan

untuk merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang miskin dan golongan yang kaya.

Objekif yang lain ialah menghapuskan identiti pekerjaan dengan keturunan kaum yang ketara dalam masyarakat Malaysia. Pembentukan Malaysia yang berteraskan Perpaduan Nasional yang teguh, bersatu padu, maju dan harmoni di mana setiap warga Malaysia harus sama-sama berganding bahu membantu serta menyokong usaha kerajaan dalam memupuk perpaduan.

Kesimpulan

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan satu rusuhan antara kaum yang tercetus 51 tahun yang lalu. Walaupun kita cuba memadamkan kenangan pahit itu daripada memori, namun begitu pada hakikatnya tragedi itu telah menimbulkan persoalan tentang sejauh manakah perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum itu tahan diuji.

Menyedari perpaduan itu atas kepada pembentukan sebuah negara yang kukuh, pelbagai langkah sama ada dalam aspek politik, ekonomi dan sosial telah dilaksanakan bagi memantapkan perpaduan di kalangan rakyat namun tercetusnya konflik di Kampung Medan beberapa tahun yang lalu seolah-olah menggambarkan bahawa perpaduan yang cuba kita terapkan sejak merdeka masih belum memadai. Prasangka, perkauman dan etnosentrisme menjadi faktor penghalang ke arah merealisasikan integrasi nasional di negara kita.

Di mana faktor-faktor ini



mendorong kepada tindakan-tindakan berat sebelah terhadap kumpulan-kumpulan lain. Di dalam konteks Malaysia, ia mungkin satu realiti atau semata-mata disalah tanggap sehingga sesuatu kelompok itu merasakan diri mereka mangsa, disisih serta tidak dipedulikan. Namun begitu, asas perpaduan kaum di Malaysia masih boleh dianggap baik berbanding dengan negara-negara yang lain.

Negara kita berjaya menguruskan cabaran masalah perkauman dengan lebih berkesan di mana kita mengambil langkah-langkah seperti perkongsian kuasa di kalangan kelompok etnik yang berbeza. Di samping itu, proses demokrasi dengan peraturan dan kawalan yang berkesan berjaya membendung usaha-usaha ke arah

mencetuskan kekacauan dalam negara.

Ia seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pengagihan semula yang saksama berjaya membawa kemakmuran kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira etnik. Satu lagi kelebihan Malaysia ialah kesediaan kita menerima kepelbagaiannya budaya dan agama sebagai satu sumber kekuatan dan sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyeseuaikan sikap sendiri dengan sikap kaum-kaum yang lain.





Hutang Darah

Belum Berbayar 1968 - 1989

Oleh: SSjn Vijay Gaundar
Arikrishnan

BEKAS pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng atau nama sebenarnya, Ong Boon Hua, telah gagal mendapatkan pengesytiharan kebenaran untuk masuk dan hidup di Malaysia, setelah Mahkamah Persekutuan menolak permohonannya.

Keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut telah menimbulkan pelbagai reaksi yang berbeza daripada ramai rakyat Malaysia. Rata-rata rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kemakmuran, berpendapat bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut adalah tepat.

Namun, pandangan dan seruan segelintir rakyat Malaysia yang buta sejarah, telah memperjuangkan permohonan Chin Peng dan telah membangkitkan api kemarahan ramai rakyat Malaysia yang patriotik.

Terdapat golongan muda yang lahir semasa negara sedang menikmati kemajuan pesat serta aman damai dan tidak memahami kesusahan serta pengorbanan keringat, darah dan air mata pemimpin, rakyat dan khasnya anggota pasukan keselamatan semasa memerangi pengganas komunis dahulu masih terkeliru dengan seruan beberapa pemimpin politik yang kini memberi sokongan kepada Chin Peng.

Bagi menegakkan agenda politik yang songsang, beberapa pemimpin politik cuba mendesak kerajaan untuk membenarkan Chin Peng kembali ke tanah air atas dasar perikemanusiaan. Mereka menyatakan Chin Peng juga patut dimaafkan kerana kini beliau tidak lagi menjadi ancaman kepada negara.

"PKM telah menukar strategi dan mula mencetuskan kegagasan melalui mogok dan rusuhan di Tanah Melayu 1948"

Di bawah perjanjian damai antara Kerajaan Malaysia, Thailand dan PKM di Hatyai, Thailand pada 1 Dis 1989, PKM telah meletak senjata dan bersetuju kembali ke pangkuhan masyarakat. Namun, Chin Peng mengakui bahawa mereka hanya menerima pelawaan Kerajaan Malaysia untuk meletak senjata dan kembali kepada masyarakat tetapi tidak sekali-sekali memberi persetujuan membubarkan PKM atau menggugurkan ideologi komunis mereka.

Sebelum Perjanjian Damai Hatyai, kerajaan pernah memberi peluang kepada PKM untuk menyerah diri. Pertama kali semasa Rundingan Baling pada tahun 1955 dan seterusnya sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Namun kedua-dua peluang telah ditolak oleh Chin Peng.

Perjanjian Damai di Hatyai telah diadakan sebanyak tiga pusingan bermula pada Mac 1989. Setelah tamat pusingan ketiga pada 1 Dis 1989, Ching Peng tetap tidak mau membubarkan PKM, namun empat perkara pokok yang telah dipersetujui ialah, Menamatkan aktiviti ketenteraan dengan serta-merta selepas menandatangani perjanjian. PKM perlu membubarkan unit ketenteraan, memusnahkan senjata, peluru, bahan letupan dan jerangkap samar.

Penempatan di Malaysia iaitu anggota PKM yang berasal dari Malaysia dan ingin tinggal di Malaysia dibenarkan. Anggota yang bukan berasal



dari Malaysia tetapi memilih untuk tinggal di Malaysia juga dibenarkan. Anggota PKM yang memilih untuk tidak kembali ke Malaysia, dibenarkan oleh kerajaan Thailand tinggal di beberapa perkampungan khas di selatan Thailand.

Bantuan oleh kerajaan Malaysia iaitu selaras dengan perkara ketiga, kerajaan Malaysia akan membantu anggota PKM yang kembali ke pangkuhan masyarakat untuk memulakan kehidupan baru dari segi perumahan pekerjaan dan kewangan.

Setelah termeterai Perjanjian Damai Hatyai, dalam tempoh setahun yang diberikan, seramai 442 bekas ahli PKM telah memohon untuk kembali ke Malaysia dan seramai 406 daripada mereka telah menghadiri

temuduga. Kesemuanya 338 bekas ahli PKM yang memenuhi syarat dan lulus temuduga telah diterima kembali untuk tinggal di Malaysia. Kesemua mereka telah menerima bantuan kerajaan untuk memulakan kehidupan baru di negara ini.

Asal-Usul Parti Komunis Malaya

Asal usul PKM bermula daripada komunisme yang dicetuskan oleh Karl Marx di Eropah pada pertengahan abad Ke-19, merebak dengan pesat ke negara lain seperti Russia dan China sebelum tiba di Tanah Melayu pada tahun 1920-an. Ejen komunis yang begitu aktif berjaya menanamkan ideologi tersebut kepada rakyat Tanah Melayu khasnya kaum Cina dan PKM yang ketika itu adalah cabang Parti Komunis China yang ditubuhkan pada tahun 1930 di Tanah Melayu.

untuk bekalan selama tiga bulan.

Pada 3 Jan 1942, Tentera British juga telah menubuhkan satu lagi pusat latihan gerila untuk sayap bersenjata PKM di 102 *Special Training School* di Sekolah Cina Chunjin di Kuala Lumpur.

Semasa Tanah Melayu di bawah pemerintahan tentera Jepun, sayap bersenjata PKM yang menentang tentera Jepun dalam pasukan *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA), terus dibekalkan oleh tentera British yang berpengkalan di Ceylon (kini Sri Langka) dan India, dengan senjata, peluru, bahan letupan, peralatan perang, makanan, peralatan radio wireless dan kewangan.

Semua bekalan dihantar oleh tentera British kepada gerila Komunis MPAJA melalui kapal selam dan pengguguran menggunakan payung terjun. Setelah tentera Jepun kalah perang, British yang telah kembali ke Tanah Melayu, meminta anggota MPAJA untuk meletak senjata dan

berkuasa selama 14 hari di beberapa bandar dan pekan dalam daerah tertentu di mana pasukan Force 136 tidak beroperasi. Di beberapa bandar, pekan dan daerah lain seperti Muar dan Batu Pahat di Johor dan daerah Parit di Perak, kuasa Bintang Tiga terhad kerana kebangkitan orang Melayu yang menentang mereka.

Sejurus selepas tentera Jepun mengaku kalah, pengganas Bintang Tiga meraikan tamat perang dan kemenangan dalam perjuangan menentang tentera Jepun dengan mengadakan perbarisan kemenangan di beberapa bandar di Tanah Melayu. Mereka telah mengadakan perbarisan kemenangan di Johor Bahru, Johor dan Pekan Keroh (kini Pengkalan Hulu) di Hulu Perak.

Rancangan Bintang Tiga untuk mengadakan perbarisan kemenangan di Alor Setar, Kedah digagalkan oleh kehadiran Pasukan Force 136 yang berjaya mengambil alih kuasa dari pada Tentera Jepun. Sebelum itu gerila



Pada tahun 1934 seramai hampir 10,000 kaum Cina di Tanah Melayu telah menyertai PKM. Chin Peng menyertai PKM pada tahun 1940 semasa baru saja berumur 18 tahun.

Menjelang pendaratan tentera Jepun di Singapura, Tentera British yang menyedari PKM adalah anti-Jepun. telah mula melatih secara intensif seramai 165 anggota Sayap bersenjata PKM dalam ilmu perang gerila di 101 *Special Training School*, di Tanjung Balai dekat muara Sungai Jurung di Singapura pada tahun 1941.

Di samping latihan perang gerila khasnya cara melancarkan serang hendap, anggota sayap bersenjata PKM juga dibekalkan dengan senjata, peluru, bahan letupan, peralatan radio, bahan makanan dan kewangan

memulangkan semula semua senjata, peluru, bahan letupan dan peralatan radio wireless.

Walaubagaimanapun PKM enggan bertindak sepertimana yang dikehendaki. PKM yang ketika itu dipimpin oleh Chin Peng sebagai Setiausaha Agung, memulakan penentangan bersenjata terhadap tentera British di Tanah Melayu pada tahun 1948 dan berakhir selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Konfrontasi tamat pada tahun 1966 dan tentera British berundur dari Malaysia pada tahun 1967. Selepas itu PKM yang merasakan ketidaaan tentera British akan melemahkan pasukan keselamatan negara, meneruskan penentangan bersenjata terhadap kerajaan Persekutuan Malaysia mulai tahun 1968 hingga tahun 1989.

Peristiwa 14 hari iaitu Bintang tiga

Bintang Tiga sempat menyerang Balai Polis Alor Janggus, sebuah pekan kecil enam batu dari Alor Setar, menahan beberapa anggota polis dan merampas beberapa senjata.

Di Balai Polis Kuala Nerang, percubaan pengganas komunis Bintang Tiga untuk merampas senjata telah dipatahkan oleh Pasukan Force 136 yang diketuai oleh Leftenan Tengku Osman Jewa (anak watan pertama dilantik sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera).

Di Bandar Raub dan Kuala Lipis, Pahang. Pengganas Bintang Tiga gagal berkuasa kerana Pasukan Force 136 dan Gerila Wataniah Pahang secara serentak memasuki kedua-dua bandar untuk mengambil alih kuasa dari pada tentera Jepun pada 3 Sep 1945, sehari selepas Jen Douglas Mac Arthur menandatangani Perjanjian, Jepun

KEKEJAMAN PKM

Menyerah Kalah dan tamat Perang Dunia Kedua di Timur Jauh pada 2 Sep 1945.

Gerila Wataniah Pahang yang menyertai Force 136 Melayu, ketika itu di bawah Mej Yeop Mahidin Mohd Sharif, yang hanya dikenali dengan gelaran 'Singa' oleh tentera Jepun, bersama pegawai British, Lt Col Douglas Richardson yang dikenali dengan nama samaran 'Kiwi'.

Sementara itu di Bandar Ipoh, Kuala Kangsar dan Taiping, gerila Bintang Tiga tidak dapat berkuasa kerana Markas Force 136 Perak yang terletak di Istana Kuning Bukit Chandan telah menghantar anggota Force 136 untuk mengawal ketiga-tiga bandar daripada pengaruh pengganas komunis sementara menunggu kedatangan British Military Administration.

Pegawai Perhubungan Force 136 di



Kuala Kangsar, Perak, ketika itu ialah Lt Raja Lope Nor Rashid Raja Abdul Rahman (Rekrut No 25 yang menjadi anak Melayu pertama memakai pangkat Brig Jen). Di beberapa negeri, daerah dan bandar yang dikuasai oleh Bintang Tiga selama empat belas hari ribuan rakyat khasnya orang Melayu telah menjadi mangsa keganasan dan kekejaman pengganas komunis.

"Masih terdapat usaha oleh pihak tertentu untuk mempengaruhi dan meracuni pemikiran rakyat seluruh dunia dan negara kita tidak terkecuali, terutama golongan intelektual dan khasnya generasi muda terhadap dakyah komunisme".

Tanpa bukti yang nyata serta memakai Law Of The Jungle hukuman rimba, pengganas komunis Bintang Tiga di bawah kuasa Chin Peng, telah menyeksa mangsa dengan kejam sebelum mereka dibunuh sama ada ditembak atau ditikam dengan pisau atau benet.

Mayat mereka rata-rata dibuang dalam sungai atau ditinggalkan dalam hutan dimakan binatang buas dan ramai mangsa yang diculik tidak dijumpai hingga hari ini, tidak diketahui sama ada hidup atau mati.



"Masih terdapat usaha oleh pihak tertentu untuk mempengaruhi dan meracuni pemikiran rakyat seluruh dunia dan negara kita tidak terkecuali, terutama golongan intelektual dan khasnya generasi muda terhadap dakyah komunisme".

Semasa pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada Feb 1948, pihak British telah mengenepikan PKM. Setelah usaha menubuhan kerajaan komunis menerusi pendekatan politik gagal, PKM merubah strategi kepada pendekatan keganasan.

PKM mula melakukan keganasan



terhadap rakyat yang tidak menyokong pergerakan mereka. Dalam pada itu PKM juga cuba membuat sabotaj terhadap ekonomi Tanah Melayu, memusnahkan ladang getah dengan memusnahkan ribuan pokok getah, membakar rumah asap dan gudang getah serta menakut-nakutkan penoreh getah supaya tidak turun menoreh.

Akibat pembunuhan tiga pengurus

ladang getah berbangsa Inggeris di Perak oleh pengganas Komunis, maka kerajaan Inggeris di Tanah Melayu telah mengharamkan PKM dan mengisyiharkan darurat pada tahun 1948 dan hanya tamat pada tahun 1960 selepas PKM berundur melintas sempadan mencari perlindungan di Selatan Thailand.

Darurat di Tanah Melayu menyaksikan ribuan peristiwa keganasan dan kekejaman pengganas Komunis yang dipimpin oleh Chin Peng. Ribuan anggota pasukan keselamatan dan orang awam terbunuh dan ramai lagi yang cedera dan teraniaya.

Ramai pemimpin dan pegawai tinggi kerajaan turut terbunuh, antara mereka ialah Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney dibunuh komunis pada 1951, Ketua Polis Negara Allahyarham Tan Sri Rahman Hashim dibunuh ejen komunis di Jalan Tun

Perak, Kuala Lumpur, pada 7 Jun 1974 dan pada 13 Nov 1975 pula, Ketua Polis Perak, Tan Sri Khoo Chong Kong.

Di sepanjang era Darurat 1948 hingga 1960 dan era kebangkitan kedua PKM 1968 hingga 1989, pengganas komunis melakukan keganasan dan kekejaman dari utara hingga ke selatan Semenanjung Tanah Melayu serta di Sarawak. Seramai 2,083 anggota pasukan keselamatan terkorban dan seramai 3,541 lagi cedera termasuk cedera kekal.

Sementara itu seramai 2,588 orang awam turut terkorban dan seramai 1,490 lagi cedera angkara pengganas komunis. Bagi menunjukkan kebangkitan semula PKM, pengganas



Komunis telah menyerang hendap sebuah konvoi pasukan keselamatan di jalan Kroh-Betong pada Jun 1968. Seramai 17 anggota pasukan keselamatan telah terbunuh.

Untuk mengaburi mata pasukan keselamatan dengan memberi gambaran bahawa PKM hanya aktif di kawasan sempadan, pengganas komunis telah melakukan serang hendap di Sintok, Kedah, memasang jerangkap samar di jalan Changlun-Sadao serta meletupkan jalan kereta api dekat Padang Besar. Bagaimanapun, pertempuran di Hutan Simpan Bukit Kinta di Perak telah membuktikan bahawa PKM sudah jauh melintas sempadan.

Seluruh rakyat Malaysia perlu memahami bahawa walaupun komunis telah dikalahkan dari sudut ketenteraan di Malaysia, PKM tidak dibubarkan. Ideologi komunisme masih hidup di kalangan pemimpin dan anggota yang dikatakan kembali kepada masyarakat dan kini ideologi tersebut sudah nampak seperti disemarakkan semula. Kita perlu sedar

perkembangan yang tidak sihat ini dan semua golongan rakyat Malaysia mesti sentiasa berwaspada dan bertindak dengan waras.

Jangan lupa bahawa PKM bukan sahaja menggugat keselamatan negara dengan membunuh dan mencederai ramai orang awam adan anggota



pasukan keselamatan dalam usaha mereka untuk menujuhkan sebuah negara komunis di Tanah Melayu, mereka juga cuba memusnahkan segala kemajuan yang sedang diusahakan oleh kerajaan untuk rakyat. Pengganas komunis telah mensabotaj pembangunan negara dengan memusnahkan jentera-jentera Jabatan Kerja Raya yang sedang membina Lebuhraya Timur Barat di Utara negeri

Perak pada 23 Mei 1974.

Pengganas komunis juga telah meletupkan landasan kereta api, menyerang kereta api yang lalu, dalam beberapa kejadian di Negeri Sembilan, Perak, Pahang dan Kedah. Semua rakyat negara ini mesti mengiktiraf peranan semua anggota pasukan keselamatan yang sejak dahulu lagi rela berkurban darah, keringat dan air mata demi menentukan negara Malaysia kekal aman, damai dan sejahtera.

kan keselamatan yang sejak dahulu lagi rela berkurban darah, keringat dan air mata demi menentukan negara Malaysia kekal aman, damai dan sejahtera.

Hutang darah yang tertumpah di bumi Malaysia angkara kekejaman dan keganasan gerila komunis masih belum terbayar. Keluarga pasukan keselamatan yang terkorban ketika era darurat hingga kini masih terasa kehilangan ayah, abang dan saudara mara yang tercinta. Ramai mereka yang cedera masih trauma dengan kehilangan anggota mereka.

Malah terdapat seorang pegawai yang terputus kaki semasa operasi menentang pengganas komunis akibat terpijak jerangkap samar, kini masih berkhidmat dalam TD. Hormati dan kenanglah pengorbanan, jasa dan khidmat bakti mereka untuk negara Malaysia tercinta.

Bakara Market

Terpahat Sejarah Negara



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

Bumi Somalia yang tandus dan gersang telah menjadi saksi akan kebenaran penggempur-penggempur 19 RAMD Mek yang telah menjadi kebanggaan kepada ATM khasnya dan negara Malaysia amnya. Pada tanggal 3 Okt 1993, telah menjadi lipatan sejarah kepada seluruh dunia tentang kepahlawanan anak-anak melayu dari bumi

keadaan siap sedia di Pelabuhan Mogadishu mulai jam 1845.

Misi yang diberi adalah bagi menyelamatkan 70 anggota pasukan *Rangers Amerika Syarikat* dan lima orang *krew helikopter* yang juga dari pasukan QRF yang telah terperangkap di dua lokasi yang berasingan di sekitar Bakara Market.

Walaubagaimanapun pada jam 2100, *Rescue Mission* telah diubah dengan QRF Malbat I dikehendaki

Malaysia. Kontinjen Malbat I juga merupakan pasukan *Quick Reaction Force* (QRF) UNOSOM II telah diarah menyediakan dua Kompeni Mekanise dalam

menyediakan *Armoured Personnel Carrier* (APC) bersama pegawai, ketua kereta, pemandu dan penembak belakang. APC telah diisi dengan pasukan QRF Amerika Syarikat dan seterusnya mendapat perlindungan dari Trup Kereta Kebal Kontinjen Pakistan.

Daripada misi yang diterima QRF Malbat I membahagikan sub unit seperti Kompeni Alpha sebagai Tim Kombat Charlie membawa Kompeni Charlie daripada Bn 2/14 Infantri Rejimen Amerika dan anggota terdiri dari lima pegawai dan 42 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang diketuai oleh Mej Abd Aziz Abd Latif beserta dengan 14 buah kenderaan APC.

Selain itu, Kompeni Bravo sebagai Tim Kombat Alpha membawa

Kompeni Alpha daripada 2/14 Infantri Amerika dan anggota terdiri dari lima pegawai dan 47 anggota LLP yang diketuai oleh Mej Abd Rashid Ahmad beserta dengan 14 buah kenderaan APC. Platan Anti Kereta Kebal yang terdiri daripada satu pegawai dan 14 anggota LLP yang diketuai oleh Kapt Zawawi Adam beserta dengan empat buah kenderaan APC 20mm *Oerlikon*.

Pada jam 2325, Kompeni Bravo mendahului konvoi mula bergerak dari Pelabuhan Mogadishu (*New Port*) menuju ke kawasan sasaran yang didahului oleh 1 Terup Kereta Kebal Tentera Pakistan. Jalan yang dilalui ialah melalui *Strong Point* (SP) 73, 69, 207 melalui *National Street* dan terus ke sasaran. Setibanya di SP 69, Terup Kereta Kebal Tentera Pakistan telah menarik diri daripada meneruskan mara menyebabkan Kompeni Bravo terpaksa meneruskan perjalanan tanpa perlindungan kereta kebal.

Mulai SP 69 lebih kurang jam 2340, Kompeni Bravo mula menghadapi serangan dari pihak militan Somalia dengan tembakan *Heavy Machine Gun* (*HMG*), *Rocket Propelled Grenade* (*RPG*), senjata kecil, mortar, *Grenade Launcher* dan beberapa halangan diletakkan di jalan menuju ke objektif. Di dalam keadaan yang getir, ketua-ketua kereta serta pemandu daripada Kompeni Bravo meneruskan tentangan di samping berikhtiar bergerak pantas menuju ke objektif yang ditetapkan. Apabila menghampiri SP 207, pemandu kenderaan APC daripada Platan No. 4 LKpl Suleiman Aziz ditembak dan mengalami kecederaan yang parah hasil daripada asakan kumpulan bersenjata yang semakin agresif.

Pada jam 0308, kenderaan APC dari Platan No 2 Kompeni Alpha yang memasuki kawasan sasaran telah ditembak menyebabkan pemandunya cedera parah. Pada jam 0330 anggota tersebut meninggal dunia di dalam pertempuran berkenaan. Beliau adalah satu-satunya pahlawan pasukan yang gugur di medan pertempuran. Pbt Mat Aznan Awang gugur sebagai bunga bangsa yang telah menaikkan semangat wira-wira yang lain untuk terus berjuang. Slogan Pantang Undur dan Berjuang Hingga Ke Titisan Darah Yang Terakhir telah dibuktikan oleh wira-wira yang terlibat di dalam pertempuran itu.

Pada jam 0530, pasukan mula berundur setelah semua anggota *Rangers* dan *krew helikopter Black Hawk* telah dapat diselamatkan dan seterusnya dibawa ke Stadium Mogadishu. Kesudahan daripada

pertempuran tersebut, pasukan mengalami kemasuhan sebanyak tiga buah kenderaan *Condor Twin GPMG* dan sebuah kenderaan *Condor 20mm Oerlikon*. Sebanyak tiga buah kenderaan APC serta beberapa buah lagi mengalami kerosakan. QRF Malbat I mengalami satu kematian dan sembilan kecederaan. Di dalam pertempuran ini, disebabkan kurang perlindungan serta asakan yang cukup sengit telah mengakibatkan tentera Amerika Syarikat mengalami 18 kematian serta beberapa anggo mengalami kecederaan parah.

Allahyarham dikebumikan di tempat kelahirannya di Baling, Kedah. Di atas pengorbanan yang dicurahkan, allahyarham Pbt Mat Aznan Awang dinaikkan ke pangkat Kopral serta dianugerahkan Darjah Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) oleh SPB Yang di-Pertuan Agong pada 4 Jun 1994 dan Bintang Keberanian Kedah (BKK) pada 23 Jun 1994 oleh DYMM Sultan Kedah.

Penglibatan Malbat I di dalam operasi menyelamat tentera *US Ranger* dan juruterbang *Black Hawk* yang dikepung oleh militan Farah Aideed pada 3 Okt 1993 adalah merupakan satu pengalaman pertempuran yang diidam-idamkan oleh setiap anggota yang dilatih untuk bertempur. Walaupun operasi ini dilaksanakan dalam keadaan mendadak serta serba kekurangan dari aspek perisikan musuh, keadaan medan dan kedudukan objektif serta masalah komunikasi dan koordinasi antara tentera asing yang bergabung bersama untuk melaksanakan operasi, tetapi tim tempur Malbat I berjaya mempamerkan tahap profesionalisme ketenteraan yang amat cemerlang dan membanggakan. Penglibatan anggota Malbat I dalam operasi menyelamat ini telah disanjung tinggi oleh semua pasukan pengaman UNOSOM II.

Dalam pertempuran yang berlaku selama enam jam itu, puak militan farah Aideed telah menembak beratus-ratus launcher RPG dan beribu-ribu butir peluru mesingan untuk menangkis kumpulan penyelamat.

Tentera Amerika yang menyaksikan sendiri reaksi berani anggota Malbat I dalam pertempuran yang amat terdesak dan tertekan ini mengakui hakikat kehebatan dan kecekapan tentera Malaysia menangani suasana tersebut.



MISI PBB

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Suasana sedih diselubungi dengan tangisan ahli-ahli keluarga tidak membantutkan hasrat kumpulan pertama MALBATT 850-7 untuk melaksanakan misi di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan penuh bersemangat walaupun terpaksa meninggalkan keluarga tercinta demi tugas dan tanggungjawab sebagai seorang anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu menyeru seluruh anggota MALBATT 850-7 yang menyertai misi *United Nations Interim Force In Lebanon* (UNIFIL) agar memastikan pengiktirafan ini terus terpelihara demi memastabatkan lagi maruah negara dan ATM di persada antarabangsa.

"Penglibatan ATM di peringkat antarabangsa membuktikan Malaysia komited dalam melaksanakan tanggungjawab bagi memberi bantuan kemanusiaan kepada negara yang memerlukan demi memastikan aspirasi keamanan sejagat dapat direalisasikan," ujarnya.



Airmata Iringi MALBATT 850-7



Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pemakaian Beret PBB, Penyerahan Bendera Malaysia dan Penghantaran Kumpulan Pertama MALBATT 850-7 di Balai Pergerakan Udara, Pangkalan Udara Subang pada 1 Okt 2019.

Kumpulan pertama pasukan pengaman Batalion Malaysia 850-7 (MALBATT 850-7) diketuai oleh Komander MALBATT 850-7, Kol Khairul Anuar Soib bersama 57 pegawai dan 165 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) ATM dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berlepas ke Lubnan bagi menyertai misi pengaman selama setahun.

MALBATT 850-7 berkekuatan seramai 850 anggota ATM termasuk anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei



dan seorang pegawai awam Kementerian Pertahanan akan diatur gerakkan ke negara berkenaan secara empat peringkat iaitu 1,8,15 dan 22 Okt ini.



Tambah MENHAN lagi, anggota MALBATT 850-7 menjalani latihan integrasi atau *Force Integration Training (FIT)* selama tiga bulan di MALBATT Village, Port Dickson bagi menggantikan MALBATT 850-6 yang akan menamatkan misi UNIFIL.

Beliau merakamkan setinggi-tinggi perhargaan dan tahniah kepada seluruh keluarga MALBATT 850-7 yang telah memberi restu kepada suami, isteri, anak atau saudara masing-masing demi melaksanakan misi di luar negara.

Terdahulu dari itu, beliau menyempurnakan acara pemakaian

beret PBB yang dimulakan dengan pemakaian beret kepada Komander MALBATT 850-7, Kol Khairul Anuar Soib lalu menyerahkan bendera Malaysia sebagai simbolik bahawa MALBATT 850-7 siap untuk diatur gerak disaksikan pegawai-pegawai kanan ATM dan keluarga anggota MALBATT 850-7.

Turut hadir, Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj. Zulkifli Hj. Zainal Abidin, Ketua Setiausaha Kementerian



Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato Sri Hj Affendi Buang TUDM dan Duta Besar Brunei Darussalam, Dato Paduka Haji Alaihuddin.

Majlis Penutup Latihan Hutan Bersama UAE Siri 1/2019

Oleh: Kapt Sirichai Manichorte
Gambar: SSjn Ahmad Norizam Jaafar

JOHOR: Majlis Penutup Latihan Hutan Bersama Tentera Emeriah Arab Bersatu (UAE) Siri 1/2019 yang disempurnakan oleh Ketua Staf Am 21 GGK, Brig Jen Datuk Jamaluddin Jambi bertempat di Kem Penyabong, Endau, pada 17 Okt 2019.

Ketibaan Ketua Staf Am 21 GGK di sambut oleh Brig Jen Abdullah Saeed Al-Tayyar *Defense Attaché UAE* dan menerima tabik hormat majlis.

Dalam ucapan penutup KS Am 21 GGK berkehendakkan semua anggota GGK memberi pendedahan kepada pasukan UAE tentang Taktik, Teknik dan Prosedur (TTP) berkaitan dalam latihan yang dilaksanakan oleh GGK dan memastikan anggota GGK yang terlibat mematuhi serta mendalami TTP yang digunakan serta mampu mengajar pasukan UAE semasa latihan dilaksanakan.

Mengeratkan hubungan pasukan kedua-dua negara serta boleh bekerjasama dalam latihan serta operasi



masa hadapan jika diperlukan dan membolehkan anggota memahami cara kerja pasukan UAE yang melaksanakan latihan bilateral serta mampu mencontohi budaya kerja yang positif sekiranya bersesuaian untuk diaplikasikan oleh GGK.

Turut hadir memeriahkan majlis Kol Operasi Khusus, Kol Khairul Anuar Yaacob dan Kol Latih, Kol Nubli Hashim.

FPDA Uji Kemantapan Latihan Gabungan Bersama Antara Negara

PAHANG: Tentera Darat Malaysia (TDM) bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) melaksanakan Eks BERSAMA LIMA 2019 yang merupakan eksesais gabungan bersama Angkatan Tentera negara-negara FPDA iaitu Malaysia, Singapura, United Kingdom, Australia dan New Zealand di sekitar kawasan Kuantan bermula 1 hingga 17 Okt 2019.

Upacara pembukaan Eks BERSAMA LIMA 2019 dirasmikan oleh Lt Jen Dato' Suhaimi Hj Mohd Zuki di Pangkalan Udara Butterworth.

Pelaku utama eksesais melibatkan pasukan 18 RAMD (Para) yang turut diberi kepercayaan oleh MKAB sebagai Tim Perancang Darat yang diketuai Pegawai Memerintah

18 RAMD (Para), Lt Kol Syed Suhairi bin Syed Hussain.

Manakala Markas Komp bersama 1 Platoon dari 18 RAMD (Para) bergabung dengan 1 Platoon masing-masing dari Singapura, United Kingdom, Australia dan New Zealand untuk membentuk Komp FPDA bersama elemen-elemen yang lain berkekuatan keseluruhan seramai 23 pegawai dan 247 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Eks ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu Fasa Pertama *Force Integration Training (FIT)* di 12 RAMD (Mek), Fasa Kedua perlaksanaan embarkasi ke Kapal RSS Persistence, Tentera Laut Singapura yang belayar di sekitar Laut China Selatan manakala Fasa Ketiga adalah perlaksanaan *Field Training Exercise (FTX)* iaitu *Jungle Warfare Operations* dan *Non-Combatant Evacuation Operations (NEO)*.

Tujuan utama eks adalah untuk melatih FPDA Defence Forces dalam melaksanakan operasi gabungan dan bersama dalam persekitaran yang pelbagai ancaman bagi mempertahankan Malaysia dan Singapura serta meningkatkan tahap saling keboleh-operasian (*inter-operability*) dalam memperkuatkan hubungan profesional FPDA Defence Forces.

Upacara penutup telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera Singapura, Lt Gen Melvyn Ong Su Kiat dan turut dihadiri oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin. - Lt Muhamad Sufyan At Tsauri Mar Ramli, Gambar: Sel Risik Pasukan



Eks SEMANGAT BERSATU

Erat Hubungan Tentera Dua Negara



Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak

Gambar: Sel Risik 6 RRD

SINGAPURA: Seramai Lima pegawai dan 114 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) dari Batalion Keenam Rejimen Renjer Diraja (6 RRD) mengambil terlibat dalam Majlis Pembukaan Eksesais SEMANGAT BERSATU Siri 25/2019 bertempat di Auditorium 6th Division, Mandai Hill Camp, Singapura pada 21 Okt 2019.

Upacara Pembukaan telah disempurnakan oleh *Chief of Staff, 6th Singapore Division*, Col Liew Kok Keong, manakala 4th Singapore Infantry Regiment (4 SIR) adalah sebagai pasukan penganjur pada tahun ini.

Eksesais bilateral yang berlangsung mulai 19 hingga 27 Okt 2019 ini berkonsepkan Peperangan Konvensional, dan akan dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu *Profesional Exchange*, Latihan Medan/FTX dan *Cultural Exchange and Cohesion*.

Penumpuan eksesais ialah kepada operasi offensif dan *Operation in Build Up Area* (OBUA) yang mana akan dilaksanakan semasa fasa Latihan Medan.

Pelaksanaan eks ini dilihat banyak memberikan faedah dalam perkongsian ilmu ketenteraan di antara kedua-dua negara. Di samping itu, ia juga merupakan medium terbaik untuk memberikan pendedahan kepada anggota Tentera Darat Malaysia khususnya di dalam aspek latihan OBUA.

Pemangku Panglima 3 Div, Brig Jen Mohd Nazri Abd Rahman dalam ucapannya berkehendakkan setiap pegawai dan anggota LLP yang terlibat mengambil peluang dan kesempatan ini untuk menimba ilmu ketenteraan daripada Tentera Darat Singapura.

Selain itu, eks ini adalah medan terbaik untuk merapatkan hubungan sesama pegawai dan anggota kedua-dua negara.

Simbolik kepada perasmian eks ini adalah penyerahan bendera Kompeni Alpha 6 RRD yang diserahkan oleh Ketua Kompeni A 6 RRD, Mej Hafizul Marjo kepada Pegawai Memerintah 4 SIR, Lt Col Muhamad Helmi Khaswan.

Penutup eks telah disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah,

yang mana beliau menyatakan rasa amat berpuas hati dengan semangat dan prestasi yang dipamerkan oleh semua pegawai dan anggota yang terlibat di sepanjang eks ini berlangsung.

Dalam ucapan TPTD, beliau berkata latihan bersama ini penting bagi meningkatkan lagi kerjasama dua hala di antara TDM dan TDS di samping menggandakan persefahaman serta kerjasama ketenteraan.

Melalui eks ini juga, legasi hubungan baik yang telah terjalin sejak sekian lama di antara kedua-dua negara mampu diteruskan dan dipelihara selama-lamanya.

Beliau berharap ruang dan peluang yang disajikan sepanjang eksesais ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pegawai dan anggota 6 RRD untuk saling mengenali antara satu dengan yang lain dan seterusnya membina rangkaian persahabatan atau *networking* dengan pegawai dan anggota daripada TDS.

Berbekalkan kerjasama dan persahabatan yang telah dibina, tahap *interoperability* di antara TDM dan TDS mampu dipacu ke tingkat yang lebih tinggi.

Dalam usaha mencapai objektif eks ini, kedua-dua kompeni baik daripada TDM mahupun TDS dengan semangat setiakawan yang tinggi, telah bersepakat dalam proses perkongsian idea dan ilmu serta saling bertukar pandangan dan pendapat yang sangat bermanfaat.

Kesepakatan seumpama ini amat berkesan bagi melonjak dan memperkasakan tahap profesionalisme dalam kalangan pegawai dan anggota.

Simbolik kepada penutupan eks ini adalah penyerahan semula bendera Kompeni Alpha 6 RRD daripada Peg Mem erintah 4 SIR, Lt Kol Muhamad Helmi Khaswan kepada Ketua Kompeni Alpha 6 RRD, Mej Hafizul Marjo.



Turut hadir menyaksikan penutupan eks ini ialah, *Chief of Staff – General Staff, Singapore Army*, Brig Gen Kenneth Liow, Ketua Pengarah MKTD -OPLAT, Brig Jen Shamsirudin Mohd Shariff, Panglima 7 Bgd, Brig Jen Dato' Hj Zawawi Hj Adam dan Penasihat Pertahanan Malaysia di Singapura, Kol Ahmad Fareed Ariffin.

Mesyuarat RBC Ke-110 Capai Matlamat Ditetapkan



Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi

PULAU PINANG: Seramai 90 pegawai tentera, polis dan awam dari negara Malaysia dan Thailand menghadiri Mesyuarat *Regional Border Committee* (RBC) Ke-110 di hotel BayView, Georgetown bermula 22 hingga 24 Okt 2019.

Mesyuarat RBC di antara Malaysia

dan Thailand ini dipengerusikan Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami selaku *Malaysian Joint Chairman* (MJC) di mana giliran Malaysia sebagai hos pada kali ini.

Ahli tetap RBC dari pihak Thailand adalah *4th Army Area Commander, Royal Thai Army* (RTA), Lt Gen

Pornsak Poolsawad selaku *Thai Joint Chairman* (TJC).

Mesyuarat pada kali ini berjalan lancar dan berjaya mencapai objektif yang ditetapkan di samping mengeratkan lagi hubungan di antara Malaysia dan Thailand.

Turut hadir delegasi kumpulan kerja utama di bawah RBC dari kedua-dua negara.

Mesyuarat Ke-36 HLC MALTHAI

MELAKA: Mesyuarat Ke-36 *High Level Committee* (HLC) antara Malaysia dan Thailand telah diadakan di Hotel Holiday Inn pada 1 Nov 2019.

Mesyuarat ini merupakan acara tahunan yang dihoskan

secara bergilir-gilir di antara Malaysia dan Thailand, mesyuarat kali ini dipengerusikan secara bersama oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia selaku Pengerusi HLC Malaysia (PAT), Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima

Hj. Zulkifli bin Hj. Zainal Abidin dan Panglima Angkatan Tentera Diraja Thailand sebagai Pengerusi HLC Thailand, Jeneral Ponpipaat Benyasri, mesyuarat telah dilaksanakan dengan suasana penuh kemesraan atas dasar semangat persahabatan.

Tujuan utama mesyuarat HLC MALTHAI adalah sebagai platform kepada semua ahli mesyuarat untuk bertemu secara rasmi bagi membincangkan isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama terutamanya isu keselamatan di sepanjang kawasan sempadan Malaysia dan Thailand.

Perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah hasil perkembangan kerjasama di bidang operasi dan perisikan, latihan dan pendidikan, kerjasama kepolisian dan sosio-ekonomi. - **J7 MK ATM**



Program Executive Talk Delegasi New Zealand Army di MK PLDTD



Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha
Gambar: Kpl Ahmad Idhlan firdaus Rasdy

NEGERI SEMBILAN: Pemangku Panglima Latihan TD, Brig Jen Dato' Md Rahim Hj Mohamad telah menerima

Kunjungan Hormat daripada Delegasi New Zealand Army yang diketuai oleh Assistant Chief of New Zealand Army (Delivery), Colonel Helen Cooper pada 19 Nov 2019.

Sesi Kunjungan Hormat dimulai perte-
muhan dengan barisan Pegawai Kanan MK PLDTD dan diikuti dengan Executive Talk bersama Pemangku Panglima Latihan TD serta Pengarah Pengurusan Latihan, Brig Jen Dato' Nazari Abd Hadi.

Perbincangan dua hala berkaitan hala tuju latihan Tentera Darat di antara kedua-dua negara Malaysia dan New Zealand diikuti taklimat ringkas di Bilik Imphal MK PLDTD.

Lawatan diakhiri dengan jamuan ringan di Wisma Perwira 'The Sunset' bersama semua Pegawai Staf MK PLDTD dan sesi pertukaran momento.

Turut hadir Pemangku Ketua Staf MK PLDTD, Kol Ahmad Suhaimi Navinder Abdullah.

Latihan Silang Tingkat Kemahiran Tempur Anggota

KEDAH: Seramai lima pegawai dan 35 anggota dari Bn Ke-19 Rejimen Askar Melayu Diraja (Mek) serta Bn 165 Risik TD mewakili Tentera Darat Malaysia dalam Latihan Silang bersama Rifle Company Butterworth (RCB) yang dilaksanakan selama tiga hari bermula dari 12 hingga 14 Nov 2019.

Latihan ini telah dianjurkan bersama RCB bertempat di Kem Hobart, Gurun dan merupakan pendedahan baharu dan bermanfaat kepada Tentera Darat Malaysia tentang bagaimana pelaksanaan tinjauan dan juga panggilan tembakan mortar menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle*

(UAV).

Platun Tinjau dan juga Kontroler Tembakan Bergerak (KTB) Mortar 120mm 19 RAMD (Mek) bersama Bn 165 Risik TD dan RCB sebagai Pasukan Pengendali UAV, ianya berteraskan teori dan praktikal oleh pegawai serta anggota dari RCB.

Antara latihan yang telah dilaksanakan di dalam latihan praktikal seperti *surveillance* dan *target acquisition* oleh anggota tinjau dan sniper 19 RAMD (Mek) serta pelaksanaan koreksi tembakan mortar 120mm oleh KTB 19 RAMD (Mek) dengan menggunakan UAV di mana dengan bantuan

daripada UAV, pelaksanaan tinjauan dapat diperluaskan jangkauan jaraknya dan lebih pantas.

Majlis penutup latihan ini telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah 19 RAMD (Mek), Lt Kol Azmi Hj Abdul Rahim dan juga Ketua Kompeni RCB, Mej Alex McDonald.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah 19 RAMD (Mek), beliau mengatakan bahawa latihan ini dapat memberikan pendedahan terhadap *Man Machine and Method* kepada anggota 19 RAMD (Mek) dan anggota Batalion 165 Risik TD.

Pada masa sama, latihan ini dapat merapatkan hubungan ketenteraan dan meningkatkan tahap kebolehoperasian di antara Malaysia dan Australia sebagai sebahagian daripada negara FPDA. - Lt Muhamad Amirul Asraf Izhar





TD Bukan Tempat Mencari Kemewahan - PTD

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini

NEGERI SEMBILAN: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menegaskan bahawa profesion sebagai seorang anggota Tentera Darat (TD) bukanlah kerjaya yang mengejar kekayaan dan kemewahan tetapi adalah tugas mulia yang menuntut pengorbanan untuk negara.

"Kehidupan sebagai seorang

tentera bukanlah mudah dan senang kerana anggota tentera mesti sentiasa memperkenan sikap profesional semasa bertugas, berketerampilan dan menunjukkan akhlak yang baik lagi terpuji.

"Nilai-nilai spiritual dan keagamaan harus dijadikan teras peggangan kerana ianya akan membawa kepada pengukuh jati diri dalam

mewujudkan Khairul Ummah yang mempunyai keseimbangan aspek kerohanian dan fizikal," tegasnya.

PTD berkata demikian semasa ucapannya dalam Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda (PM) Tentera Darat Siri 189/2019 Lelaki dan Siri 45/2019 Wanita di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) pada 5 Okt 2019.

" Kehidupan sebagai seorang tentera bukanlah mudah dan senang kerana anggota tentera mesti sentiasa mempamerkan sikap profesional semasa bertugas "

Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi





Selain itu, beliau mengingatkan agar menjauhi sebarang bentuk gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, pengaruh kawan dan media sosial yang tidak sihat, fahaman ekstremis berkaitan agama dan politik serta permainan judi online.

Tambahnya lagi, beliau tidak akan berkompromi dengan isu-isu pelanggaran disiplin, integriti dan perbuatan tidak bermoral yang merosakkan nama baik TD.

“Saya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap anggota terbabit demi menentukan kekuatan dan keutuhan TD sebagai satu entiti,” jelas PTD.

Terdahulu ketibaan PTD disambut oleh Timbalan PTD, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah bersama Komandan PUSASDA, Kol Zambery Jefry Hj Darus lalu menerima tabik hormat dari kontinjen perbarisan diketuai PM Muhammad Nuruddin Ishak yang juga merupakan PM Keseluruhan Terbaik.

Seramai 1764 PM terdiri daripada 1696 PM Lelaki dan 68 PM Wanita berjaya menamatkan latihan selam enam bulan bermula pada 29 Mac hingga 5 Okt 2019.

Perbarisan diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada PM Akademik Terbaik diberikan kepada PM Muhammad Izzauddyn Azleen dan PM Kecergasan Jasmani Terbaik dianugerahkan kepada, PM Mohd Rafi Yahya.

Manakala PM Kawad Terbaik diberikan kepada PM

Syazwan Akif Razali, PM Penembak Terbaik dianugerahkan kepada PM Ezric Maizan Roslan dan Kompeni Terbaik siri ini dimenangi oleh Kompeni Delta.

PTD juga berbesar hati memberi penganugerahan khas iaitu Pemakaian Pangkat Pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) serta Penyampaian Sijil Kepujian PTD kepada dua pegawai dan 26 anggota LLP Tim 21 Grup Gerak Khas (GGK) yang berjaya muncul juara dalam pertandingan *Special Force Ultimate Challenge 2019* di Kem Hobart pada 18 hingga 22 Sep 2019.

Majlis diteruskan dengan acara Pemakaian Pangkat Jurulatih dan Pemain Bola Sepak TD kepada 14 anggota LLP dimana tim bola sepak TD melakar sejarah apabila pertama kali menjuarai kejohanan bola sepak Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) pada 4 Ogos 2019 dan menjuarai Pertandingan Bola Sepak Antara Perkhidmatan Tahun 2019 pada 29 Jun 2019.

Penerima Sijil Kepujian PTD terakhir adalah Kpl Mohamad Khairul Md Saad dari Kompeni Pandura (Para) yang dianugerahkan *Best Marksmanship* bagi acara rifle dan pistol dimana TD dijemput buat julung kali menyertai Pertandingan *International Military Skills Competition* (IMSC) anjuran TD Australia di Brisbane, Queensland, Australia.



PERBARISAN TAMAT LATIHAN PERAJURIT MUDA
LELAKI SIRI 189/19 DAN WANITA SIRI 45/19
05 OKTOBER 2019

MK PLTD



Seterusnya, simbolik penyerahan tongkat kuasa terima tugas Sarjan Mejar Rejimen (SMR) TD di antara PW I Hayazi Abdul Aziz dan PW I Mohd Pauzi Mohd Ali yang disaksikan oleh PTD.

PW I Mohd Pauzi Mohd Ali telah dilantik menjadi SMR TD Ke-8 menggantikan PW I Hayazi Abdul Aziz yang telah dilantik menjadi SMR Angkatan Tentera Malaysia yang pertama.

Pameran ketenteraan juga diadakan seperti Ikhtiar Hidup Pertempuran, Peralatan Khas TDM, Pameran Kerjaya, Hospital Bergerak, Peralatan Kejuruteraan, Peralatan Komunikasi, Meriam 105 Howitzer, Meriam 155mm MK III, Gempita, Lipan Bara dan Persenjataan Infanteri.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami dan Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman.

Penutup Kursus Ketua Kompeni Siri 2/2019

Oleh: Mej Nor Shafiza Zakaria

JOHOR: Seramai 42 penuntut pegawai yang berjaya menamatkan kursus selama tiga bulan terlibat dalam Majlis Penutup Kursus Ketua Kompeni Siri 2/2019 yang disempurnakan oleh Komandan Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA), Kol Isa Daud bertempat di Dewan DJTSI, Kem Ulu Tiram pada 3 Okt 2019.

Anugerah Penuntut Terbaik Akademik disandang oleh Kapt Jaya Elhami Mohd Kenali, Penuntut Terbaik Luar Negara disandang oleh Kapt Abdul Ghani Khan (Pakistan) dan Penuntut Terbaik Keseluruhan disandang oleh Kapt Muhammad Hazri Hajanan.

Komandan dalam ucapan merakamkan ucapan tahniah kepada semua penuntut kerana telah berjaya menamatkan



kursus dan memperolehi keputusan baik.

Turut hadir, Ketua Cawangan Ketua Kompeni, Mej Mohd Firdaus M. Yatim.

Perbarisan SMR PULADA



JOHOR: Seramai 130 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam Perbarisan Sarjan Mejar Rejimen (SMR) Pusat Latihan Tempur TD (PULADA) diketuai PW II Kalis Jamit di Padang Kawad PULADA, Kem Ulu Tiram pada 23 Okt 2019.

Perbarisan ini merupakan perbarisan ulung bagi PW I Suhaimi Hamid yang telah mengambil alih jawatan sebagai RSM PULADA pada 27 Ogos 2019.

Perbarisan ini bertujuan untuk mempuak salah satu kaedah mengekalkan Sistem Pemerintahan Rejimental (SPR) di kalangan anggota PULADA.

RSM dalam ucapan beliau mengingatkan kepada semua anggota supaya berkerjasama dan sentiasa mengekalkan disiplin yang tinggi. - Mej Nor Shafiza Zakaria

TPTD Lawat PULADA

JOHOR: Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) telah menerima Lawatan Kerja daripada Timbalan panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah pada 24 Okt 2019.

TPTD telah diberi taklimat berkenaan Projek RMK 11 dan fasilitas oleh Ketua Jurulatih PULADA, Lt Kol Mohd Sauffi Hj Omar.

Beliau juga turut dibawa melawat ke Lapang Sasar 600m untuk acara menembak dan melihat projek pembangunan di Cawangan Sniper dan Tinjau.

- Mej Nor Shafiza Zakaria



TRADOC Adventure Trail

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha



NEGERI SEMBILAN: Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin TD (MK PLDTD) telah melaksanakan TRADOC Adventure Trail iaitu larian di dalam hutan bertempat di Hutan Simpan Tanjung Tuan, Port Dickson melibatkan semua peringkat pegawai dan Lain-Lain Pangkat (LLP) staf MK PLDTD pada 7 Nov 2019.

Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan bertujuan untuk menjaga tahap kesihatan dan kecerdasan staf MK PLDTD serta memberi kelainan bagi aktiviti sukan yang MK PLDTD laksanakan pada setiap petang jumaat.

Turut hadir Pemangku Ketua Staf MK PLDTD, Kol Ahmad Suhaimi Navinder Abdullah.

Latihan Kem Tahunan Politeknik Se-Malaysia Siri 14/2019

PAHANG: Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Latihan Kem Tahunan Politeknik Se-Malaysia Siri 14/2019 atau lebih dikenali sebagai Malaysian Polytechnic Territorial Army Annual Camp (MalPTAAC) dimana Rejimen 505 (AW) telah diberi tanggungjawab sebagai pasukan pengarjuran bagi latihan ini.

Latihan Kem Tahunan Politeknik Se-Malaysia Siri 14/2019 telah dilaksanakan bermula pada 10 hingga 24 Nov 2019 dengan berkekuatan 48 pegawai dan 921 anggota Lain- Lain Pangkat (LLP) yang melibatkan 16 buah Politeknik serta 10 buah Rejimen Siri 500 (AW) seluruh Malaysia.

Latihan ini telah dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa Kem bertempat di sekitar kawasan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan fasa Medan di Felda Lepar Hilir 2, Gambang, Kuantan.

Aktiviti fasa Kem yang diadakan meliputi Pertandingan

Menembak di Lapang Sasar Kem Sri Galing (PGA), Pertandingan Kawad di 12 RAMD (Mek), Pertandingan Jalan Laju 5KM di Pantai Sepat, Kuantan, Polythechnic Tactical Challenge di Padang Bola Sepak POLISAS dan Pertandingan Sukan iaitu Bola Tampar dan Pentaque serta Lawatan ke Pusat Latihan Mekanize (PULAMEK).

Manakala Latihan Medan diadakan di sekitar kawasan Felda Lepar Hilir 2, Gambang, Kuantan yang berkonsepkan Peperangan Terbuka. Majlis Penutup Latihan Medan ini telah dihadiri oleh Asisten Panglima Pasukan Simpanan, Mej Jen Dato' Haji Zarondin Md Amin, Wakil Panglima 4 Briged (Mek), Pengarah POLISAS, Dr. Hj. Abdul Latif Ahmad serta wakil-wakil Pengarah Politeknik dan Timbalan Komander Siri 500 (AW).

Latihan ini telah dimeriahkan lagi dengan Anugerah Khas dari AP PS yang dianugerahkan kepada anggota lelaki dan wanita yang terbaik sepanjang latihan ini dilaksanakan iaitu Pbt Marizwan Shafiq Wahab dan Pbt Nurul Izzah Rosli.

Seterusnya, juara keseluruhan politeknik bagi Latihan Kem Tahunan Politeknik Se-Malaysia Siri 14/2019 telah dimenangi oleh Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) dari Rej 513 (AW).

Latihan Kem Tahunan Politeknik Se-Malaysia Siri 14/2019 ini merupakan aktiviti tahunan Politeknik seluruh Malaysia bagi memberi peluang pegawai dan anggota sukarela (AW) di Politeknik untuk bergiat aktif dan mendapat pendedahan mengenai kehidupan di dalam dunia ketenteraan.

Hal ini juga menggalakkan anggota sukarela Politeknik untuk bersaing secara sihat serta memupuk kerjasama di antara satu sama lain. - Lt M Nurhayati Sabaruddin, Gambar: Kpl Normala Abdullah



PULAPOT Extreme Challenge



Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha

KUALA LUMPUR: Pusat Latihan Kor Polis Tentera Diraja (PULAPOT) telah menganjurkan Pertandingan PULAPOT Extreme Challenge yang disempurnakan oleh Komandan

PULAPOT, Lt Kol Nozri Senawi yang mana pertandingan ini telah dilaksanakan di Kem Genting Klang pada 7 Dis 2019.

Sebanyak 16 Tim mengambil bahagian dalam pertandingan ini serta penyertaan daripada 6 Tim Jemputan iaitu tiga Tim daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), TRADOC, 103 Komp KPTD dan TUDM.

Peserta perlu melaksanakan beberapa cabaran dalam pertandingan ini antaranya adalah menolak kenderaan 3 ton dan Land Rover, memikul bot tempur, palet dan guni pasir, mengharungi halangan 'monkey rack' dan tembok 12 kaki serta memikul tayar kereta dan 3 ton, Johan dan Naib Johan disandang oleh dua Tim dari PDRM manakala Tempat Ketiga dimenangi oleh TRADOC.

Objektif pertandingan adalah untuk mengeratkan silaturrahim di samping memastikan kesiapsiagaan peserta daripada segi mental dan fizikal

MMR Dining In Komandan PULADA Ke-25

Oleh: Mej Nor Shafiza Zakaria

JOHOR: Wisma Perwira dan Wisma Bintara PULADA telah menganjurkan Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) sempena Dining In Komandan yang dilaksanakan secara berasingan iaitu di Hotel Holiday Villa bagi Wisma Bintara pada 29 Nov 2019 semata bagi Wisma Perwira di Hotel KSL pada 7 Dis 2019.

Majlis ini masing-masing dihadiri oleh 104 pegawai bersama pasangan bagi Wisma Perwira dan 234 PTT Kanan bersama pasangan bagi Wisma Bintara.

Majlis tersebut bertujuan meraikan kemasukan Komandan PULADA Ke-25, Kol Isa Daud serta bagi merapatkan silaturahim yang terjalin antara pegawai dan PTT Kanan dalam satu keluarga yang besar di bawah naungan PULADA.



Komandan PULADA dalam ucapan beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga PULADA kerana telah memberikan sepenuh komitmen untuk menjayakan kedua-dua majlis tersebut dan mengekalkan tradisi serta nilai rejimental yang sedia ada seperti yang tertakluk dalam Perintah Ulung PTD.

Majlis Pengislaman Saudara Baharu



NEGERI SEMBILAN: Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) telah melaksanakan majlis ringkas Pengislaman Saudara Baharu Perajurit Muda

(PM) Shahroli Bah Him dari Kompeni Charlie bertempat di Masjid Depot Askar Melayu Diraja pada 20 Dis 2019.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Komandan PUSASDA, Kol Zambery Jefry Hj Darus dan disaksikan oleh Guru Agama PUSASDA serta jemaah masjid sebelum menunaikan Solat Jumaat.

Komandan PUSASDA turut menyampaikan nasihat serta galakan kepada PM Shahroli Bah Him yang juga memilih nama Muhammad Shahrul Bah Him sebagai nama Islamnya.

Beliau juga mengingatkan kepada jemaah yang lain supaya sentiasa memberi bimbingan dan sokongan kepada saudara baru ini dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang muslim dengan sebaik-baiknya.

PMT TD Bersama Veteran ATM

SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah mengadakan Majlis Bacaan Surah Yassin, Tahlil dan makan malam di Sri Kenyalang, Kuching bersama Veteran ATM Negeri Sarawak pada 5 Dis 2019.

Majlis ini turut dihadiri Panglima 3 Bgd, Brig Jen Hj Mohd Isa Jaafar, Ketua Staf Am MK PMTTD, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi Hj Mohd Said dan pegawai-pegawai kanan TD di sekitar Kuching. - Sel Op Media Perhubungan Raya



Hari Bersama Media PMTTD Siri 2/2019

Oleh: Sel Op Media Perhubungan Raya

SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose bin Mohd Zain telah menghadiri Pertandingan Menembak Jatuh Piring sempena Hari Bersama Media Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD) Siri 2/2019 yang berlangsung di Lapangsasar 25 meter Kem Muara Tuang pada 4 Dis 2019.

Program ini turut dihadiri oleh 27 orang pengamal media daripada pelbagai agensi sekitar Sarawak, dalam ucapan Panglima Medan Timur Tentera Darat, beliau menyatakan bahawa program ini menghargai pihak media yang selama ini memberi liputan positif terhadap aktiviti PMTTD serta platform untuk mengerakkan hubungan antara Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat dan rakyat.

Sebanyak dua acara telah dipertandingkan iaitu jatuh piring gabungan tentera dan media (berkumpulan) dan jatuh piring melibatkan MK PMTTD dan formasi-formasi 1 Div (berkumpulan).



Turut hadir Panglima Divisyen Pertama Infantri, Mej Jen Dato' Md Din bin Abu, Panglima Briged Ketiga Infantri, Brig Jen Hj Mohd Isa bin Jaafar, Panglima Briged Kesembilan Infantri, Brig Jen Abdul Rahman bin A. Wahab, Panglima Briged Ke 31 Infantri, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng, Ketua Staf Am MK PMTTD, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi bin Hj Mohd Said serta Pegawai-pegawai Kanan TD. Program diakhiri dengan Majlis Makan Tengahhari dan Sidang Media di Wisma Perwira Sri Kenyalang.

Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Perhubungan TNI Malaysia



SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah menerima Kunjungan Hormat daripada Ketua Pegawai Perhubungan TNI Malaysia (Kuching), Lt Kol Inf Amilwan Akif di pejabat Panglima Medan Timur pada 12 Dis 2019.

Kunjungan Hormat ini diadakan bagi mengekalkan serta meningkatkan lagi hubungan bilateral antara kedua belah pihak yang telah sedia terjalin dan diakhiri dengan upacara penyampaian cenderahati.

- Mej Muhammad Muzhafar Salji

Perjumpaan PMT TD Bersama Anggota

SARAWAK: Majlis Perjumpaan Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain bersama anggota Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (MK PMTTD) sempena perayaan Hari Krismas di ruang legar MK PMTTD, Kem Muara Tuang pada 19 Dis 19.

Panglima Medan Timur Tentera Darat turut memakaikan pangkat kepada seorang anggota LLP iaitu Pemangku Sarjan Maggie Tuba berkuatkuasa 1 Sep 2019 dan akan menjawat jawatan sebagai Sjn Tadbir MK PMTTD.

Turut hadir Ketua Staf Am, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi Hj Mohd Said, Pegawai-pegawai Kanan MK PMTTD serta seluruh warga MK PMTTD. - Mej Muhammad Muzhafar Salji



UJL 15 Km Uji Kemantapan Warga MK PMBTD

Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi



KUALA LUMPUR: Seramai 36 pegawai dan 124 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) terlibat dalam Ujian Jalan Laju (UJL) sejauh 15km disekitar Kem Perdana pada 26 hingga 27 Dis 2019.

Tujuan perlaksanaan UJL ini adalah untuk melatih dan mempraktikkan kemahiran asas ketenteraan dan mematuhi arahan latihan yang telah dikeluarkan oleh TD.

Selain itu ianya juga adalah untuk melatih semua pegawai dan anggota agar bekerjasama dalam satu kumpulan selain menguji ketahanan mental serta fizikal anggota yang terlibat.

PMB TD Terima Kunjungan Hormat Panglima Bgd Artilleri Roket

KUALA LUMPUR: Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami menerima Kunjungan Hormat dari Panglima Bgd Artilleri Roket, Brig Jen Dato' Zulkefale A. Rahman di Bilik Tetamu pada 29 Nov 2019.

Terdahulu ketibaan Panglima Bgd Artilleri Roket disambut oleh Kem Komandan MK PMBTD, Lt Kol Darawi Mohd Saad diikuti dengan pemeriksaan Kawalan Kuater dan seterusnya beliau dibawa ke Bilik Tetamu PMB TD.

Kunjungan Hormat diakhiri dengan acara menandatangani Buku Lawatan dan pertukaran cenderahati di antara PMB TD dan Panglima Bgd Artilleri Roket. - LKpl Norirawati Abdul Wahab



Ceramah, Solat dan Kuliah Subuh Perdana Peringkat Kentonmen Sungai Besi



KUALA LUMPUR: Sel Agama Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) menganjurkan Ceramah, Solat dan Kuliah Subuh Perdana Peringkat Kentonmen Sg Besi bertempat di Masjid AT pada 19 dan 20 Dis 19.

Ceramah Perdana disampaikan oleh Penceramah Bebas, Ustaz Johari Abdul Wahab Al-Hafiz bertajuk Tika Mak Ayah Sudah Tiada.

Program disambung dengan perlaksanaan Solat Subuh Perdana dan Kuliah Subuh Perdana yang disampaikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang bertajuk Ibrah Tentera di Zaman Rasulullah S.A.W.

Turut hadir, Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman dan Pengurus Masjid AT, Kol Rozwardi Che Lamin serta pegawai dan anggota di dalam Kentonmen Sg Besi. - Kpl Norirawati Abdul Wahab

Program Pencegahan Judi Siber Peringkat MK PMBTD

Oleh: Kpl Azlina Abd Azmi

KUALA LUMPUR: Seramai 55 pegawai dan 298 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) daripada semua pasukan di dalam Kentonmen Kem Perdana Sg Besi telah menghadiri Program Pencegahan Judi Siber yang dianjurkan oleh Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMB TD) yang diadakan di Dewan Dato Jamil Ahmad, Kem Perdana Sg Besi pada 9 Okt 2019.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Staf Perkhidmatan MK PMB TD, Brig Jen Muhammad Arif Soo Abdullah.

Program yang diadakan ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada anggota tentera tentang bahaya perjudian siber yang semakin menular dan langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh pemerintah pasukan dalam membanteras gejala ini.

Penceramah jemputan menjayakan program ini terdiri daripada Pegawai D7 Pencegahan Maksiat JSJ KL, ASP Ridhuan Abd Razak, Penolong Pengarah Forensik Digital SKMM, Muhammad Nursyadiq Saian, Ketua 48 CSJ, Lt Kol Muhammad Rafi Abdul Kadir, PS 1 Keselamatan Cwg Perisikan - MK TD, Lt Kol Mohd Hazri Ahmad, PS 1 Integriti BITD, Lt Kol Mohd Hanafi Abd Latif, PS 2 Agama



MK TD, Mej Norhayati Mohd Yusoff dan Penolong Pegawai Risikan Jenayah 48 CSJ, Kapt Shah Rizad Yusof.

Program ini turut melaksanakan sesi soal selidik secara atas talian menggunakan telefon bimbit para peserta yang hadir bagi mendapatkan maklumbalas kepuasan pelanggan terhadap program yang telah dijalankan.

Program diakhiri dengan majlis penyampaian cenderahati oleh Ketua Staf Perkhidmatan MK PMB TD, Brig Jen Muhammad Arif Soo Abdullah kepada semua penceramah jemputan.

Gotong Royong Perdana Peringkat Kentonmen Sungai Besi

KUALA LUMPUR: Cawangan Perumahan Sungai Besi (CPSB) telah menganjurkan Gotong Royong Perdana Peringkat Kentonmen Sg Besi di seluruh Rumah Keluarga



Angkatan Tentera (RKAT) Kem Perdana Sg Besi pada 18 Okt 2019.

Pelaksanaan gotong royong ini adalah sebagai langkah pencegahan dan kawalan rebakan penyakit bawaan vektor serta pemantauan tahap kebersihan di dalam kem terutamanya penyakit Demam Denggi.

Acara dimulakan dengan penyampaian taklimat dari Pegawai Perubatan Daerah Cheras, Dr Mohd Firdaus Mohd Radi yang menerangkan situasi terkini wabak Demam Denggi di kawasan perumahan RKAT Kem Perdana Sg Besi.

Beliau menekankan tahap kebersihan yang perlu dititikberatkan agar dapat membanteras rebakan penyakit yang sedang tular demi menjamin kehidupan yang sihat.

Turut hadir, Ketua Kompleks CPSB, Lt Kol Mohd Yusoff Nor serta penghuni RKAT. - **LKpl Norirawati Abdul Wahab**

Lawatan Ulung Ketua Jurutera ke MK RAJD PMBTD



Oleh: Kapt Mohd Abdullah Mohd Yaman

KUALA LUMPUR: Markas Rejimen Askar Jurutera Diraja Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK RAJD)

Serah Menyerah Pegawai Perubatan

KUALA LUMPUR: Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Perubatan 712 Pusat Perubatan Angkatan Tentera (712 PPAT) telah dilaksanakan diantara Lt Kol (Dr) Shahida Muhamad dengan Mej Shazwani Mohamad diperkarangan 712 PPAT, Kem Perdana Sg Besi pada 31 Okt 2019.

Lt Kol (Dr) Shahida Muhamad mula bertugas sebagai Pegawai Perubatan sejak 5 Mei 2017 dan akan menamatkan Perkhidmatan pada 24 Mei 2020.

Turut hadir Kol Perubatan MK PMBTD, Kol (Dr) Shamsul Bahary Muhamad, Pegawai Staf Stesen Sg Besi, Mej Nizam Nor Amri Johar@Johari dan semua pegawai serta staf 712 PPAT. - Kpl Nor Azlina Abd Azmi



PMBTD) menerima Lawatan Ulung daripada Ketua Jurutera, Mej Jen Dato' Pahlawan Ir Hj Chapiti Hj Redzwan pada 25 Okt 19.

Ketibaan Ketua Jurutera disambut oleh Komander Jurutera Medan Barat (KJMB), Brig Jen Ir Abdul Hamid Mohd Isa dan kemudian memeriksa Kawalan Kuater serta beliau diperkenalkan kepada pegawai dan anggota LLP MK RAJD PMBTD.

Acara dimulakan dengan perbincangan empat mata di antara Ketua Jurutera dan KJMB di pejabat, seterusnya acara diteruskan dengan sesi taklimat kepada Ketua Jurutera di Bilik Geospatial serta diakhiri sesi menandatangani Buku Lawatan dan penyampaian cenderahati sebagai

tanda kenangan.

Turut hadir, Pegawai Pemerintah 4 Skn RAJD (Jn), Ketua Detasmen 941 UPKAT dan Pegawai Staf 2 Rumah Bina MK PMBTD.

Latihan Menembak Pistol MK PMBTD



KUALA LUMPUR: Seramai 44 pegawai Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) terlibat dalam Latihan Menembak Pistol Pegawai di Lapangsasar A, Kem Sg. Besi pada 20 Nov 2019.

Objektif latihan adalah untuk melatih, menilai tahap kemahiran menembak serta mengkaji kaedah untuk meningkatkan tahap ketepatan dan kecekapan menembak pistol di kalangan pegawai.

Turut hadir Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman dan semua pegawai kanan MK PMBTD. - Kpl Nor Azlina Abd Azmi

Lawatan Kerja Timbalan Menteri Pertahanan Ke MK PMBTD



Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi

KUALA LUMPUR: Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong telah meluangkan masa dalam Lawatan Kerja ke Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat

(MK PMBTD) pada 4 Nov 2019.

Lawatan beliau di MK PMBTD dimulakan dengan taklimat mengenai sejarah penubuhan MK PMBTD, peranan dan tugas, perkara Gerak, Tadbir dan Logistik MK PMBTD termasuk permasalahan yang dihadapi di sekitar kawasan Kem Perdana Sungai Besi.

Seterusnya, beliau telah mela-wat Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) bagi melihat keadaan rumah dan mendengar sendiri permasalahan yang dialami oleh anggota tentera di Jalan Labuan dan Jalan Merdeka.

Lawatan ini dilihat dapat meningkatkan lagi hubungan di antara formasi dan juga pihak atasan dalam mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Turut hadir Panglima Medan Barat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman, Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD, Brig Jen Ariff Soo Abdullah dan semua pegawai-pegawai kanan dibawah MK PMBTD.

Bengkel Pegawai Kerja Kaunseling Peringkat PMBTD

KUALA LUMPUR: Seramai 30 pegawai Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) telah menyertai Bengkel Pegawai Kerja Kaunseling Tahun 2019 Peringkat PMBTD di Bilik Mesyuarat Logistik MK PMBTD bermula 20 hingga 21 Nov 2019.

Tujuan bengkel diadakan adalah bagi memenuhi aspirasi pucuk pimpinan dalam merealisasikan Direktif Pengurusan Sumber Manusia PMB TD dalam menempuh era globalisasi selain daripada pengukuhan pelan pembangunan modal insan PMB TD ke arah yang lebih baik dan sempurna.

Bengkel ini berkonsepkan Penerapan Kaunseling Dalam Perkhidmatan di mana pengenalan kepada ilmu kaunseling akan diterjemahkan kepada para Pegawai Kerja Kaunseling.

Penerapan konsep Rakan Pembimbing sebagai ejen penggerak kepada pelaksanaan budaya kerja cemerlang

juga akan dititik beratkan disamping dapat menggerakkan kepada usaha pembangunan modal insan dalam pengurusan sumber manusia yang lebih produktif.

Turut hadir Kol Tadbir MK PMBTD, Kol Hashim Osman sebagai perasmian pembukaan dan penutup bengkel. - LKpl Norirawati Abdul Wahab



Jabatan Akauntan Sibu Lawat Muzium RASCOM

Oleh: Sjn Donny Mike Andy
Gambar: Pbt Asyraf Abdullah

SARAWAK: Seramai 13 Staf dari Jabatan Akauntan Bahagian Sibu telah mengadakan lawatan ke muzium RASCOM Kem Batu 10, Sibu pada 17 Okt 2019.

Lawatan bermula dengan tayangan video penubuhan RASCOM dan diikut penerangan oleh PS 2 Risik mengenai serba sedikit sejarah penubuhan RASCOM dalam menghadapi ancaman penganas komunis.

Pelawat juga berpeluang melihat gambar senjata serta bom yang digunakan oleh komunis pada ketika itu.

Lawatan diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan acara bergambar.



Kem Tahunan Sukarela Rej 510 AW Tahun 2019

SARAWAK: Seramai 12 pegawai dan 115 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Pembukaan Latihan Kem Tahunan Sukarela Tahun 2019 Rejimen 510 Askar Wataniah bertempat di Padang Kawad Rej 510 AW pada 1 Okt 2019.

Pembukaan latihan disempurnakan oleh Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abdul Rahman A. Wahab dan beliau turut melakukan pemeriksaan barisan serta menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat anggota sukarela.

Latihan Kem Tahunan ini merupakan kemuncak kepada latihan sukarela yang dirancang untuk mengejuti dan menilai pegawai serta anggota sukarela hasil daripada latihan tempatan dan latihan berterusan yang telah dilaksanakan mulai bulan Feb hingga Ogos.

Pelbagai aktiviti serta latihan yang menarik telah dirancang seiring dengan objektif menguji dan menilai kefahaman dalam ilmu ketenteraan.

Selain daripada itu ianya juga adalah untuk mengukur pencapaian dan meningkatkan keyakinan dalam diri setiap anggota AW. - Lt Nurul Amira Abd Razak, Gambar: Pbt Saiful Madli



Seminar Pemandu Peringkat 1 Div

Oleh: Kapt Muhammad Afifi Azham Mohd
Gambar: Pbt Muhamad Nawawi Mujtabar

SARAWAK: Sel KP Mk 1 Div telah menganjurkan Seminar Pemandu Peringkat 1 Div bertempat di Dewan Serbaguna, Kem Muara Tuang pada 3 hingga 4 Okt 2019.

Seramai tujuh pegawai dan 53 peserta terdiri daripada pegawai dan anggota Trup 1 Div, 3 Bgd dan 10 RS, seminar dua hari ini diadakan bertujuan untuk memberi panduan dan peringatan kepada peserta berkenaan kepentingan keselamatan jalan raya, tata tertib dan tingkah laku dalam pemanduan serta meningkatkan keperihatinan

peserta terhadap keperluan pemanduan berhemah selain memberi ruang kepada peserta bertukar pendapat dan pengetahuan.

Seminar ini turut melibatkan wakil dari Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang hadir memberi taklimat mengenai



keselamatan dan penguatkuasaan trafik serta peraturan jalan raya.

Hasil validasi peserta terhadap seminar ini amat positif dan memberangsangkan, majlis penutup Seminar Pemandu ini telah disempurnakan oleh PS 1 Log Mk Div, Lt Kol Zahasimi Dahlan.

Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Zon Sarawak



SARAWAK: Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu telah menyempurnakan penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ATM Zon Sarawak bagi tahun 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Kem Muara Tuang pada 21 Okt 2019.

Seramai 13 orang penerima terdiri daripada anak-anak

pegawai dan anggota yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan menerima sijil dan cek sumbanan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Panglima 1 Div berkesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan juga ibu bapa, beliau mengharapkan agar inisiatif ini dapat memberikan suntikan semangat untuk terus cemerlang di masa hadapan.

Turut hadir Panglima 3 Bgd, Brig Jen Hj Mohd Isa Jaafar, wakil Komander Pangkalan Udara Kuching, Lt Kol Khir Allauddin Ahmad Basari (TUDM) dan Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan sekitar Kuching. - **Kapt Muhammad Afifi Azham Mohd, Gambar: Pbt Mohamad Nawawi Mujtabar**

Penutup FTX Siri 2/2019 dan HUT 3 Bgd Ke-60

Oleh: Pbt Muhammad Mujibur Rahman
Mohd Hosni

SARAWAK: Bn Ke-11 Rejimen Askar Melayu Diraja terlibat dalam Perbarisan Penutup Eksesais Satria Tangkas Siri 2/2019 dan Ucapan Perutusan Panglima 3 Bgd Sempena Hari Ulang Tahun 3 Bgd bertempat di kawasan Am Ladang Kelapa Sawit pada 25 Okt 2019.

Eksesais ini bermula dari 21 sehingga 25 Okt 19 bertujuan untuk melihat kemampuan dan kebolehan pasukan diuji iaitu 11 RAMD dalam melaksanakan operasi ofensif gerak mara dan bertindakbalas dalam senario yang dirancang mengikut Taktik, Teknik dan Prosedur (TTP) yang ditetapkan semasa di medan.

Dalam meraikan HUT 3 Bgd Ke-60, seramai dua pegawai dan 13 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) telah dinaikkan pangkat yang disempurnakan oleh Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar dan seterusnya menyampaikan amanat beliau dalam Ucapan Perutusan Panglima 3



Bgd sempena HUT 3 Bgd Ke 60.

Turut hadir, Ketua Staf MK 3 Bgd, Lt Kol Salleh Mohamad dan Pegawai Memerintah dan Pemerintah di bawah naungan 3 Bgd.

Ramah Mesra Pengarah Infantri Bersama Warga 6 RS

SARAWAK: Lembaga Kenaikan Pangkat Anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Infantri Siri 5/2019 telah dilaksanakan di Kem Junaco Park Sibu bermula pada 8 hingga 11 Nov 2019.

Batalion Keenam Rejimen Sempadan (6 RS) diperlengkungjawabkan sebagai pasukan penganjur LKP Siri 5/2019 dan seramai 19 anggota LLP telah ditemuduga oleh Pengarah Infantri, Brig Jen Datuk Hj Hamdan Hj Ismail pada sesi temuduga akhir pada 11 Nov 2019.



Majlis Ramah Mesra Warga 6 RS Bersama Pengarah Infantri diadakan sebagai penutup acara Lembaga Kenaikan Pangkat Anggota LLP Kor Infantri Siri 5/2019.

Majlis dimulakan dengan pemakaian pangkat Kapt Mohamad Jamal Kamarudin ke Pemangku Mejari oleh Pengarah Infantri, Brig Jen Datuk Hj Hamdan Hj Ismail, dan Panglima 31 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng.

Pegawai Memerintah 6 RS, Lt Kol Mohammad Fauzi Hj Abd Rahman, dalam ucapannya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan kepercayaan sepenuhnya untuk 6 RS menjadi penganjur LKP pada kali ini.

Ucap balas Pengarah Infantri, Brig Jen Datuk Hj Hamdan Hj Ismail, menasihatkan setiap lapisan pegawai dan anggota agar menjaga tingkah laku dan tidak terlibat dalam masalah disiplin demi menjaga nama dan imej Tentera Darat dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan LKP Siri 5/2019.

Majlis diakhiri dengan acara bergambar dan tandatangan Buku Lawatan 6 RS. - Lt Mohd Azly Saad, Gambar: Pbt Mohd Zaidi Sudhi

Bacaan Yasin dan Tahlil

9 Bgd Tahun 2020

Oleh: Lt Azlan Azmi
Gambar: Pbt Asyraf

SARAWAK: Seramai 500 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat 9 Bgd terlibat dalam Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil sempena Sambutan Tahun Baru 2020 pada 31 Dis 2019 di Masjid Al Mujahid.

Majlis dimulakan dengan solat maghrib secara berjemaah dan diikuti dengan solat hajat serta bacaan Yasin dan Tahlil.

Tujuan majlis dia-dakan bagi memohon doa dan munajat agar

MK 9 Bgd terus cemerlang pada tahun 2020, Selain itu, ianya juga bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan pegawai dan anggota.

Turut hadir Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abdul Rahman



A. Wahab, Ketua Staf MK 3 Bgd, Mohd Aklif Hj Abd Rajak serta Pegawai Memerintah dan Pemerintah dibawah naungan.

Forum Khidmat Nasihat Persaraan Anggota ATM

Oleh: Sjn Donny
Mike Andy
Gambar: Pbt Asyraf
bin Abdullah

SARAWAK: Seramai 170 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dibawah naungan 9 Bgd terlibat dengan Forum Khidmat Nasihat Persaraan Anggota ATM yang diadakan di Dewan RASCOM Kem Batu 10, Sibu pada 30 sehingga 31 Okt 2019.

Forum diadakan bagi memberi khidmat nasihat dan pendedahan awal kepada bakal-bakal pesara sebelum mereka menamatkan



perkhidmatan dalam ATM. Forum ini dilaksanakan dengan jalinan kerjasama daripada Jabatan Arah Rekod dan Pencen (JRP), Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Perbadanan Hal Ehwal Bekal Angkatan Tentera (PERHEBAT), Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Koperasi

Tentera, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Bank Muamalat.

Forum disempurnakan oleh Ketua Staf MK 9 Bgd, Lt Kol Aklif Hj Rajak

Lawatan Ulung Panglima 9 Bgd

SARAWAK: Pasukan 20 RAMD telah menerima Lawatan Ulung Panglima 9 Bgd Ke-24, Brig Jen Abdul Rahman A. Wahab di Kem Miri pada 3 Dis 2019.

Lawatan bermula dengan kawalan kuarter di Balai Pengawal dan Pemeriksaan Pengawal 20 RAMD yang disambut oleh Pegawai Memerintah 20 RAMD, Lt Kol Ahmad Nezam Che Ree.

Panglima 9 Bgd turut melawat Galeri 20 RAMD yang ditubuhkan Sempena Lawatan Panglima Angkatan Tentera yang dijangka pada 17 Dis 2019 dan Lawatan Ulung Panglima 9 Bgd diteruskan dengan penyampaian Taklimat Latihan oleh Mej Mohd Fuad Nazri, Penolong Pegawai Memerintah 20 RAMD bertempat di Bilik Gerakan 20 RAMD.

Semasa lawatan ini, Panglima 9 Bgd telah mengarahkan pasukan melaksanakan beberapa jenis ujian sejarah Tahun Latihan dan Penajaran bagi menguji tahap kecerdasan dan kesiapsiagaan Warga 20 RAMD seperti Ujian Kecergasan Asas (UKA), Ujian Kelayakan Kemahiran Individu (UKKI), Penyampaian Perintah Serangan dan Mara.

Lawatan juga turut melakukan Pemeriksaan Mengejut di Stor Senjata dan Platoon Logistik serta Beret Bujang Pasukan.

Seterusnya, Lawatan Ulung Panglima 9

Bgd diteruskan dengan Majlis Makan Tengahari bersama Warga 20 RAMD di Kompleks Sajian 20 RAMD. Panglima 9 Bgd dalam ucapan beliau menyeleru Warga 20 RAMD agar sentiasa memberikan komitmen yang terbaik bagi mencapai mutu sepertimana cogan kata 9 Bgd iaitu Tetap Unggul. Prestasi yang terbaik secara tidak langsung meningkatkan imej Tentera Darat amnya dan kepada Formasi 9 Bgd khasnya. - **Lt Muhamad Fakhrul Helmi Abdullah,** Gambar: Kpl Muhammad Firdaus Mohd Isnin



Pembukaan PATKOR Siri 2/2019 Tingkat Kerjasama Dua Negara

SARAWAK: PATKOR siri 2/2019 merupakan salah satu dari rancangan rondaan bersama yang dilaksanakan oleh Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD) dan Komando Resor Militer/Aji Suraya Natakesuma atau Korem 091/ASN di bawah kerjasama bilatera Malaysia/Indonesia (MALINDO) yang dianjurkan oleh agensi Tim Perancang Operasi Darat (TPOD) dan *Coordinated Operation Control Committee* (COCC) di Sibu, ianya dilaksanakan sebanyak dua kali dalam setahun.

PATKOR melibatkan pasukan yang sedang beroperasi di persempadan pada ketika ini melibatkan 3 RAMD dan

juga KOREM 091/ASN yang dianggotai oleh dua pegawai dan 43 Lain-Lain Pangkat dari kedua-dua pasukan.

Rondaan PATKOR dimulakan di Pos Long Bawan dan berakhir di Pos Ba' Kelalan merangkumi 40 pemeriksaan batu sempadan dengan jarak lebih kurang 18 KM.

Rondaan bersama ini memakan masa selama tiga hari dan Upacara Penutup dilaksanakan di Pos Ba' Kelalan pada 30 Nov 2019.

PATKOR ini dilaksanakan atas sebab wujudnya aktiviti lintas batas yang melanggar undang-undang di kedua belah perbatasan negara, antaranya aktiviti penyeludupan barang terkawal, pembalakan haram, kemasukan pendatang tanpa izin dan lain-lain aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Acara Pembukaan PATKOR Siri 2/2019 telah disempurnakan oleh Ketua Staf 9 Bgd, Lt Kol Aklif Hj Abd Rajak dan disaksikan oleh Komandan Batalion Infantri Raider (DANYONIF) 600/Modang, Lt Kol Inf Roland Wahyudi.

Turut hadir PS II GERAJ Mej Ahmad Fauzi Johari PS 2 Gerak, Kem Komandan dan Pegawai 9 Bgd serta 3 RAMD. - **Sjn Donny Mike Andy Chendang, Asndy ak Chendang**



Program Memperingati Pengorbanan Pahlawan Negara

Oleh: Lt Dzulfikar Dasuki

Gambar: LKpl Muhammad Faisal Zaini

KEDAH: Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja (2 RAMD) telah terlibat sebagai Pasukan jemputan ke Program Memperingati Pengorbanan Pahlawan Negara pada 5 Okt 2019.

Seramai seorang pegawai dan 12 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) serta anggota-anggota Veteran Angkatan Tentera Malaysia sekitar kawasan utara semenanjung terlibat dalam program tersebut.

Program ini bertujuan untuk memperingati Pahlawan Negara iaitu Allahyarham Mej Zainal Abidin Hj Yaacob (5451) bersempena dengan Sambutan Hari Pahlawan 2019.

Allahyarham daripada pasukan 3 RAMD yang telah terkorban pada tahun 1963 di Kalabakan, Sabah setelah diserang hendap oleh tentera Indonesia di Pos Kawalan semasa konfrantasi Malaysia/Indonesia yang mana waris Allahyarham kini menetap di Selama, Perak.

Acara dimulakan dengan majlis tahlil ringkas dan sumbangan kepada ahli keluarga Allahyarham daripada pihak Persatuan Veteran ATM.

Seterusnya acara memasang plate menzahirkan Kepahlawanan di kubur Allahyarham sebagai tanda memperingati sumbangan dan pengorbanannya terhadap negara dan diakhiri dengan jamuan makan.



Program disempurnakan oleh Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Kapt Datuk Sharuddin Hj Omar (B) yang mana beliau mengharapkan program seperti ini dapat terus dilaksanakan bagi menghargai pengorbanan para pahlawan negara yang telah berjuang sehingga titisan darah terakhir.

Selain itu juga, generasi akan datang dapat mengenal bahawa di tempat yang mereka duduki adalah tempat lahirnya seorang pahlawan negara serta memupuk semangat cintakan negara dalam setiap diri masing-masing.

Hari Keselamatan Peringkat 8 Bgd

KELANTAN: Seramai 46 pegawai dan 583 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di bawah naungan 8 Bgd terlibat dalam Hari Keselamatan Peringkat 8 Bgd bagi Tahun 2019 dirasmikan Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Muhammad Huzaimi Sabri di Dewan Sri Pahlawan, Kem Desa Pahlawan pada 9 Okt 2019.

Program ini merupakan inisiatif berterusan MK 8 Bgd bagi mempertingkatkan kesedaran dalam aspek keselamatan kepada semua warganya.



Objektif utama program ini adalah memberi penekanan dalam bentuk syarahan dan dialog berkenaan isu-isu penting seperti Kesan Penyalahgunaan Dadah, Jenayah Judi Siber dan Keselamatan Jalan Raya.

Syarahan telah disampaikan oleh wakil dari agensi luar yang dijemput bagi memenuhi pengisian program ini wakil PDRM dari IPK Kelantan melibatkan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dan ceramah berkaitan

Keselamatan Jalan Raya oleh wakil daripada JKJR Negeri Kelantan, Hanazaine Hanafi.

Dalam ucapan Panglima 8 Bgd, beliau mengingatkan kepada semua warga 8 Bgd yang hadir agar sentiasa mengutamakan keselamatan tidak kira semasa berada di kawasan kem maupun semasa berada di tempat awam.

Selain itu, warga tentera juga seharusnya tidak mudah terjebak dengan gejala negatif terutamanya dadah kerana mana-mana warga tentera yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah akan diberhentikan daripada perkhidmatan yang akan merugikan anggota itu sendiri.

Sebagai tanda penghargaan, Panglima 8 Bgd telah menyampaikan cendera kenangan kepada penceramah jemputan.

Turut hadir Pegawai Memerintah serta Pemerintah unit di bawah naungan 8 Bgd. - Lt Muhammad Suhail Shahimi, Gambar: Sel Risik 8 Bgd

Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Raja Perlis Ke-76

Oleh: Lt M Muhamad Khairunizam Jamil@Jamil
Gambar: Pbt Mohamad Sufri Suleiman

PERLIS: Rejimen 504 Askar Wataniah (AW) terlibat secara langsung dalam Acara Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Negeri Perlis Ke-76 di Istana Arau pada 12 Okt 2019.

Antara acara yang berlangsung pada hari tersebut adalah Istiadat Kawalan Kehormatan Utama dari pasukan Batalion Kelima Rejimen Renjer Diraja (5 RRD), Istiadat Sembah ucapan tahniah serta taat setia, Penganugerahan Darjah Kebesaran, Majlis Santapan Tengahari dan Majlis Santapan Negeri.

Istiadat ini dihadiri oleh pegawai kanan TD antaranya Pengurus Kor RRD, Mej Jen Dato' Md Din Abu yang menerima Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DPSJ), Pengurus Kor KPTD, Brig Jen Dato' Mislan Anuar yang dianugerahkan Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalulail (DPSJ) dan beberapa pegawai kanan yang lain.



Turut hadir AKS Cawangan Operasi dan Latihan MKTD, Mej Jen Dato' Anwar Abdullah, Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Panglima 6 Bgd, Brig Jen Dato' Haji Mohd Halim Khalid, Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hassan Embong dan Timbalan Komander 504 AW, Lt Kol Mohamad Zaidi Ishak.

KKS Sempena Lawatan Rasmi PM Fiji

PULAU PINANG: Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja (2 RAMD) telah melaksanakan Kawalan Kehormatan Setempat (KKS) bagi menyambut ketibaan Perdana Menteri Fiji, TYT Josaia Voreqe Bainimarama bertempat di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas pada 14 Okt 2019.

Kawalan terdiri daripada dua pegawai serta 26 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Gembala Harimau Malaya Ke-38, Lt Kol Ahmad Muzaimi Hj Mohd Ali turut menyaksikan KKS ini di samping turut memberi nasihat dan kata-kata semangat sebelum perbarisan. - Sel Risik Pasukan



Lembaga Kenaikan Pangkat LLP Kor Inf



KEDAH: Seramai 128 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Lembaga Kenaikan Pangkat LLP Kor Inf bagi Siri 4/2019 yang julung kali diadakan di 6 RAMD bermula 12 hingga 16 Okt 2019.

Lembaga Kenaikan Pangkat ini diadakan bagi memilih bakal PTT Kanan yang berketrampilan untuk mengisi kekosongan di Batalion Inf.

Lembaga tersebut dimulakan dengan pemeriksaan dokumen yang diadakan di Dewan Makan Pasukan dan seterusnya, semua calon melaksanakan UKA dan UKKI bagi membolehkan mereka layak untuk temuduga akhir.

Sesi temuduga akhir telah dipengerusikan oleh Pengarah Inf, Brig Jen Datuk Hamdan Hj Ismail dan ahli-ahli panel yang terdiri daripada Pegawai Memerintah 6 RAMD, Pegawai Staf dan SMR 6 RAMD. - Sel Risik 6 RAMD

Sembah Mengadap Kepada DYMM Raja Perlis

Oleh: Lt M Muhamad Khairunizam Jamal@Jamil Rej 504 AW

Gambar: Pbt Mohamad Sufri Suleiman Rej 504 AW

PERLIS: Panglima 6 Bgd, Brig Jen Dato' Hj Halim Khalid, Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hassan Embong dan Timbalan Komander Rej 504 AW, Lt Kol Mohamad Zaidi Ishak telah diperkenan mengadap DYMM Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail di Istana Arau pada 16 Okt 2019.

Acara sembah mengadap ini merupakan acara perkenalan kepada pegawai kanan pasukan beruniform yang bertugas dan memerintah di Negeri Perlis.

Beberapa perkara berkaitan keselamatan negeri dan serantau yang dibincang serta dikongsi bersama oleh



DYMM Tuanku Raja Perlis, acara diakhiri dengan sembah cendera kenangan sebelum jamuan santapan tengahari.

Turut hadir, Ketua Polis Perlis, SAC Datuk Surina Saad.

Program Perisai Diri TD Peringkat 2 Div Tahun 2019

PULAU PINANG: Seramai 40 peserta telah menyertai Program Perisai Diri TD Peringkat 2 Div yang diadakan di Surau Ar-Rahman, 2 Rej KPTD pada 14 hingga 18 Okt 2019.

Objektif program ini ialah untuk membina ketahanan

dan jati diri tinggi dalam kalangan warga TD dari sudut fizikal, emosi, mental dan rohani yang mana Program ini dijalankan untuk anggota-anggota dibawah naungan 2 Div

Selain itu, objektifnya adalah untuk membolehkan anggota mengamalkan gaya hidup sihat dan bertingkah laku

positif serta mengamalkan nilai-nilai murni.

Dalam zaman yang penuh cabaran hari ini, modal insan yang seimbang daripada aspek kebijaksanaan minda dan keperibadian mulia berupaya membawa organisasi tentera ke tahap yang lebih baik.

Pihak PASDAM dari Jabatanarah KAGAT dan Sel Kaunseling TD bertindak sebagai penceramah pada program tersebut.

Ketua Staf 2 Div, Kol Hj Abdul Jalal Zaidi Abdul Majid telah merasmikan penutup program tersebut. - Kapt Nurul Syafiqa Mansor, Gambar: Kpl Md Shukor Md Soleh



2 Div Laksana UJL 15 Km

Oleh: Mej Mohd Said Adam Mohamed Said
Gambar: Pbt Mohd Nor Izham Shalahuddin

PULAU PINANG: Seramai 213 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) MK dan Kem 2 Div terlibat dalam Ujian Jalan Laju (UJL) sejauh 15 km di sekitar kawasan Balik Pulau pada 4 dan 11 Okt 2019.

Perlaksanaan UJL ini adalah untuk melatih dan mempraktikkan kemahiran asas ketenteraan dan mematuhi arahan latihan yang telah dikeluarkan oleh TD.

Tim wasit dari 2 Rej KPTD telah dipertanggungjawabkan agar setiap sendiket dapat mengikuti laluan yang ditetapkan berdasarkan masa yang ditetapkan.

Selain itu, ianya juga adalah untuk melatih semua pegawai dan anggota agar bekerjasama dalam satu kumpulan di samping menguji ketahanan mental serta fizikal anggota yang terlibat.



Turut hadir Ketua Staf MK 2 Div, Kol Hj Ahmad Jalal Zaidi Hj Abdul Majid.

Pemeriksaan Audit Fizikal AIMS Oleh BADSA



PULAU PINANG: Badan Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA) telah melaksanakan Pemeriksaan Fizikal Audit Accountability Index Monitoring Systems (AIMS) di MK dan Kem 2 Div, Kem Tun Razak pada 7 hingga 11 Okt 2019.

Seramai enam orang pemeriksa diketuai oleh Kdr Ayuwati Suraya Abu Bakar TLDM telah membuat pemeriksaan fizikal dokumen berkaitan pengurusan kewangan PTJ 2 Div bagi memastikan PTJ mematuhi tatacara dan peraturan.

Terdapat tujuh elemen pengurusan kewangan yang ditetapkan meliputi iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit, serta Pengurusan Aset dan Stor. - Kapt Mohd Azmil Basir, Gambar: Sel PR 2 Div

6 Bgd Raikan Anggota Cedera Sempena Hari ATM Ke-86

KEDAH: Seramai 72 anggota cedera terdiri dari tujuh yang masih berkhidmat dan 65 orang telah bersara dari perkhidmatan diraikan dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Pegawai dan Anggota Cedera Peringkat 6 Bgd yang disempurnakan oleh Panglima Briged Keenam Infantri Malaysia, Brig Jen Dato' Hj Mohd Halim Khalid di Dewan Serbaguna, Kem Lapangan Terbang pada 20 Okt 2019.

Majlis ini juga bertujuan bagi mengenang jasa dan pengorbanan mereka sepanjang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Turut hadir, Ketua Staf 6 Bgd, PS 1 BPA-Sel Kebajikan, Pengarah JHEV serta Para Pemerintah pasukan di bawah naungan 6 Bgd. - Cwg Risik MK 6 Bgd



Latihan Kem Tahunan Sukarela Rejimen 504 AW

Oleh: Kapt Sharifah jaafar

Gambar: Kpl Mohd Razman Shahir Ramli

PERLIS: Rej 504 Askar Wataniah (AW) telah melaksanakan Latihan Kem Tahunan Sukarela tahun 2019 dengan berkekutan lima peg dan 45 anggota Lain- Lain Pangkat (LLP) bertempat di Kem Bukit Ketri. Latihan ini bermula pada 11 hingga 25 Okt 19 dan telah dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa Kem dan fasa Medan.

Latihan fasa Kem yang diadakan meliputi Latihan Jasmani, UKKI, UJL 5KM, Kawad, Keyakinan Diri(*Abseiling*) Kelas dan Lawatan ke 6 RAJD, manakala Latihan Medan diadakan di kawasan am Sintok, Kedah yang berkonsepkan operasi hutan.

Turut diadakan Latihan Menembak Klasifikasi bagi memberi pendedahan dan latihan kepada anggota sukarela dalam penggunaan senjata api dan latihan ini dilaksanakan di Lapangsasar Bukit Pinang, Alor Setar, Kedah.

Latihan Kem Tahunan ini merupakan kemuncak latihan kepada anggota sukarela bagi mengukur dan menguji kefahaman ilmu ketenteraan kepada peg dan anggota



sepanjang Latihan Tempatan yang telah dilaksanakan bermula dari bulan Feb sehingga Sep 2019.

Latihan Kem Tahunan ini diakhiri dengan Majlis Makan Malam yang diturut dihadiri oleh Pengurus JAKPAW Negeri Perlis.

Stadium Astaka 6 RAMD Bergema Kembali

KEDAH: Setelah hampir 10 tahun menyepi, kini Kelab Astaka bergema kembali yang mana semenjak 6 RAMD dipindahkan dari Kem Bukit Pinang ke Kem Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kelab Astaka tidak dapat diwujudkan oleh kerana tidak mempunyai bangunan khas untuk kelab tersebut.

Namun, melalui mesyuarat kebajikan pasukan,

cadangan untuk mewujudkan kembali kelab ini telah diusul dan dipersetujui agar ianya menggunakan peruntukan KSSKA pasukan.

Perlaksanaan penyusunan semula bangunan-bangunan teknikal di kem ini telah dilaksanakan bagi memenuhi hasrat penubuhan kelab tersebut.

Penubuhan Kelab Astaka ini merupakan platform bagi meningkatkan kepimpinan dan semangat setia kawan di kalangan ahli kelab.

Ianya juga adalah untuk membolehkan semua ahli melakukan aktiviti di kelab tersebut berbanding aktiviti di luar Kem, antara kemudahan yang disediakan di kelab ini ialah Smart Tv, Sistem Karaoke dan permainan Playstation.

Ianya diharap dapat menjadikan sebuah kelab yang mempunyai fasiliti asas yang moden, selari dengan jiwa generasi muda yang lebih tech-savvy.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah dengan acara menonton perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia antara Kedah dan Johor Darul Takzim. - Sel Risik 6 RAMD



Taklimat SKAW dan Eks PERBAH Tahun 2020



Oleh: Kapt Mohd Hapizi Mohd Ali
Gambar: Pbt Mohamad Sufri Suleiman.

PERLIS: DYT M Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail selaku

504 AW pada pertengahan tahun 2020.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Kerajaan Negeri Perlis, Ahmad Zakaria serta wakil dari Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Dato' Zul Aznam Haron dan Kapt Muhammad Azuan Mohamad Nasir.

Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Zon Utara 2019

PULAU PINANG: Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad telah menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan (AKP), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 2019 Zon Utara bertempat di Dewan Auditorium Markas Staf Stesen Pulau Pinang pada 25 Okt 2019.

Majlis penyampaian AKP diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada anak-anak ATM yang telah mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang akademik di peringkat PT3, SPM dan IPTA.

"Bagi Zon Utara, seramai sembilan pelajar cemerlang dalam IPTA, 12 pelajar cemerlang dalam SPM dan 31 pelajar cemerlang dalam PT3 menjadikan jumlah keseluruhan 52 pelajar menerima insentif yang disediakan.

"Saya percaya insentif ini di samping insentif-insentif lain yang disediakan oleh ATM telah menjadi salah satu faktor pendorong kepada pencapaian cemerlang akademik anak-anak warga tentera", jelas Panglima 2 Div.

Pelajar menerima sumbangan mengikut kategori iaitu IPTA sebanyak RM1,000.00 dan SPM sebanyak RM1,500.00 manakala PT3 sebanyak RM800.00.

Objektif program adalah untuk memberi kesedaran kepada para

pelajar bahawa mereka berpotensi menjadi individu, pelajar dan pemimpin yang cemerlang di samping melahirkan generasi anak-anak warga tentera yang sentiasa mementingkan penambahbaikan yang berterusan dalam mengejar ilmu dan akan berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Hasrat ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan the caring and closely-knit society. - **Kpl Md Shukor Md Soleh, Gambar: Pbt Mohd Nor Izham Shalahudin**



Pemakaian Pangkat Anggota Cawangan Kesihatan dan Pergigian MK 3 Div

Oleh: Cwg Kesihatan dan Pergigian MK 3 Div

MELAKA: Seramai dua anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Cawangan Kesihatan dan Pergigian Markas Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (MK 3 Div) dinaikkan pangkat pada 2 Okt 2019.

Majlis pemakaian pangkat telah disempurnakan oleh Penolong Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan (PKPPK), Kol (Dr) Mohd Arshil Moideen.

Kedua-dua anggota tersebut dari Kor Pekhidmatan Am Kerani dan LKpl Mohamad Rizal Johari, bertugas sebagai Kerani Sel Kesihatan dan LKpl Haslinda Zakaria, Kerani Sel Pergigian, dinaikkan ke pangkat Kpl.

Majlis tersebut yang diadakan sempena perjumpaan mingguan staf Cawangan Kesihatan dan Pergigian MK 3 Div, telah diadakan di pejabat PKPPK.

PKPPK dalam ucapannya turut merakamkan ucapan tahniah kepada anggota yang telah dinaikkan pangkat dan beliau berharap agar anggota Cawangan Kesihatan dan Pergigian akan sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam perkhidmatan dan perlu melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.



MMR 1 Bgd Raikan Panglima 1 Bgd

NEGERI SEMBILAN: Seramai 44 pegawai dan pasangan termasuk 1Bgd terlibat dalam Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) 1 Bgd di Wisma Perwira 1 Bgd pada 4 Okt 2019.

Majlis yang penuh dengan istiadat ketenteraan ini diadakan bagi meraikan Brig Jen Mohd Nazri Abd Rahman, yang telah mengambil alih tampuk pemerintahan 1 Bgd.

Majlis ini juga diadakan untuk meraikan mantan Panglima 1 Brig iaitu Brig Jen Loh Kooi Leong yang akan menamatkan perkhidmatan serta Pegawai-pegawai

Memerintah dan Pemerintah yang bertukar masuk dan bertukar keluar.

Panglima 1 Bgd dalam ucapannya telah menyeru seluruh ketumbukan di bawah naungan 1 Bgd untuk sama-sama menyemarakkan serta mewarnai organisasi TD dengan perkara penting yang membezakan tentera dan masyarakat awam iaitu ketertiban, kekemasan, disiplin serta keseragaman dengan melaksanakan Majlis Makan Malam Rejimental.

Beliau juga menegaskan bahawa kepentingan Sistem Pemerintahan Rejimental adalah kepatuhan kepada peraturan dan adat resam tentera yang menjadi kunci kejayaan di peringkat pasukan mahupun formasi.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa majlis tersebut diadakan di Wisma Perwira bagi membolehkan pegawai-pegawai muda khususnya mendapat pengalaman dalam menganjurkan Majlis Makan Malam Rejimental.

Di penghujung acara, majlis telah dihiburkan oleh pegawai-pegawai serta Pengerusi-pengerusi BAKAT 1 Bgd.- **Cwg Risik Mk 1 Bgd.**



Perbarisan TK 514 RAW

Oleh: Rej 514 AW

MELAKA: Seramai Lapan pegawai dan 85 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Rejimen 514 Askar Wataniah Kem Bukit Beruang terlibat dalam Perbarisan Timbalan Komander pada 8 Okt 2019 bertempat di Padang Kawad Rejimen 514 AW.

Perbarisan ini yang juga merupakan aktiviti rejimental pasukan bersempena genap setahun Timbalan Komander menerajui Rejimen 514 AW, perbarisan diketuai oleh Ketua Cawangan Tadbir, Lt Kol Jamaluddin Mahamood.

Majlis yang diadakan pada kali ini adalah untuk meraikan pucuk pimpinan iaitu Timbalan Komander Rejimen 514 AW, Lt Kol Zam Azhari Zainudin bersama Pengerusi Bakat Puan Roslina binti Razali.

Dalam ucapan beliau, beliau menzahirkan rasa bangga dan berterima kasih kepada seluruh warga rejimen yang telah banyak membantu dan memberi kerjasama kepada seluruh aktiviti rejimen samada daripada anggota tetap maupun anggota sukarela.

Beliau turut mengingatkan kepada semua warga rejimen agar sentiasa menjaga tatatertib dan disiplin demi menjaga nama baik pasukan.

Majlis disusuli dengan acara Pemakaian Pangkat Anggota AW sepenuh masa dari Prebet ke Lans Koperal berkekuatan seramai 28 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP)




yang telah disempurnakan oleh Timbalan Komander.

Dalam pada itu, beliau mengucapkan tahniah kepada anggota yang baru dinaikkan pangkat dan mengingatkan kepada anggota bahawa pangkat yang diberikan datang bersama tanggungjawab dan amanah yang harus dipikul.

Eks CAMAR PERDANA Uji Keupayaan Pasukan 7 SSB

JOHOR: Seramai seorang pegawai dan 95 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Skuadron Semboyan Briged Ketujuh Infanteri (7 SSB) terlibat dalam Eksesais CAMAR PERDANA Siri 3/2019 di Batu Pahat bermula 7 hingga 11 Okt 2019.

Eks ini merupakan sebahagian dari *Army Training Evaluation Programme* (ARTEP), diketuai oleh Ketua Skn



7 SSB, Lt Kol Musa Karsimin, selaku Tim Pelaku manakala Pegawai Memerintah 3 RSD, Kol Nik Nahar Nik Mohd Isa mengetuai Tim Pengendali dan Penilai.

Objektif utama eks ini adalah untuk menguji tahap kompetensi setiap pegawai dan anggota LLP pasukan 7 SSB dalam pelaksanaan tugas dan atur gerak RSD di medan tempur.

Selain itu, ia juga bertujuan menguji keupayaan anggota dalam menggunakan peralatan CNR 10 dan Sistem Komunikasi *Satellite X-Band* di mana eks ini turut sama menjadi medan menguji tahap penggunaan *Multi Channel Radio System* (MCRS) dari 3 RSD.

Manakala konsep eks pada kali ini adalah berkaitan atur gerak 7 SSB dalam menyediakan keperluan komunikasi kepada formasi 7 Bgd di dalam 4 fasa peperangan.

Eks ini juga diadakan untuk mendukung direktif Panglima Tentera Darat yang menjadikan tahun 2019/2020 sebagai Tahun Latihan dan Penajaran.

Turut hadir Pengarah Semboyan MK PMBTD, Kol Hj Abdul Kadir Hj Mohd Ali selaku Pengarah Eks. - **Sjn Zaimi Jaheni**

Program Kepimpinan Membasmi Dadah dan Racun Peringkat Zon Selatan

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak
Gambar: Pbt Noratirah Abu Seman

MELAKA: Seramai 35 pegawai dan 80 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Majlis Penutup Program Kepimpinan Berkesan Membasmi Dadah dan Racun Peringkat Zon Selatan yang disempurnakan oleh Ketua Staf Markas 3 Div, Kol Abdul Karim Ahmad di Dewan Serbaguna Kem Terendak pada 17 Okt 2019.

Program tersebut menghimpunkan wakil pasukan dari seluruh unit di Zon Selatan, dengan objektifnya adalah untuk memberikan penerangan dan pendedahan berkenaan usaha-usaha pencegahan dan kaedah-kaedah mengatasi permasalahan penyalahgunaan dadah dan racun.

Antara pengisian program adalah sesi ceramah berkaitan dadah yang disampaikan oleh pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Melaka Tengah, Amin Fithri Hj Adnan.

Turut dibentangkan berkaitan permasalahan dadah



di dalam Tentera Darat yang disampaikan oleh pegawai dari Cawangan Siasatan Jenayah Zon Tengah, Mej Mohd Syafian Sahrudin.

Turut hadir, Pegawai Staf 1 Tadbir Markas 3 Div, Lt Kol Taufan Dato' Paduka Hj Ghazali.

Eks RODA RHINO 2019 Uji Keupayaan Pasukan 73 Bn KPD

NEGERI SEMBILAN: Seramai lima pegawai dan 110 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) 73 Batalion Kor Perkhidmatan Diraja (73 Bn KPD) terlibat dalam Eks RODA RHINO yang diketuai Pegawai Memerintah 73 Bn KPD, Lt Kol Kamaruddin Dollah di Kem Syed Sirajuddin mulai 8 sehingga 22 Okt 2019.

Eks ini menetapkan objektif utamanya bertujuan untuk menguji tahap keupayaan pasukan 73 Bn KPD dalam perlaksanaan tugas dan atur gerak KPD di medan operasi.

Selain itu, eks ini juga merupakan medan terbaik untuk menguji tahap kompetensi setiap pegawai dan anggota LLP yang terlibat.

Eks ini juga diadakan untuk mendukung Direktif Panglima Tentera Darat yang telah menetapkan tahun

2019/2020 sebagai Tahun Latihan dan Penajaran, eks dibahagikan kepada dua fasa iaitu Fasa *Command Post Exercise* (CPX) dan *Fasa Field Training Exercise* (FTX).

Di dalam fasa CPX, Ketua Platon dan Pegawai Tidak Tauliah Rendah (PTTR) telah diuji dalam perancangan operasi, penyampaian arahan dan taklimat cara perlaksanaan operasi KPD.

Manakala di dalam fasa FTX yang dilaksanakan di kawasan lapang sasar dan tapak meriam Kem Asahan, Pekan Gemas dan kawasan Empangan Jus, Selandar pula, pegawai dan anggota pasukan telah diuji dengan beberapa siri latihan antaranya Menduduki Pangkalan, Titik Turun Naik Kenderaan, Titik Pengagihan dan Zon Pengguguran.

Kesemua pegawai dan anggota dari ketiga-tiga tred kepakaran bersama kenderaan khusus telah terlibat mengikut peranan dan tugas masing-masing di sepanjang latihan ini.

Semangat dan komitmen yang dipamerkan oleh pegawai dan anggota KPD semasa melaksanakan latihan menunjukkan barisan anggota KPD sentiasa bersedia untuk diatur gerak bagi menyediakan bantuan logistik kepada barisan hadapan yang menghadapi ancaman musuh di kawasan pertempuran. - Lt Muhd Ridzuan Ali Khan



Eks PHOENIX Beri Pendedahan Aset Terkini

Oleh: Mej Ruslan Abdul Rahman

MELAKA: Seramai 20 pegawai berpangkat Lt Kol dan Mej Rejimen Semboyan Divisyen Ketiga Infantri (3 RSD) terlibat dalam Eks PHOENIX bertempat di Kem Terendak mulai 15 hingga 17 Okt 2019.

Eks yang berkoncepkan Hari Pengajian Pegawai, memberikan penumpuan khusus kepada aset terkini yang dimiliki oleh RSD iaitu *Multi Channel Radio System* (MCRS).

Di dalam eks ini juga, para peserta turut didedahkan dengan keupayaan MCRS untuk menyediakan komunikasi taktikal serta melaksanakan aturgerak Detasmen MCRS ketika di dalam operasi.

Sebagai maklumat, MCRS merupakan aset terkini yang dipertingkatkan daripada Sistem Komunikasi *Radio Relay* yang telah digunakan sekian lama.

Sistem terbaru ini mampu menyediakan data dan suara berkapsiti tinggi dan juga berupaya untuk diintegrasikan



dengan sistem komunikasi yang lain, MCRS telah memasuki inventori Tentera Darat sejak tahun 2018.

Turut hadir, Pengarah Semboyan MK Pemerintahan Medan Barat TD, Kol Hj Abdul Kadir Hj Mohd Ali dan Pegawai Memerintah 3 RSD, Kol Nik Nahar Nik Mohd Isa.

4 Wksp Bgd Mek Terima Pegawai Pemerintah Baharu

PAHANG: Seramai enam pegawai dan 90 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Pemerintah 4 Wksp Bgd (Mek) bertempat di Padang Kawad Pasukan pada 20 Sep 2019.

Serah terima tugas Pegawai Pemerintah tersebut adalah diantara Mej Izuan Moohamed Kassim yang menyerahkan tugas dan tanggungjawab kepada Mej Hj Muhammad Kamil Rauf selaku Pegawai Pemerintah 4 Wksp Bgd (Mek) yang baharu.

Upacara diteruskan dengan kedua-dua pegawai menandatangani Nota Serah Terima Tugas Pegawai Pemerintah dan Penyerahan Tongkat Kuasa dilaksanakan antara Pegawai Pemerintah yang lama dengan Pegawai Pemerintah yang baharu disaksikan oleh Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Zaidan bin Atan.



Pada masa sama turut diadakan majlis pemakaian pangkat anggota Lain-Lain Pangkat disempurnakan oleh Panglima 4 Bgd (Mek).

Beliau turut menzahirkan rasa bangga diatas pencapaian yang cemerlang dan mengharapkan agar anggota yang telah diberikan pangkat ini sentiasa menjaga tahap kecerdasan dan meningkatkan diri di dalam apa jua kursus serta menjadi contoh kepada semua peringkat anggota.

Selain itu turut di adakan Majlis Serah Terima Tugas Pengurus BAKAT pasukan di antara Umi Kalsom Mohd Said dengan Hjh Siti Nurwani Ahmad Ridzuan bertempat di Bilik Mesyuarat pasukan.

Dalam ucapan Mantan Pegawai Pemerintah, beliau juga menyeru semua pegawai dan anggota dari pasukan ini dapat menyempurnakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin agar 4 Wksp Bgd (Mek) sentiasa unggul, berwibawa, efisien dan sentiasa siap siaga di dalam memberi bantuan kepada lain-lain pasukan.

Tambahnya lagi, beliau berharap agar warga pasukan dapat memberikan kerjasama dan komitmen yang baik kepada pemerintahan yang baharu serta mengingatkan warga pasukan supaya menjauhkan diri dari segala perlakuan yang bertentangan dengan kehendak perkhidmatan.

Turut hadir KS Am MK 4 Bgd (Mek), Lt Kol Ridzwan Abdul Majid. - Sjn Gunantharan Baskaran, Gambar : 4 Bgd (Mek)

Panglima 4 Bgd (Mek) Lawat 4 Komp KPTD dan 4 Wksp Bgd

Oleh : SSjn Kamarul Rizan Jaafar

PAHANG: Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Zaidan Atan melakukan Lawatan Ulung ke Pasukan 4 Komp KPTD (Mek) dan 4 Wksp Bgd (Mek) di Kem Batu 10, Kuantan pada 11 Okt 2019.

Lawatan rasmi ini sempena pengambilan jawatan Panglima 4 Bgd (Mek) yang baharu pada 1 Sep 2019, semasa lawatan ke dua-dua pasukan tersebut Panglima telah ditaklimatkan berkenaan G, A dan Q oleh tiap2 pasukan lalu diakhiri dengan jamuan makan bersama warga pasukan.

Dalam ucapan Panglima 4 Bgd (Mek), beliau memberikan amanat berkenaan hala tuju 4 Bgd (Mek), perjalanan latihan dan penglibatan operasi pasukan kepada semua anggota disamping menyarankan setiap anggota untuk menjaga keluarga masing-masing dan hubungan sesama manusia, beliau juga turut menasihatkan kepada anggota supaya menjauhi aktiviti yang tidak sihat seperti dadah



dan perjudian.

Lawatan Ulung Panglima 4 Bgd (Mek) ini menjadi perasanang untuk pasukan 4 Komp KPTD (Mek) dan 4 Wksp (Mek) terus cemerlang.

Serah Terima Tugas Peg Mem 6 RRD

JOHOR: Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Batalion Keenam Rejimen Renjer Diraja (6 RRD) telah diadakan di Padang Kawad Kem Ulu Tiram pada 26 Okt 2019.

Upacara tersebut yang disaksikan oleh Panglima 7 Briged, Brig Jen Dato' Hj Zawawi Hj Adam, menyaksikan Lt Kol Saiful Fitri Hj Mat Rashid menyerahkan tugas kepada Lt Kol Mohamad Fairus Hj Md Salleh.

Lt Kol Saiful Fitri Hj Mat Rashid sedang menjalani rawatan susulan akibat komplikasi penyakit yang menimpa beliau manakala Lt Kol Mohamad Fairus Hj Md Salleh bertukar masuk dari Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA).

Hadir sama ke majlis tersebut adalah Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan di bawah naungan 7 Bgd. - Lt Amir Aiman Zakaria



Latihan Kebakaran Warga 15 RAMD



NEGERI SEMBILAN: Seramai 12 pegawai dan 155 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Batalion Ke 15 Rejimen Askar Melayu Diraja (15 RAMD) mengambil bahagian di dalam Latihan Kebakaran Tahunan pada 7 Nov 2019.

Latihan ini yang diselia oleh Pegawai Api Pasukan, Lt Mohamad Amirul Syafiq Saharani, dianjurkan dengan kerjasama daripada Balai Bomba dan Penyelamat Senawang.

Pelaksanaan latihan kebakaran ini bertujuan memberikan pendedahan kepada semua peringkat pegawai dan anggota berkaitan langkah-langkah yang perlu dilakukan ketika kebakaran.

Antara pengisian latihan kali ini selain daripada Ceramah Keselamatan Kebakaran, warga 15 RAMD turut sama menyaksikan demonstrasi penggunaan Alat Pemadam Api Kecil (APAK), dan juga demonstrasi penggunaan peralatan & jentera Turntable Ladder (TTL) Iveco Magirus milik Balai BOMBA & Penyelamat Senawang.

Para anggota juga menjalani praktikal memadam kebakaran kecil. - Sel Risik 15 RAMD

4 Bgd Mek Menzahirkan Penghargaan Kepada Veteran

Oleh: SSjn Kamarul Rizan Jaafar

PAHANG: Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Zaidan Atan telah menyempurnakan Majlis Ramah Mesra Bersama Pesara dan Anggota Cedera Sempena Hari ATM Ke-86 Peringkat 4 Bgd (Mek) di perkarangan Markas Staf Stesyen Temerloh, Kem Batu 3 pada 30 Okt 2019.

Kehadiran Panglima 4 Bgd (Mek) disambut Lt Kol Nong Fakaruddin Mohd Salleh selaku Pegawai Staf Stesyen Temerloh dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM Cawangan Negeri Pahang, Mej Khairul Ashinar Azid TUDM.

Seramai 16 anggota cedera terdiri dari dua anggota yang masih berkhidmat dan 14 orang yang telah bersara dari perkhidmatan telah diraikan pada majlis kali ini dengan tujuan bagi mengenang jasa serta pengorbanan mereka berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Turut hadir wakil BPA-Sel Kebajikan dan Pegawai



Memerintah/Pemerintah pasukan di bawah naungan 4 Bgd (Mek) serta ahli keluarga anggota dan pesara yang diraikan.

Ramah Mesra Bersama Anggota Cedera Sempena Hari ATM Ke-86



Oleh: Sel Tadbir MK 1 Bgd

NEGERI SEMBILAN: Seramai 30 orang anggota tentera yang tercedera semasa melaksanakan tugas operasi dan latihan diraikan dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Anggota Cedera Sempena Hari ATM Ke - 86 peringkat 1 Bgd yang disempurnakan oleh Panglima 1 Bgd, Brig Jen Mhd Nazri Abd Rahman dan isteri di Dewan Makan

Batalion Kelimabelas Rejimen Askar Melayu pada 30 Okt 2019.

Dalam ucapan Panglima, beliau memaklumkan bahawa majlis tersebut diadakan pada setiap tahun adalah sebagai tanda penghargaan kepada pahlawan negara yang telah mengalami kecederaan semasa melaksanakan tugas operasi dan latihan.

Beliau turut menyatakan bahawa ATM sentiasa menjaga kebajikan anggota-anggotanya termasuklah yang telah bersara

dari perkhidmatan.

Beliau juga berharap majlis yang diadakan ini akan dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama warga tentera yang telah bersara dengan yang masih berkhidmat serta hubungan yang terjalin ini akan meningkatkan lagi semangat kesatuan dan perpaduan di dalam organisasi.

Panglima 1 Bgd menyerahkan sumbangan bantuan berupa kewangan kepada semua anggota yang diraikan.

Eks Camar Perdana Siri 2/2019



Oleh: 2 SSB

PERAK: Skuadron Semboyan Brigid Kedua Infantri (2 SSB) telah melaksanakan latihan ARTEP iaitu Eksesais Camar Perdana Siri 2/2019 di kawasan Sungai Siput bermula 30 Sep hingga 4 Okt 2019.

Objektif utama latihan ini adalah untuk menguji tahap kompetensi pegawai dan anggota dalam pelaksanaan tugas di medan.

Selain itu, latihan ini diadakan untuk mendukung kehendak Panglima Tentera Darat yang menjadikan tahun 2019 sebagai tahun latihan dan penajaran.

Konsep latihan ini adalah Aturgerak Skuadron dan Trup Semboyan semasa perintah amaran, prosedur tempur dan aturgerak di medan yang melibatkan tiga fasa peperangan iaitu Fasa Mara, Fasa Pertahanan dan Fasa Pengunduran.

Pengarah Semboyan PMBTD, Kol Hj Abdul Kadir Hj Mohd Ali merangkap Pengarah Eks ARTEP, turut hadir sebagai pemerhati.

Tim Pengendali dan Penilai eks ini diketuai oleh Pegawai Memerintah 4 RSD, Kol Mohammad Zairy Musa manakala Tim Evaluasi terdiri daripada pegawai dan PTTK IKED serta Tim *Subject Matter Expert* (SME).

Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman turut membuat lawatan ke kawasan latihan dan telah ditaklimatkan oleh Ketua Skn 2 SSB, Lt Kol Ahmad Rizwan Din.

Selain melawat setiap penempatan kawasan latihan, Panglima 2 Bgd turut menyaksikan demonstrasi peralatan komunikasi Sistem *Satelite X-Band* serta berdialog bersama warga 2 SSB dan turut berbesar hati menyempurnakan pemakaian pangkat anggota pasukan.

Lawatan Tim Panel Pemeriksaan APITD 2019

KUALA LUMPUR: Pemeriksaan Fizikal Anugerah Pengurusan Inovasi Tentera Darat (APITD) bagi Kategori Pengurusan dan Pemerintahan Divisyen 2019 telah dilaksanakan bertempat di MK 4 Div pada 1 Okt 2019.

Anugerah Pengurusan Inovasi Tentera Darat (APITD) ini merupakan aktiviti tahunan TD bagi menghargai formasi yang sentiasa mengemaskini pelaksanaan dan pematuhan urus tadbir dan operasi ditahap terbaik.

Ketibaan Inspektor Jeneral TD selaku Ketua Pemeriksa iaitu Brig Jen Dr. Kwong Fook Wen dan Ahli Panel telah disambut oleh Ketua Staf MK 4 Div, Kol Dato' Azhar Hj Ahmad dan diperkenalkan kepada pegawai MK 4 Div sebelum acara bergambar.

Tim Pemeriksa kemudian di bawa ke Bilik Mesyuarat untuk sesi taklimat dan seterusnya melaksanakan pemeriksaan fizikal pembuktian dokumentasi.

Diantara perkongsian idea oleh Brig Jen Dr. Kwong adalah saranan pelaksanaan Audit Dalaman oleh pasukan-pasukan

bawah naungan bagi mengenalpasti lebih awal sekiranya berlaku kekurangan, dari itu Pemerintah boleh membuat pembetulan tanpa memerlukan pihak luar membuat teguran.

Acara lawatan tersebut telah diakhiri dengan penyampaian cenderahati oleh Ketua Staf kepada semua ahli Tim Pemeriksa Anugerah Pengurusan dan Inovasi Tentera Darat tahun 2019. - Kpl Mohd Sadiq Zakaria



Hari Pengajian KAGAT 2019

Peringkat 4 Div



Oleh: LKpl Khatijah Sahbudin

KUALA LUMPUR: Hari Pengajian KAGAT 2019 Peringkat 4 Divisyen telah diadakan bertempat di Dewan Syeikh Shamsuddin, Masjid Muhammad Al-Fateh, Kem Wardieburn pada 2 Okt 2019.

Program yang disertai oleh tiga pegawai dan 30 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) KAGAT di bawah naungan 4 Div, memberikan penumpuan kepada Pengurusan Imam dan Bilal.

Sesi perkongsian ilmu tersebut telah disampaikan oleh Ketua Sel Pengurusan Masjid Jabatan Arah KAGAT, Lt Kol Mohd Hamzah Adam.

Turut hadir Pegawai Staf 2 Agama, Markas 4 Div, Mej Wan Ismail Wan Abdullah.

UJL 12 Km Markas dan Kem 12 Bgd

PAHANG: Seramai 12 pegawai dan 67 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Markas dan Kem 12 Bgd telah melaksanakan Ujian Jalan Laju (UJL) 12 km di sekitar kawasan Janda Baik pada 10 Okt 2019.

Tujuan UJL ini dilaksanakan adalah sebagai salah satu platform untuk menguji daya ketahanan mental dan fizikal serta menilai tahap keberkesanan latihan fizikal harian di peringkat pasukan serta persiapan bagi UJL 15km.

Selain itu, ujian tersebut juga menitik beratkan perkara asas seperti aspek keselamatan, penjagaan senjata dan peralatan *Full Service Marching Order* (FSMO) anggota dan berakhir dengan mencapai objektif latihan yang digariskan untuk menguji stamina dan kecergasan anggota di semua peringkat sebagai satu kumpulan. - Pbt Abu Huzaifah Sabarudin



Pemakaian Pangkat Peg Pem 2 Wksp Bgd



PERAK: Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Kapten ke Mejari kepada Pegawai Pemerintah, 2 Woksyop Briged, Mej Azrul Arifin pada 11 Okt 2019 bertempat di Wisma Perwira Batalion Ke 2 Rejimen Renjer Diraja.

Mej Azrul Arifin telah bertukar masuk dari MK ATM - Bhg Log Pertahanan ke 2 Wksp mengisi jawatan sebagai Pegawai Pemerintah berkuatkuasa pada 6 Sep 2019.

Turut hadir Ketua Staf MK 2 Bgd dan Pegawai Memerintah 23 RAMD. - 2 Wksp Bgd

Majlis Pemakaian Pangkat Kapten ke Mejar RAJD



Oleh: RAJD

KUALA LUMPUR: Seramai 35 pegawai Rejimen Askar Jurutera Diraja telah dinaikkan pangkat Mejar dalam Majlis Pemakaian Pangkat Kapten ke Mejar yang disempurnakan oleh Ketua Jurutera, Mej Jen Dato' Pahlawan Ir Hj Chapiti Hj Redzwan di Wisma Perwira RAJD Kem Batu Kentomen pada 11 Okt 2019.

Dalam ucapan Ketua Jurutera, beliau mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat dan menyatakan kenaikan pangkat ini merupakan kurniaan Ilahi serta hasil dan berkat usaha gigih yang telah dipamerkan oleh pegawai-pegawai berkenaan.

Selain itu beliau mengingatkan agar pegawai yang dinaikkan pangkat ini terus cemerlang dalam melaksanakan tugas dimana saja penempatan yang ditetapkan kerana perkara ini amat penting demi menyambung kecemerlangan di dalam melaksanakan tugas dan peranan kor agar impak kepada organisasi dapat diteruskan bagi

Tentera Darat khasnya dan Angkatan Tentera Malaysia amnya.

Turut hadir, Ketua Pengarah BPKP Brig Jen Ir Anhar Anuar, Komander Jurutera Medan Barat, Brig Jen Ir Abdul Hamid Mohd Isa, Pengarah Cawangan Perkhidmatan Kejuruteraan Barat, Brig Jen Hj Mustaffa Othman dan Pengarah Cawangan Perkhidmatan Kejuruteraan Timur, Brig Jen Ir Ruslan Sulaiman.

Bukit Larut Eco Challenge Skn Pertama RAJD

PERAK: Karnival sukan dan sukan tempur Skn Pertama RAJD (1 Skn RAJD) tahun 2019 telah melabuhkan tirainya dengan pertandingan Bukit Larut Eco Challenge pada 27 Nov 2019.

Pertandingan ini disertai oleh Pegawai Pemerintah 1 Skn RAJD Mej Mohd Dzul Hakim Hj Mohd Khalid bersama 4 pegawai dan 66 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang mana Bukit Larut Eco Challenge ini merupakan larian berkumpulan yang melibatkan 6 tim sejauh 2 km bersama peralatan berat merangkumi 4 disiplin meliputi kawasan berbukit dan lorong hutan di kawasan Bukit Larut.

Semasa ucapan penutupan program tersebut Peg Pemerintah 1 Skn RAJD menekankan objektif utama pertandingan ini adalah untuk menguji tahap kecerdasan fizikal dan ketahanan mental serta semangat setiaawan dikalangan pegawai dan anggota 1 Skn RAJD.

Beliau menegaskan pegawai perlu turut serta di dalam setiap program latihan lasak agar konsep *Lead by Example* dapat disemai. Selain itu program ini juga bertujuan sebagai pendedahan kepada semua peringkat anggota untuk mengkoordinasikan sukan tempur di pasukan dan menguji keupayaan logistik dalam menyediakan program latihan.

Keputusan keseluruhan pertandingan

ini dimenangi oleh terup ketiga dengan catatan masa terpanas 32 minit 8 saat, tempat kedua oleh markas skuadron dengan catatan masa 34 minit 16 saat dan ketiga terup pertama dengan catatan masa 35 minit 9 saat. - Lt Muhammad Zhafri Yusuf Zolkifli, Gambar: LKpl Afifat Najlaa Md Nasi.



4 Div Laksana Program Pencegahan Judi Siber Tahun 2019

Oleh: Kpl Mohd Sadiq Zakaria

KUALA LUMPUR: MK 4 Div telah melaksanakan Program Pencegahan Judi Siber bertempat di Dewan Dato' Othman Harun pada 22 Okt 2019.

Program ini dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada warga Tentera Darat agar tidak melibatkan diri dan terpengaruh dengan gejala tidak sihat iaitu judi siber sekaligus membantu meningkatkan sahsiah dan jati diri selaku benteng pertahanan kepada negara.

Selain itu ianya turut memberi penerangan

mendalam tentang langkah-langkah pembanterasan di peringkat pasukan serta kefahaman berkaitan peruntukan perundangan semasa dan sedia ada bagi warga TD.

Penceramah program terdiri dari wakil dari Markas Tentera Darat - Badan Inspektor Tentera Darat(BITD), Cwg Perisikan, Sel Agama, 48 Cawangan Siasatan Jenayah(CSJ) TD, Jabatan Forensik Digital Suruhanjaya Komunikasi dan



Multimedia Malaysia(SKMM) serta PDRM Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat.

Acara diakhiri dengan penyerahan poster judi siber dan Buku Pelan Intergriti Organisasi Tentera Darat(PIO TD) oleh Ketua 48 CSJ KPTD, Lt Kol Rafi Abdul Kadir kepada Pegawai Memerintah 74 BOD selaku wakil Ketua Staf 4 Div, Lt Kol Amrit Singh Bachan Singh.

Majlis Meraikan Anggota Cedera



PERAK: Seramai 90 orang anggota dan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang cedera ketika operasi dan latihan sempena Hari Ulang Tahun ATM Ke-86 telah diraiak dalam satu majlis peringkat Formasi 2 Bgd di Dewan Komatra pada 24 Okt 2019.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman bertujuan mengenang jasa

dan pergorbanan mereka yang dicurahkan semasa berkhidmat di dalam ATM yang merupakan acara tahunan bersempena sambutan Hari ATM Ke-86.

Panglima 2 Bgd dalam ucapannya menzahirkan keprihatinan ATM dalam soal kebajikan bekas anggota terutamanya yang tercedera dan sentiasa memberikan keutamaan sebagai tanda mengenang jasa mereka.

Warga 2 Bgd khasnya dan seluruh warga ATM amnya

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua bekas tentera yang telah sanggup berkorban demi kedaulatan agama, bangsa dan negara.

Turut hadir Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan di bawah naungan 2 Bgd, Wakil BPA-Sel Kebajikan, Wakil CSM, PERHEBAT, PERNAMA serta Pengarah JHEV Perak. - Cwg Risik 2 Bgd

Serah Terima Tugas Peg Memerintah 1 RRD

Oleh: Lt Mohd Syahmi Sahrudin
Gambar: Sel Risik 1 RRD

KUALA LUMPUR: Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (1 RRD) menyaksikan Pemangku Pegawai Memerintah 1 RRD, Mej Mohd Haizdar Arshad menyerahkan tugas kepada Pegawai Memerintah Ke-28, Lt Kol Mazli Mohamed Said disaksikan KS 12 Bgd, Lt Kol Mohamad Zambari Hj Abdul Khorid di Padang Kawad Kem Wardieburn pada 25 Okt 2019.

Pada majlis yang berasingan, Serah Terima Tugas Penolong Pegawai Memerintah juga turut berlangsung antara Mej Mohd Haizdar Arshad kepada Mej Zilham Afandie Mohd, Mej Mohd Haizdar Arshad akan bertukar keluar ke Jab Arah Infantri dan menjawat jawatan sebagai PS2 A RRD.

Seiring dengan pertukaran Pegawai Memerintah pasukan, Pemangku Pengerusi BAKAT, Sabrina Mahat turut menyerahkan tugas kepada Noorza Mahat sebagai Pengerusi BAKAT yang baharu.



Pertandingan Menembak Pistol dan Kilas Mengilas PTT Bertugas KPTD

KUALA LUMPUR: Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) telah melaksanakan Pertandingan Menembak Pistol dan Kilas Mengilas PTT Bertugas KPTD Tahun 2019 bertempat di Lapang Sasar Menembak Pistol Satu RAMD Kem Perdana Sg. Besi pada 22 Okt 2019.

Pertandingan ini disertai oleh Tim Gabungan satu terdiri dari CPM-ATM, 92 PTAT, Pej PM TD, Jab Arah Polis Tentera dan 104 Komp KPTD.



Tim Gabungan dua terdiri dari Wilayah Timur terdiri 1 Rejimen KPTD, 5 Komp KPTD, Plt 31 Bgd KPTD dan 13 Komp KPTD.

Tim 2 rejimen KPTD, Tim 3 Rejimen KPTD, Tim 4 Rejimen KPTD, Tim 48 CSJ, Tim Pulapot dan Tim gabungan tiga terdiri dari 21 Skn KPTD (GGK) dan 10 Pl KPTD (Para).

Pertandingan ini disaksikan sendiri oleh Pengerusi Kor Polis Tentera Diraja, Brig Jen Dato Hj Mislan Anuar, Ketua Provost Marsyal ATM, beliau telah merasmikan pembukaan dan penutup pertandingan.

Turut hadir Pengarah KPTD, Kol Abd Wahab Geoh, Ketua 48 Cawangan 48 CSJ, Lt Kol Muhammad Rafi Abd kadir, pegawai kanan KPTD dan wakil-wakil Pasukan.

Tim Pasukan terbaik pertandingan dimenangi oleh Tim 4 Rejimen KPTD manakala tempat kedua dimenangi oleh Tim 3 Rejimen KPTD dan tempat ketiga dimenangi oleh Tim gabungan 21 Skn KPTD (GGK) dan 10 Pl KPTD (Para).

- SSjn Muhammad Firdaus Abdullah

Majlis Malam Anugerah Kecemerlangan KPD Tahun 2019



Oleh: LKpl Farid bin Abdullah

KUALA LUMPUR: Brig Jen Hj Abd Malik telah dinobatkan sebagai sebagai Tokoh Sukan Kor dalam Majlis Malam Anugerah Kecemerlangan Kor Perkhidmatan Diraja (KPD) Tahun 2019 disempurnakan AKS Logistik Pertahanan, Mej Jen Datuk Hj Hasim Jabar, merangkap Pengurus KPD bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM pada 26 Okt 2019.

Melalui majlis ini, KPD telah mengiktiraf jasa para atlet sukan yang telah mengharumkan nama Kor sama ada di peringkat Tentera Darat mahupun Angkatan Tentera Malaysia termasuk di peringkat nasional.

Sejak dengan itu, anugerah yang dahulunya dikenali sebagai Anugerah Sukan Kor kini akan dikenali sebagai Anugerah Kecemerlangan Kor Perkhidmatan Diraja.

Sejumlah lima penganugerahan, iaitu Anugerah Pasukan Terbaik, Anugerah Atlet Sukan Cemerlang, Anugerah Pegawai dan Anggota Cemerlang, Anugerah Pengiktirafan Khas Kor Perkhidmatan Diraja dan Anugerah Tokoh Sukan Kor Perkhidmatan Diraja yang mana pemilihan ini buat penilaian khusus oleh AJK penilai Kor.

Anugerah Kecemerlangan KPD telah dimulakan dengan acara penyampaian hadiah bagi Ujian Kompetensi KPD yang diajukan di Pusat Latihan KPD bermula dari 4 hingga 16 Julai 2019 yang telah diuji kepada semua peringkat anggota yang melibatkan Zon Tengah, Zon Utara, Zon Timur Dan Zon Selatan, hadiah telah disampaikan oleh Timb Panglima Log TD, Brig Jen Hj Ab Aziz Sharif.

Anugerah Atlet Sukan Cemerlang telah di terima oleh Kpl Mohd Hamiruddin Haron daripada pasukan 1 Kompeni

Angkut KPD iaitu Atlet Sukan Bina Badan dan anugerah telah disampaikan oleh Pengarah KPD, Brig Jen Hj Abd Malik Hj Amid.

Anugerah Pegawai dan Anggota Cemerlang yang disampaikan oleh AKS Log TD, Brig Jen Meor Anuar Shuhaili Mohd Ramli, telah dianugerahkan kepada Penembak daripada Tim Menembak Tentera Darat iaitu LKpl Muhammad Shahril Shariff, 5 Kom Angkut KPD.

Penerima Anugerah Pengiktirafan Khas KPD turut di sampaikan kepada Lt Kol Gurmit Singh Al Wariam Singh (Bersara) daripada sukan Bola Tampar, Mej Mohd Fouzi Samsudin (Bersara) daripada Sukan Tenis dan Lt Kol Hj Ibrahim Hj Gafar (Bersara) daripada sukan olahraga, yang mana turut disampaikan oleh AKS Cwg Log TD.

Anugerah Pasukan Terbaik telah disandang oleh Pasukan 3 Kompeni Angkut KPD yang telah cemerlang dalam Eks Gagah Satria Siri 1/2019 dan telah disampaikan oleh pengurus KPD.

Dalam majlis ini Brig Jen Hj Abd Malik telah dinobatkan sebagai sebagai tokoh sukan kor atas kecemerlangan yang pernah dilakar sepanjang perkhidmatan beliau antaranya adalah, Johan Beregu Masters Terbuka, Kejohanan Tenis ATM Tahun 2014.

Membantu Tentera Darat untuk muncul Johan Berpasukan antara Perkhidmatan di dalam Kejohanan Tenis antara Perkhidmatan Tahun 2015.

Muncul Johan dalam Kejohanan Tenis ATM Tahun 2017 pada tahun yang sama beliau muncul Johan di dalam Acara Perseorangan Masters di Kejohanan Tenis Terbuka TD.

Johan Kejohanan Tenis Antara Perkhidmatan Tahun 2010 dan pada Tahun 2011, beliau muncul Johan di dalam Acara Beregu Veteran di dalam Kejohanan Tenis antara Kor/Rejimen TD Tahun 2011.

Seramai 200 pegawai dan anggota sekitar lembah Klang turut hadir bagi meraikan kesemua calon yang telah diraikan pada malam bersejarah ini ialah Jen Datuk Hj Hasim Jabar, AKS Cwg Log TD, Brig Jen Meor Anuar Shuhaili Mohd Ramli dan Timb Panglima Logistik TD Brig Jen Hj Ab Aziz Sharif.



Pertandingan Combat Challenge Peringkat 5 Bgd

Oleh: Lt Jeffry Samsudin
Gambar: Cwg Risik 5 Bgd

SABAH: Brigid Kelima Infantri Malaysia (5 Bgd) telah melaksanakan Pertandingan *COMBAT CHALLENGE* Peringkat 5 Bgd yang mana dianjurkan dibawah kelolaan Rej 507 AW dan 5 SSB mulai 1 hingga 3 Dis 19 bertempat di sekitar kawasan Kota Belud, Sabah.

Upacara pembukaan Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Panglima 5 Bgd, Brig Jen Datuk Muhammad Hafizuddiean Jantan pada 2 Dis 2019.

Pertandingan ini melibatkan 10 pasukan dibawah 5 Bgd dan seramai 50 pegawai serta 249 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat menyertai pertandingan.

Acara *Combat Challenge* ini julung kalinya dibuat melibatkan semua pasukan di bawah naungan 5 Bgd yang bertujuan untuk menguji kesiapsiagaan pasukan dan merupakan satu kesinambungan kepada latihan atau ujian yang telah dilaksanakan diperingkat pasukan seperti latihan individu dan kolektif selari dengan tahun penjajaran latihan.

Pertandingan ini terbahagi kepada dua Kategori iaitu Unit Besar (Pasukan Tempur) terdiri daripada Pasukan dari 3 RAMD, 7 RAMD, 22 RAMD, Rej 507 AW dan Rej 516 AW (Wataniah). Manakala Unit Kecil (Bantuan Tempur/Bantuan Khidmat) terdiri daripada MK/Kem 5 Bgd, 5 SSB, 5 KOD, 5 KPD, 51 KKKPD, Rej 507 AW (Tetap) dan Rej 516 AW (Tetap). Pertandingan ini telah berlangsung selama tiga hari bermula dengan sesi pendaftaran para peserta pada 1 Dis 2019.

Hari kedua merupakan pembukaan pertandingan dan penutupan pertandingan manakala hari ketiga pada 3 Dis 2019 merupakan pergerakan balik para peserta ke pasukan masing-masing. Selain itu, pertandingan ini telah dilaksanakan melalui tiga disiplin iaitu disiplin pertama Pertandingan Menembak Piring di Tapak 200 Meter yang



telah dilaksanakan di Lapang Sasar Tapak 600 Meter, disiplin kedua Membaca Peta dan Semboyan, dimana pegawai dan PTTR akan membuat panggilan melalui radio dan memasang peralatan radio. Manakala membaca peta dan pandu arah sejauh 1.8 km dilaksanakan oleh PTTK dan PTTR. Disiplin ketiga pula adalah berbasikal sejauh 10 km yang bermula dari kawasan Kg. Bayayat sehingga ke Kg Melangkap.

Pertandingan ini telah diakhiri dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada peserta. Pasukan 7 RAMD telah dinobatkan sebagai Johan bagi kategori Unit Besar manakala Johan Unit Kecil disandang oleh 5 SSB.

Majlis Penutupan Pertandingan ini telah dilaksanakan di kawasan Kg. Melangkap Nabalu Reflesia (MNR). Panglima 5 Bgd, Brig Jen Datuk Muhammad Hafizuddiean Jantan dalam ucapan penutupnya mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan peserta serta AJK yang terlibat kerana telah memberi komitmen sepenuhnya sepanjang pertandingan dengan jayanya.

Beliau juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga 5 Bgd kerana telah menjadi Johan keseluruhan Sukan Peringkat Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat serta berharap agar Pertandingan *Combat Challenge* ini dapat dibuat dan dilaksanakan pada tahun seterusnya.

Upacara penutup Pertandingan *Combat Challenge* turut dihadiri oleh Komander Rej 507 AW, Kol Al Hambra Tun Juhar dan Pegawai Memerintah di bawah naungan 3 Bgd.



Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 3 RAMD

Oleh: Risik Pasukan

SABAH: Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD) disaksikan oleh Panglima 5 Bgd, Brig Jen Datuk Hafizuddein Jantan di Markas Taktikal pada 30 Oktober 2019.

Pegawai Memerintah 3 RAMD yang Ke-35, Lt Kol Mohd Yazid Yaacob menyerahkan tugas kepada Pegawai Memerintah yang baru Lt Kol Yousrie Muhamad.

Perbarisan dimulakan dengan ucapan Lt Kol Mohd Yazid Yaacob kepada anggota dan pegawai 3 RAMD dalam menghargai peranan dan tugas warga pasukan serta kerjasama yang diberikan sepanjang pemerintahan beliau.

Mantan Pegawai Memerintah 3 RAMD, Lt Kol Mohd Yazid Yaacob akan bertukar ke Bahagian Inspektorat TD (BITD) bermula bulan November 2019.

Manakala, Lt Kol Yousrie Muhamad sebelum ini



bertugas sebagai Pembantu Ketenteraan Timbalan Panglima TD sebelum ditukarkan ke pasukan ini bagi menjawat jawatan Pegawai Memerintah 3 RAMD yang Ke-36.

Hari Keluarga 26 RAMD

Oleh: 26 RAMD

SABAH: Batalion Ke-26 Rejimen Askar Melayu Diraja telah melaksanakan Hari Keluarga simbolik kepada penutup aktiviti tahun 2019 yang disertai seramai 17 pegawai dan 330 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) bertempat di Kem Kukusan pada 23 dan 24 Dis 2019.

Sambutan hari keluarga berlangsung dengan pelbagai aktiviti sukaneka, masakan, mewarna, senamrobik, pertandingan karaoke dan diselangi dengan cabutan bertuah serta penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Aktiviti kekeluargaan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim disamping menghargai pengorbanan keluarga warga pasukan sepanjang tahun 2019.

Pegawai Memerintah, Lt Kol Azrul Shamsuddin dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada semua



anggota yang terlibat secara langsung dalam pengajuran pada kali ini.

Selain itu, beliau berharap aktiviti ini dapat meningkatkan hubungan kekeluargaan sesama anggota dan keluarga agar pasukan dapat terus memperlihatkan kecemerlangan yang tinggi pada masa yang akan datang.

TDM dan TNI-AD Bersihkan Kawasan Sekolah

Oleh: 3 RAMD

SABAH: Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD) melaksanakan gotong-royong kerjasama diantara Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Nasional Indonesia (TNI-AD) dan penduduk Kampung Pensiangan telah bersama-sama membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Seliku Sumingkot Pensiangan, Daerah Nabawan, Sabah pada 9 Nov 2019.

Melalui Program kerjasama ini, TDM dan TNI-AD dapat mengenali penduduk setempat dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kepercayaan penduduk setempat terhadap pihak tentera.

Seramai lapan anggota Lain-Lain Pangkat TDM dan empat anggota TNI-AD serta 20 penduduk kampung terlibat dalam program gotong-royong ini.



Program ini telah mendapat penghargaan dan pengiktirafan daripada Dansatgas Yonif Raider 600/Modang serta pada masa sama dapat mengeratkan hubungan antara dua negara.

TD Laksana Gotong Royong Bersama Orang Awam

SABAH: Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD) melaksanakan Majlis Gotong Royong di

antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dengan penduduk kampung di Masjid Al - Taqwa, Daerah Keningau, Sabah pada 9 Nov 2019.

Program ini bertujuan untuk memperbaiki hubungan baik dan menyumbang bakti dalam membantu masyarakat setempat.

TDM telah dianggoti seramai 10 anggota Lain-Lain Pangkat manakala orang awam telah diwakili oleh penduduk setempat.

Program ini telah mendapat penghargaan daripada Pegawai dan AJK Masjid Al-Taqwa, Daerah Keningau. -3 RAMD



Program Khidmat Masyarakat Erat Hubungan Tentera dan Awam

Oleh: 3 RAMD

SABAH: Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD) melaksanakan Program Khidmat Masyarakat dibawah anjuran Jabatan Kesihatan SDA iaitu *Mission of Sabah* di Seliku, Daerah Nabawan pada 26 Nov 2019.

Program yang dianjurkan bertujuan untuk merapatkan hubungan dan menyumbang bakti dalam membantu kepada masyarakat setempat.

TDM dianggotai seramai lapan anggota Lain-Lain Pangkat manakala TNI-AD melibatkan seramai tiga anggota LLP serta seramai orang awam dianggotai penduduk kampung turut terlibat di dalam program ini.



TDM Menerima Sijil Penghargaan Daripada Guru Besar

SABAH: Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD) mendapat jemputan mewakili Tentera Darat Malaysia (TDM) dalam Majlis Hari Ucapan dan

Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan Seliku, Daerah Nabawan pada 21 Nov 2019.

Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan

baik diantara TDM dan masyarakat setempat serta menyumbang bakti dalam membantu masyarakat setempat.

TDM dianggotai seramai satu pegawai dan dua anggota Lain-Lain Pangkat, TNI-AD pula dianggotai seramai empat anggota LLP manakala orang awam diwakili oleh penduduk setempat.

TDM dan TNI-AD telah mendapat ucapan terima kasih dan Sijil Penghargaan daripada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Seliku.



TDM Bergotong-royong Bersama Warga Kota Belud



Oleh: Rej 507

SABAH: Rej 507 AW telah melaksanakan Majlis Gotong-royong Perdana di antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dan masyarakat daerah Kota Belud pada 17 Ogos 2019.

Melalui program kerjasama ini, TDM dapat mengenali dan mengeratkan hubungan di antara penduduk setempat dan secara tidak langsung meningkatkan imej yang baik terhadap pihak tentera.

Seramai 15 anggota TDM dan 100 penduduk daerah Kota Belud menyertai program tersebut.

7 RAMD Bersama MPT Membersihkan Hilltop

SABAH: 7 RAMD telah melaksanakan Gotong-royong Mega Anjuran Majlis Perbandaran Tawau (MPT) membersihkan kawasan sekitar Hilltop, Tawau pada 23 Nov 2019.

Program yang disertai oleh seorang pegawai dan 20 anggota Lain-lain Pangkat diketuai oleh Mej Syamsury Sutrisno.

Program bertujuan untuk merapatkan hubungan baik di antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dan masyarakat setempat serta menyumbang bakti.

- Oleh: 7 RAMD



Rej 507 AW Membersihkan Kampung Gerisik



SABAH: Seramai 10 anggota Rej 507 AW telah mengadakan Majlis gotong-royong Tentera Darat Malaysia (TDM) bersama 200 masyarakat setempat membersihkan Kampung Gersik, Labuan pada 16 Nov 2019.

Program ini bertujuan untuk memperkenalkan TDM sentiasa bersedia untuk membantu masyarakat setempat selain mengukuhkan ukhuwah di antara warga TDM dan rakyat. - Rej 507 AW

Panglima 10 Bgd Para Lawat 8 RRD Para

MELAKA: Seramai 18 pegawai dan 272 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Batalion Kelapan Rejimen Renjer Diraja (Para) terlibat dalam Pemeriksaan Tadbir Tahunan yang disempurnakan oleh Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki pada 3 Dis 2019.

Ketibaan Panglima 10 Bgd (Para) disambut oleh Pegawai Memerintah 8 RRD (Para), Lt Kol Zulkifli Raub dan seterusnya pemeriksaan Kawalan Kuarter di hadapan Balai Pengawal pasukan.

Beliau kemudian menerima tabik hormat dari kontjen perbarisan 8 RRD (Para) diketuai oleh Mej Mohd Sufian Kamarul Ariffin di Padang Kawad Pasukan.

Pemeriksaan diteruskan bagi menguji tahap

competency dan agility warga 8 RRD (Para) dimana Panglima telah memilih secara rambang berpanduan ORBAT dan seramai seorang pegawai dan 32 anggota LLP telah melaksanakan larian Ujian Kecergasan Asas (UKA) 2.4 km manakala seorang pegawai dan 34 anggota LLP melaksanakan Ujian Jalan Laju 5 km serta UKKI.

Sesi Pemeriksaan Tadbir Tahunan diteruskan dengan sesi taklimat oleh Pegawai Memerintah dan lawatan ke blok-blok penginapan, Wisma Perwira, Wisma Bintara, Platoon kenderaan, rumah masak dan ujian penyampaian perintah dari Komp C.

Seterusnya diikuti oleh sesi menandatangani Buku Lawatan di Wisma Perwira dan Wisma Bintara serta diakhiri sesi lawatan dengan Solat Zuhur berjemaah bersama warga pasukan.

Acara kemuncak bagi Pemeriksaan Tadbir Tahunan dan Lawatan Ulung Penglima 10 Bgd (Para) iaitu jamuan makan bersama anggota di Dewan Siti Hajar dan penyampaian cenderahati kepada Panglima 10 Bgd (Para).

Dalam ucapan beliau, Panglima menzahirkan rasa berpuas hati beliau atas semangat, prestasi dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi yang ditunjukkan oleh warga 8 RRD (Para) dalam menghadapi Pemeriksaan Tadbir Tahunan dan Lawatan Ulung beliau kali ini sekaligus mendokong teras pemerintahan beliau yang telah digariskan.

Beliau berkehendakkan prestasi ini dikenalkan dan dipertingkatkan lagi bagi menjaga dan mengharumkan nama pasukan dan formasi. - Lt Suhanraj Rajasegaran, Gambar: Gambar 10 Bgd (Para)



Majlis Khatan Peringkat 18 RAMD PARA

Oleh: Sjn Mohd Khairul Izham Harun

Gambar: Lkpl Muhamad Razie Shuaid

TERENGGANU: 18 RAMD (Para) telah menganjurkan Majlis Khatan Peringkat Pasukan di Masjid AL Ansar, Kem Seri Pantai pada 14 Dis 2019.

Berkhatan merupakan sebahagian daripada amalan yang dipertanggungjawabkan kepada ibubapa untuk anak-anak lelaki yang akan mencecah usia baligh.

Berkhatan sangat berkait rapat dengan kesihatan dan kebersihan sebagaimana yang dituntut di dalam Islam bahkan turut dituntut oleh ajaran agama yang lain.

Acara tahunan ini bertujuan membantu menyediakan perkhidmatan dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak anggota 18 RAMD (Para) di samping meringankan bebanan ibubapa dan penjaga dalam memenuhi tuntutan agama.

Majlis dirasmikan dengan ucapan dan gimik pelancaran pancutan air



bomba oleh Pegawai Memerintah 18 RAMD (Para), Lt Kol Syed Suhairi Syed Hussin.

Majlis diteruskan dengan

perarakan peserta khatan dengan diiringi selawat secara beramai-ramai menuju ke Pusat Perubatan Angkatan Tentera, Kem Seri Pantai.

Perbarisan Penghargaan SMR 8 RRD Para

Oleh: Lt Suhanj Rajasegaran
Gambar: Risik Pasukan

MELAKA: Seramai 250 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Sarjan Mejari Rejimen (SMR) Bn Ke-8 Rejimen Renjer Diraja (Para) yang diketuai oleh PW I Zahari Rahim di Padang Kawad Pasukan 8 RRD (Para), Kem Terendak pada 04 Dis 2019.

Perbarisan Serah Terima Tugas SMR 8 RRD (Para) menyaksikan PW I Simon Geliuk Polus iaitu SMR yang Ke-19 menyerahkan tugas kepada PW I Sapolrizan Mat Abu disempurnakan Pegawai Memerintah 8RRD (Para), Lt Kol Zulkifli Raub.

SMR dalam ucapan beliau mengingatkan kepada semua anggota supaya bekerjasama dan sentiasa mengekalkan disiplin yang tinggi dan memberi taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada tumpuk pemerintahan.

Beliau juga menzahirkan perasaan terharu terhadap



sokongan, semangat, dan kesetiaan yang diberikan oleh semua pegawai dan anggota sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai SMR 8 RRD (Para).

Program Road Show Task Force Perisai Wira ATM

JOHOR: Seramai 36 pegawai, 315 anggota LLP dan 30 kakitangan Awam Kem Iskandar terlibat dalam Program *Road Show Task Force Perisai Wira ATM* yang diadakan di Dewan Jenalik 21 Gerup Gerak Khas Kem Iskandar Mersing pada 12 Nov 2019.

Pembukaan program dirasmikan oleh Kol Operasi Kursus 21 GGK, Kol Khairul Anuar Hj Yaacob bagi mewakili Panglima 21 GGK.

Semasa ucapan pembukaan GGK sentiasa memandang

serius ancaman *Islamic State In Iraq And Syria* (ISIS) dan kumpulan LTTE serta lain-lain kumpulan militan.

GGK berusaha keras mengekang penglibatan anggotanya dengan kumpulan militan Daesh dan kumpulan LTTE serta lain-lain kumpulan militan.

Program ini diadakan adalah untuk memberi garis panduan bahaya ancaman kumpulan militan ini kepada semua warga GGK serta kakitangan awam yang berada dalam Kem Iskandar mahupun yg berada di luar Kem Iskandar.

Program yang bermula pada awal pagi ini diseliakan oleh dua penceramah dari Cawangan Anti Keganasan Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) iaitu Lt Kol Dr Zulkarnain Haron dan Lt Kol Shaharudin Abd Rahman.

Diakhir program, penyampaian cenderahati telah disampaikan oleh Kol Operasi Kursus 21 GGK kepada Ketua Cawangan Anti Keganasan BSPP.

Turuthadir bagi memeriahkan Program Pegawai Memerintah MK Garison Mersing, Lt Kol Mohd Izani Muhamad Noor serta pegawai-pegawai Kanan GGK. - **SSJn Ahmad Norizam Jaaffar, Gambar: Sjn Wan Mohd Hairy Wan Ismail**



Eks Gempur IX Perkasakan 10 Bgd Para

Oleh: Lt Amal Ezzati Aman

Gambar: Risik Gabungan 10 Bgd (Para)

PERAK: Seramai 37 pegawai dan 486 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Eks GEMPUR IX yang diketuai oleh Pegawai Memerintah 9 RAMD (Para), Lt Kol Ahmad Fitri Othman merupakan Latihan Medan/*Field Training Exercise* (FTX) di peringkat Batalion yang dilaksanakan secara dwitahunan untuk mengejuti dan memperkasakan keupayaan atur gerak Kumpulan Tempur Batalion Para atau *Leading Para Battle Group* (LPBG) sebagai elemen Pasukan Atur Gerak Cepat dalam melaksanakan gerakan ofensif 10 Bgd (Para) di Seberang Perak mulai 5 hingga 12 Nov 2019.

Selain itu, eks ini adalah sebahagian daripada komponen pelaku FTX bagi Eks Pahlawan 2019 yang berkonsepkan Op Paracut dimana pelaku eks diterjunkan dengan tiga pesawat C130H di Zon Gugur Lekir, Perak.

Manakala tim tinjau PANDURA telah membuat penyusupan dari udara terlebih dahulu dengan bantuan pesawat CN 235 dan kemudian LPBG meneruskan gerak mara atau *Tactical Advance to Battle* (TAB) dan membersihkan paksi mara sejauh 40 km.



Akhir sekali, serangan batalion ke atas kedudukan utama musuh telah dilaksanakan bagi membolehkan tanah penting dikuasai semula sebelum BHO berlaku.

Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Marjuki turut menyaksikan serangan akhir eks ini dan beliau berkesempatan berjumpa dengan semua pelaku eks serta mengucapkan syabas di atas kejayaan eks ini.

Eks seumpama ini amat bermakna bagi membolehkan ketumbuhan elit ini mengekalkan kesiagaan yang tinggi sebilang masa.

Kemantapan 17 RAMD Para Terserlah Melalui Eks Thunder Eagle

MELAKA: Seramai empat pegawai dan 109 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) 17 RAMD (Para) berjaya melaksanakan Eks Thunder Eagle Siri 1/2019 bertempat di sekitar Kem Terendak pada 11 hingga 15 Nov 2019.

Eks ini merupakan salah satu daripada *Military Operation Other Than War* (MOOTW) iaitu *Humanitarian*

Assistance and Disaster Relief (HADR) yang dilaksanakan dalam empat fasa iaitu Fasa Pertama, Pengumpulan Anggota, Fasa Kedua, Kelas Teori dan *Terrain Board Exercise*, Fasa Ketiga, *Field Training Exercise* (FTX) dan Fasa Keempat, *After Action Review* (AAR).

Antara objektif yang digariskan adalah untuk membantu pasukan melaksanakan *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR) serta bersedia menyelamat dan memindahkan mangsa sekitaranya diatur gerakkan.

Selain itu, eks ini juga menekankan aspek pengoperasian di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan Pusat Pemindahan Bencana.

Turut serta dalam eks ini Agensi Kerajaan Lain dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka dan Agensi Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Melaka. - Lt M Muhammad Hazim Hanis Anuar, Gambar: Sel Risik 17 RAMD (Para)



HUT RSD KE-67



Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Seramai 15 pegawai dan 337 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Rejimen Semboyan Diraja (RSD) terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) Ke-67 RSD yang disempurnakan Pengarah Peperangan Informasi, Brig Jen Dato' Basri Kasban di Padang Kawad Cawangan Rejimental, Institut Komunikasi dan Elektronik Tentera Darat (IKED) pada 15 Nov 2019.

Perbarisan yang diketuai Lt Kol Abdul Manap Hussain dari 71 RSD Pemerintahan Medan Barat ini melibatkan empat detasmen dan diiringi gabungan Brassband Wanita RSD serta Pancaragam Pusat Latihan Muzik Tentera Darat dibawah pimpinan PW II Mohd Daud Hasun.

Acara diteruskan dengan Pengarah Peperangan Informasi menyampaikan Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) kepada dua pegawai dan sembilan anggota LLP manakala seramai empat orang penjawat awam menerima Sijil

Kepujian Perkhidmatan Awam.

Dalam perutusan HUT Ke-67 RSD, Pengarah Peperangan Informasi mengajak semua anggota mengimbas kembali pencapaian RSD dari dahulu hingga kini agar setiap anggota menghormati pengorbanan serta sejarah supaya mereka lebih menghargai segala pencapaian RSD yang semakin hari melangkah ke mercu kejayaan tertinggi.

"Saya mahukan semua warga RSD berperanan sebagai agen kepada





pembangunan teknologi terkini berdasarkan kepada evolusi yang berlaku seiring dengan kematangan usia RSD.

“Semua peringkat perlu matang dan pro-aktif dalam memperkasakan diri dan organisasi dengan kemajuan teknologi khususnya teknologi komunikasi yang makin pesat,” kata Brig Jen Dato’ Basri Kasban.

Tambah beliau lagi, tiada kompromi serta jalan singkat untuk mempersiapkan RSD dengan era ancaman dan peperangan masa kini selari dengan pembangunan Tentera Darat yang membangunkan keupayaan peperangan informasi merangkumi peperangan elektronik dan peperangan siber.

Disamping itu, sememangnya keupayaan peperangan informasi diberi fokus yang tinggi oleh RSD dimana



pembangunan keupayaan ini sedang dikemaskini melalui doktrin dan spesifikasi peralatan bagi memastikan value for money dan memberikan

output terbaik kepada perkhidmatan.

Turut hadir, pegawai kanan RSD, mantan pegawai kanan dan Veteran RSD.



MMR PTT Kanan Naungan 8 Bgd



Oleh: Kapt Muhd Farith Ibrahim
Gambar : Sel Risik 8 Bgd

KELANTAN: Seramai 233 PTT Kanan bersama pasangan telah menghadiri Majlis Makan Malam Rejimental PTT Kanan di Bawah Naungan 8 Bgd yang telah diadakan buat julung kalinya di The Grand Renai Hotel, Kota Bharu, pada 17 Nov 2019.

Majlis ini diadakan sebagai sebahagian daripada aktiviti bagi meraikan sambutan Hari Ulang Tahun 8 Bgd yang ke 47 Tahun 2019.

Panglima 8 Bgd, Brig Jen Dato' Haji Muhammad Huzaimi Sabri dalam ucapannya memberikan penghargaan dan terima kasih diatas segala jasa, kerjasama, kesetiaan dan sumbangan yang telah diberikan kepada 8 Bgd di setiap aktiviti yang telah dilaksanakan dengan jayanya.

Beliau menyeru agar setiap peringkat PTT Kanan terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan jujur dan ikhlas. Panglima 8 Bgd juga turut menekankan bahawa MMR ini merupakan salah satu medium dalam menyuburkan aktiviti regimental disamping turut menjadi platform pembelajaran untuk Bintara Muda.

Selain dari itu, Panglima 8 Bgd mengharapkan agar majlis sebegini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim diantara sesama PTT Kanan dan isteri masing masing sebagai sebahagian dari keluarga besar 8 Bgd, turut diadakan adalah acara memotong kek sempena sambutan Hari Ulang Tahun 8 Bgd yang ke 47.

Majlis ini juga dihadiri oleh Ketua Staf MK 8 Bgd, Lt Kol Zaabar Jaaffar, Ketua Skuadron 8 SSB, Lt Kol Mohd Shah Nizam Shamsudin selaku Pengangur dan Yang Dipertua Wisma Bintara Gabungan 8 Bgd, PW II Mazaidi Faizul Mohd.

Perbarisan RSD KE 67

PAHANG: Pasukan 4 SSB (Mek) telah mengadakan Perbarisan Sempena Hari Ulang Tahun RSD Ke 67 bertempat di padang kawad Markas Skuadron, Kuantan pada 18 Nov 2019.

Tujuan perbarisan adalah untuk mengumpulkan semua anggota RSD sekitar Kuantan termasuk anggota tumpangan RSD dan ahli Veteran RSD Zon Timur bagi menyaksikan perutusan yang disampaikan oleh Ketua Skuadron, Lt Kol Faizal Hamdy Haji Hussin.

Pada perbarisan ini juga turut diadakan pemakaian pangkat anggota seramai 30 anggota yang terdiri daripada 20 Signalman ke lantikan Lans Koperal dan 10 Lans Koperal ke Pemangku Koperal serta penyerahan plaka cendera kenangan kepada anggota yang telah bersara.

Dalam ucapan Ketua Skuadron, beliau menyatakan setiap anggota perlu memastikan tahap kesiagaan komunikasi dan informasi berada di tahap tertinggi.


Beliau juga mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah

dinaikkan pangkat dan menasihatkan bahawa pangkat yang diberi perlulah seiring dengan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap anggota.

Turut hadir Ketua Skuadron Timur 91 RSD dan para ahli Veteran RSD.


Majlis diakhiri dengan jamuan makan dan bergambar Ketua Skuadron bersama warga RSD sekitar Kuantan, pesara tentera 4 SSB (Mek) dan ahli-ahli Veteran RSD Zon Timur. - **Lt Muhammad Adib Zulfi 4 SSB (MEK)**





" Pada tahun 2019 sesuai dengan tahun penjajaran Tentera Darat yang menyaksikan penubuhan Divisyen Kelima Infantri dan Briged-Briged Infantri di Sabah secara langsung melibatkan unit-unit perisikan "

Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan (KPPP), Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya
Gambar: SSjn Vijay Gaundar
Arikrishnan, Sjn Saiful Fazley Rusli,
Kpl Ainur Aisyah Yahaya dan Saifun
Hakimi Zainon

PAHANG: Seramai 15 pegawai dan 173 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Risik Diraja (KRD) terlibat dalam Perbarisan Hari KRD Ke-50 yang disempurnakan Ketua Pengarah

Perisikan Pertahanan (KPPP), Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan di Padang Kawad Kolej Perisikan Angkatan Tentera Malaysia (KP ATM) pada 28 Nov 2019.

Terdahulu dari itu, Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan menerima tabik hormat dari kontingen perbarisan terdiri daripada empat detasmen diketuai Lt Kol Mohd Radzi Jas diiringi Pancaragam Pusat Rejimen

Renjer Diraja.

Acara diteruskan dengan KPPP menyampaikan Anugerah Kecemerlangan KRD, Anugerah Kecemerlangan Kursus Dalam KP ATM, Anugerah Kecemerlangan Kursus Luar KP ATM, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penyampaian Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) kepada pegawai dan anggota LLP yang telah mengharumkan nama KRD khasnya

dan TD amnya.

Dalam ucapan KPPP, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga KRD kerana telah berjaya melaksanakan amanah dalam mengharungi segala cabaran sepanjang 50 tahun kewujudan kor yang dikasihi ini.

"Sementara itu, pada tahun 2019 sesuai dengan tahun penajaran Tentera Darat yang menyaksikan penubuhan Divisyen Kelima Infantri dan Briged-Briged Infantri di Sabah secara langsung melibatkan unit-unit perisikan.

"Selain itu, KRD sebagai tonggak utama di Bahagian Staf Perisikan Pertahanan akan terus memainkan peranan yang dominan dalam pelbagai disiplin perisikan dimana fokus perancangan pembangunan pada masa kini adalah dalam bidang Artificial Intelligence, Siber dan *Unmanned Aerial System* (UAS) yang sedang rancak berjalan.

"Bagi merealisasikan segala perancangan ini, saya menyeru kepada semua warga KRD agar sentiasa memberikan sokongan padu dan berusaha meningkatkan tahap akademik masing-masing supaya sentiasa kompeten untuk menghadapi cabaran semasa dan pada masa hadapan," ujar KPPP.

Tambah beliau lagi, sesuai dengan tema Jubli Emas, Transformasi dan Keunggulan KRD, memerlukan perancangan serta persiapan rapi agar kor ini akan berkembang dengan lebih pesat khususnya dalam bidang teknologi dan maklumat.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Mej Jen Ahmad Norihan Jalal, Ketua Unit Khas Pejabat Peguam Negara, Mej Jen Dato' Ghazali Hj Ismail dan Pengarah KRD, Kol Hj Idros Hj Muhammad.



**Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya
Gambar: Saifun Hakimi Zainon**

KUALA LUMPUR: Pengurus Kor Risik Diraja (KRD), Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan mahukan warga KRD sentiasa memelihara penampilan imej dan etika kerja yang terpuji dalam memastikan agenda Transformasi KRD terus berlaku dengan peredaran zaman.

Aspek ini penting untuk mengangkat martabat organisasi KRD disamping mengukuhkan keyakinan TD dan ATM dimana tanggungjawab KRD yang semakin meluas dalam organisasi ATM mahupun hubungan dengan agensi keselamatan kerajaan yang lain.

Beliau berkata demikian semasa ucapannya dalam Majlis Makan Malam Rejimental Sempena Jubli Emas Kor Risik Diraja bertempat di Wisma Perwira ATM pada 30 Nov 2019.

Selain itu beliau mahukan warga KRD sentiasa cekal bekerja di bawah tekanan kerana situasi keselamatan

dan keperluan semasa yang tidak menentu menuntut komitmen yang tinggi pada masa hadapan.

“Sebagai pemimpin kita perlu menguruskan tekanan dan kekangan yang dihadapi sesuai dengan objektif dan keperluan tugas yang perlu dicapai tanpa kita hilang fokus dan hala tuju.

“Dalam hal ini adalah penting untuk kita menentukan pengurusan masa dan aspek-aspek kepimpinan

lain seperti *priority, delegation, instruction and monitoring of works* sentiasa dilaksanakan secara berkesan,” katanya.

Tambahnya lagi, beliau mengingatkan elemen negatif harus dihindarkan iaitu sifat pengkhianat dan hasad dengki yang boleh memecah belahan warga KRD.

Terdahulu acara MMR Jubli Emas KRD dimulakan dengan gimik



MMR Jubli Emas KRD





pembukaan tayangan video serta aksi anggota KRD melaksanakan sesuatu misi khas membawa menu MMR dan diberikan kepada Pengurus KRD.

Acara kemudian diteruskan dengan Minum Ucap Selamat kepada SPB YDP Agong, MMR, memotong Pulut Kuning dan penyampaian cenderahati kepada pegawai Dining Out.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Mej Jen Ahmad Norihan Jalal, Ketua Unit Khas Pejabat PEGUAM Negara, Mej Jen Dato' Ghazali Hj Ismail, AKS Perisikan, Mej Jen Dato' Rezil Shahidin dan Pengarah KRD, Kol Hj Idros Hj Muhammad.

Perbarisan Penghargaan Hargai Jasa Dua Pegawai Kanan TD



Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini

Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang

SABAH: Seramai 21 pegawai dan 457 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam Perbarisan Penghargaan Pegawai Kanan Tentera Darat Malaysia (TDM) yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Padang Kawad Enam Rejimen Artilleri Diraja (6 RAD) pada 17 Dis 2019.

Bagi menghargai perkhidmatan kedua-dua Pegawai Kanan TDM yang diraikan iaitu Mej Jen Dato' Zulkapri Rahamat dan Mej Jen Dato' Pahlawan Hj Mohd Anuar Rijaludin, satu perbarisan tempur terdiri dari enam kontingen yang diketuai oleh, Pegawai Memerintah Batalion Ke-22 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Lt Kol Rizwan Abdullah telah dipertontonkan dengan peragaan aset serta kenderaan TDM.

Lebih menarik perbarisan penghargaan ini dilaksanakan serentak memandangkan kedua-dua Pegawai Kanan TDM ini pernah berkhidmat sebagai Panglima di Negeri Sabah dan akan menamatkan persaraan pada jangkamasa yang sama.

Mengimbas kembali keperibadian Mej Jen Dato' Zulkapri Rahamat, beliau dilahirkan di Alor Gajah, Melaka pada 20 Mac 1960 dan memasuki Sekolah Pegawai Kadet (SPK) pada 10 Julai 1978 serta ditauliahkan ke dalam kor RAMD dan memulakan karier sebagai Ketua Platoon di Batalion Ke-19 RAMD di Kedah.

Beliau bakal menamatkan perkhidmatan selama 41 tahun dalam TDM pada 20 Mac 2020 merupakan mantan Panglima Angkatan Petugas 450 (Task Force 450) yang kini dikenali sebagai 5 Div.

Mej Jen Dato' Zulkapri Rahamat berkelulusan Sarjana Sastera dalam Kajian Pertahanan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pernah memegang beberapa jawatan penting dan jawatan terakhir beliau sebelum menamatkan perkhidmatan adalah sebagai Ketua Staf di Markas Angkatan Bersama (MAB).

Manakala mengimbas keperibadian Mej Jen Dato'

Pahlawan Hj Mohd Anuar Rijaludin, beliau dilahirkan di Batu Gajah, Perak pada 26 Mac 1960 dan memasuki Maktab Tentera Diraja (MTD) pada 7 Jan 1978 serta ditauliahkan ke dalam kor RAMD dan memulakan tugas sebagai Ketua Platoon di Batalion Ke-24 RAMD di Terengganu.

Beliau bakal menamatkan selama 42 tahun dalam TDM pada 25 Mac 2020 merupakan mantan Panglima 5 Bgd yang memulakan akan tugas di Mk 5 Bgd pada bulan Sep 2015 hingga Sep 2018.

Mej Jen Dato' Pahlawan Hj Mohd Anuar Rijaludin berkelulusan Master of Defence Studies dari UNSW Australia dan Diploma Pengajian Strategik dan Pertahanan dari Universiti Malaya pernah menjawat beberapa jawatan penting serta mengikuti misi United Nations Operations in Mozambique (ONUMAZ) di Afrika dan jawatan terakhir beliau adalah sebagai Asisten Panglima Pasukan Simpanan.

Turut hadir, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Dato' Wira Zamrose Mohd Zain dan pegawai-pegawai kanan.





9 Skn RAJD Tabur Bakti di Rumah Seri Kenangan

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak
Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah

MELAKA: Pasukan Skuadron Ke 9 Rejimen Askar Jurutera Diraja (9 Skn RAJD) telah menyertai projek membaikpulih Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheng, Melaka yang dirasmikan pada oleh Ketua Setiausaha KPWKM, Dato' Junaidah Kamarruddin pada 18 Okt 2019.

Projek baikpulih RSK Cheng ini yang diselia oleh Pegawai Pemerintah 9 Skn RAJD, Mej Mohd Redzuan Mohamad Ya'akob, adalah salah satu projek di bawah Program Baiki Rumah Untuk Sejahtera (BAHTERA).

Program BAHTERA merupakan program kolaborasi strategik di antara Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Di dalam program ini peruntukan kewangan adalah disediakan oleh KPWKM sementara bantuan tenaga kerja oleh KEMENTAH dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Projek yang dilaksanakan selama dua hari ini dijalankan secara gotong royong melibatkan seorang pegawai dan sembilan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari 9 Skn RAJD serta dibantu oleh staf RSK Cheng dan juga para



sukarelawan.

Keutamaan projek baikpulih ini adalah melibatkan kerja-kerja mengecat dinding bangunan surau, dewan makan, dewan serbaguna dan juga dapur.

Namun demikian, anggota 9 Skn RAJD turut menawarkan bantuan di dalam menggantikan lampu dan kipas, membaikpulih bumbung yang bocor dan juga siling yang rosak.

Turut hadir, Komander RAJD 3 Div, Kol Fazillah Ibrahim.

Kolaborasi 3 Div dan MAIM Bantu Baiki Rumah Penduduk

MELAKA: Markas 3 Divisyen melalui pasukan Skuadron Ke 9 Rejimen Askar Jurutera Diraja (9 Skn RAJD) telah memulakan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di dalam Projek Jiwa Murni bermula 1 Okt 2019.

Projek yang diberi nama "Sentuhan Kasih Jiwa Murni" ini, merupakan kesinambungan daripada kolaborasi

yang telah terjalin di dalam projek baikpulih rumah asnaf miskin di Bukit Rambai, Melaka yang dilaksanakan pada tahun 2018 yang lalu.

Bagi tahun 2019 ini, MAIM telah memilih untuk menaja dua buah rumah asnaf miskin di Kg Berangan Enam Umbai, Melaka bagi tujuan baikpulih.

Pegawai Pemerintah 9 Skn RAJD, Mej Mohd Redzuan Mohamad Ya'akob adalah bertanggungjawab untuk menyelia projek ini, yang melibatkan tenaga kerja seramai seorang pegawai dan 14 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP), projek yang bermula sejak 1 Okt 2019 dijangka memakan masa selama 38 hari untuk disiapkan.

Antara skop kerja yang akan dilaksanakan termasuklah kerja-kerja menggantikan bumbung dan siling, mengecat serta pendawaian elektrik.

Pelaksanaan projek sebegini juga dilihat menjadi medan terbaik untuk anggota RAJD mempraktikkan ilmu-ilmu kejuruteraan mereka mengikut tred kepar-karan masing-masing. - **Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah**



11 Bgd Hulur Bantuan Kawasan Terjejas Banjir

Oleh: Kapt FakhrulIman
Mohd Shamsuddin
Gambar: Pbt Muhammad Nashriq Khairul Zaime

SELANGOR: Seramai 11 Pegawai dan 52 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pasukan-pasukan bawah naungan 11 Bgd serta 200 anggota dari agensi-agensi kerajaan/awam terlibat di dalam Program Gotong-royong Pembersihan dan Pemulihian Kawasan Banjir Daerah Kuala Selangor bertempat di Sekolah Kebangsaan Parit Mahang, Jeram, Kuala Selangor pada 2 Nov 2019.

Program yang dirasmikan oleh Menteri Kesihatan merangkup Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Hj Dzulkefly Ahmad ini disertai oleh agensi-agensi kerajaan/awam yang terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pasukan Bomba dan Penyelamat Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKL) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Antara kawasan yang terjejas adalah Kampung Pasangan, Kampung Parit Mahang dan Kampung Jaya



Setia, tujuan program ini diadakan adalah untuk membantu penduduk setempat yang terjejas dan membersihkan tempat-tempat yang dilanda banjir secara bergotong-royong.

Selain itu, aktiviti seperti ini mampu mengeratkan hubungan silaturahim di antara agensi dan mengekalkan keharmonian di KTJ 11 Bgd.

Cwg Risik MK 4 Div Anjur Program Jiwa Murni



PERAK: Seramai dua pegawai dan 15 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Pasukan Operasi E/F (3 RS) terlibat dalam Projek Jiwa Murni (PJM) anjuran Cwg Risik MK 4 Div yang dilaksanakan di Perkampungan Orang Asli Kampung Klewang, Tasik Temenggor pada 5 Nov 2019.

PJM ini bertujuan membina hubungan baik dengan penduduk setempat agar menyokong operasi pihak

tentera yang diadakan di kawasan tersebut.

PJM turut meliputi pengagihan bantuan sumbangan berbentuk keperluan asas seperti makanan ringan, tuala wanita, minyak masak, gula dan sebagainya yang dihilurkan kepada penduduk yang ternyata daif dan jauh dari pembangunan,

antara lain sesi ramah mesra dan motivasi bersama penduduk yang berjumlah kira-kira 70 orang turut diadakan termasuklah ceramah kesihatan wanita kepada kaum ibu.

PJM ini ternyata memberi impak positif kepada penduduk orang asli di sini di samping menaikkan imej baik tentera di kawasan operasi OP KOTA E/F. - **Cwg Risik MK 4 Div**

Program Jiwa Murni Kg Simunul Semporna



Oleh: Lt (Dr) Muhammad Wafiuuddeen Abd Razak
Gambar: Kpl Mohamad Nur Ashriff Zainudin

SABAH: Markas ATB 2 dengan kerjasama Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja (24 RAMD) telah

menganjurkan Program Jiwa Murni kepada masyarakat Kg Simunul bertempat di Dewan Terbuka Kg Simunul, Semporna Sabah pada 28 Dis 2019.

Program Jiwa Murni kali ini berkonsepkan Program Kesihatan Komuniti Bertindak yang mana aktiviti dilaksanakan seperti *Medical Community*

Action Programme (MEDCAP) seperti saringan dan rawatan kesihatan, Pameran Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN).

Program dimulakan dengan perasmian oleh Adun Bugaya, Hjh Manis Muka Hj Mohd Dara, selain itu, aktiviti gotong-royong turut dilaksanakan bagi membersihkan kawasan sekitar kampung.

Program turut diserikan lagi dengan persembahan *live band* dan karaoke daripada Band Amplifire 24 dan TKR juga turut membantu menyediakan khidmat potong rambut dengan kadar murah kepada anak-anak kampung sempena musim sekolah yang akan dibuka.

Program Jiwa Murni kali ini mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk kampung dan dari kaji selidik yang dilaksanakan, penduduk kampung amat berterima kasih kepada pihak pengajur kerana dalam masa 30 tahun, ini kali pertama tentera mengadakan program seperti ini di Kampung Simunul dan berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.

Turut hadir Pegawai Memerintah 24 RAMD, Lt Kol Mohd Amin Baharom.



SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah meluangkan masa menghadiri Rumah Terbuka Sempena Hari Krismas staf awam pejabat beliau, Puan Emilda Jukin di Bau, pada 25 Dis 2019. - Sel Op Media Perhubungan Raya



GAGAH SETIA

SARAWAK: Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain meluangkan masa menghadiri sesi suai kenal bersama AJK Kampung Belimbang, Padawan.

Kampung Belimbang, Padawan merupakan perkampungan angkat bagi Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat sejak lima tahun yang lalu. Ini merupakan Kunjungan Ulung Panglima Medan Timur TD sejak menjawat jawatan pada 2 Nov 2018.

Majlis ringkas yang bermula dengan Solat Zohor berjemaah, makan tengahari, serta ucapan daripada Pengurus Masjid Darul Islam Kampung Belimbang, Hussein Banyak dan ucapan balas PMT TD. Majlis telah berakhir dengan upacara bergambar.

Turut hadir Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu, Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar serta Ketua Staf Am MK PMTTD, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi Hj Mohd Said.



Majlis Suaikenal PMT TD Bersama AJK Kampung Belimbang



ACFF Sedunia Bersama Ahli BAKAT 18 RAMD Para

Oleh: Kapt Md Syafik Wazan Jusoh
Gambar: LKpl Muhammad Razie Shuid

TERENGGANU: 18 RAMD (Para) dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Kesihatan - Bahagian Pergigian (BPK - ATM) telah mengajukan "Program Outreach Alliance for Caries Free Future Malaysia Chapter(ACFF MC)" & Program Cakna Kesihatan Mulut sempena sambutan Hari ACFF Sedunia bersama Ahli BAKAT 18 RAMD (Para) pada 15 Nov 2019.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama IPTS dari Kolej Universiti Lincoln, Kelana Jaya dan dirasmikan oleh Dekan Fakulti Pergigian Lincoln Universiti Kolej, Prof Dr Rahimah Abd Kadir selaku Pengurus ACFF MC.

Seramai 30 pelajar Jurusan Pergigian daripada universiti tersebut telah mengadakan pemeriksaan pergigian kepada Ahli BAKAT dan anak-anak anggota sebagai Khidmat Komuniti kepada warga ATM secara amnya dan Ahli BAKAT dan Keluarga 18 RAMD (Para) secara Khasnya, seramai 178 Ahli BAKAT bersama ahli keluarga telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah Senaman Pagi Zumba, Pemeriksaan Pergigian, Pemeriksaan



Kesihatan, Pembelajaran Kesihatan, Latihan Penjagaan Mulut, Permainan Puzzles, Snake & Ladder, Kuiz serta Pertandingan Mewarna.

Turut hadir Ketua Jabatan Pergigian Hospital Tunku Mizan, Brig Jen Dr Zulkifli Zainal Abidin, Pensyarah Kolej Universiti Lincoln, Brig Jen (B) Dato' Dr Hussin Zainal Abidin dan Kol Pergigian BPK-ATM, Kol Dr Normah Samsuri.

9 Skn RAJD Bantu Veteran ATM

MELAKA: Majlis Penyerahan Projek Program Baiki Rumah Untuk Sejahtera (BAHTERA) telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada 19 Okt 2019.

Program BAHTERA Peringkat Negeri Melaka ini melibatkan Projek Baikpulih Rumah Veteran Tentera iaitu Kamal Ismail bertempat di Kampung Permatang Pasir, Alai, Melaka.

Beliau merupakan anggota Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dan telah menamatkan perkhidmatan pada 18 Ogos 1985 yang lalu, dan kini menderita penyakit Alzheimer.

Projek baikpulih ini di bawah pengawasan Pegawai Pemerintah 9 Skn RAJD, Mej Mohd Redzuan Mohamad Yaakob, melibatkan tenaga kerja seramai seorang pegawai dan 19 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP), dilaksanakan

bermula 9 Okt 2019 dan siap sepenuhnya pada 19 Oktober 2019.

Skop kerja pula kerja-kerja menukar keseluruhan bumbung rumah, siling, pintu dan beberapa bahagian dinding rumah yang rosak, membina bilik, melantai di bahagian luar, ruang tamu dan dapur, serta mengelat keseluruhan rumah.

Kos keseluruhan projek pula ditanggung oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat (KPWKM), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka.

Secara keseluruhannya, projek ini berjaya mewujudkan jalinan kerjasama, bukan sahaja di antara pihak tentera dan agensi kerajaan yang lain, bahkan mengeratkan hubungan di antara tentera dan masyarakat.

Projek ini turut memberikan pengalaman dan peluang kepada anggota RAJD untuk meningkatkan kemahiran kepakaran mereka di dalam pelaksanaan projek kejuruteraan.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KEMENTERAH mewakili Menteri Pertahanan, Dr Hisham Kamal Othman Kamal, Ketua Staf Am MK PMBT, Mej Jen Dato' Haji Mohd Hassan Loman, Ketua Jurutera, Mej Jen Dato' Pahlawan Ir Haji Chapiti Haji Redzwan dan Komander Artilleri Divisyen 3 Divisyen, Brig Jen Noor Sazali Puteh. - Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah



Panglima dan Pengerusi BAKAT 10 Bgd Para Lawat Warganya

Oleh: MK 10 Bgd (Para)

MELAKA: Panglima 10 Briged (Para), Brig Jen Semaon Hj Marjuki serta Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para), Hjh Hafzilah Mokmin telah mengadakan lawatan terhadap ahli keluarga anggota 10 Bgd (Para) yang menghidap sakit kronik pada 17 Okt 2019.

Lawatan dimulakan dengan melawat empat ahli keluarga yang dimasukkan ke 94 Hospital Angkatan Tentera, Kem Terendak sebelum diteruskan di Kelab Mutiara, Kem Terendak.

Di Kelab Mutiara, Panglima serta Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para) telah beramah mesra bersama 23 ahli anggota keluarga 10 Bgd (Para).

Ahli keluarga anggota ini yang terdiri dari kanak-kanak hingga dewasa merupakan insan yang menderita sakit kronik seperti jantung berlubang, sakit saraf otak, kanker payudara, dan penyakit saraf.

Panglima 10 Bgd (Para) di dalam ucapannya, telah menyampaikan amanat supaya mereka yang menghidap sakit kronik ini supaya tidak berputus asa, serta tidak menganggap sakit itu sebagai satu bebanan, bahkan



menjadi pemangkin untuk terus berjuang dalam hidup ini.

Majlis diteruskan lagi dengan upacara penyampaian cenderahati dan sumbangan oleh Panglima & Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para), kepada anggota keluarga yang terlibat.

Turut hadir PS 1 Tad/Log MK 10 Bgd (Para), Lt Kol Rahimi Ahmad dan Peg Mem/Pem Pasukan di bawah naungan 10 Bgd (Para).

Lawatan Pengerusi KPTD kepada Veteren KPTD

KUALA LUMPUR: Pengerusi Kor Polis Tentera Diraja (KPTD), Brig Jen Dato Hj Mislan Anuar telah membuat

lawatan, doa selamat dan menyerahkan sumbangan mewakili Kor Polis Tentera kepada bala Allahyarham Mejar



Mohd Zahir Armaya, Nor Syafin Harun yang juga Veteren KPTD bertempat di rumahnya di Kem Wardieburn pada 23 Okt 2019.

Penyerahan sumbangan ini turut dihadiri Pengarah KPTD, Kol Abd Wahab Geoh, isteri Pegawai Kanan KPTD dan Pegawai KPTD.

Pengerusi KPTD merakamkan takziah mewakili seluruh warga KPTD kepada keluarga Nor Syafin Harun. - SSjn Muhammad Firdaus Abdullah



Barakah Yang Hilang

Oleh: Mej Ustaz Mohamad Azhari Ali

Perkara yang sering mengundang gundah di hati kita ialah kecukupan harta. Ya, harta yang mencukupi adalah antara punca kesejahteraan hidup. Dengan harta, kita dapat membina keluarga dan menyediakan kelengkapan terbaik. Rumah yang selesa, kenderaan yang baik, makanan yang berkhasiat, pendidikan yang terjamin dan kesihatan yang terjaga. Maka, kecukupan harta itu sangat penting kerana itu tanda kita diberkati oleh Allah SWT, seperti mana Nabi Muhammad SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Hakim bin Hizam: **“Wahai Hakim, sesungguhnya harta ini indah dan manis. Barangsiapa mengambilnya dengan jiwa yang pemurah, ia akan diberkati pada hartanya.”** (Riwayat al-Bukhari).

Sayangnya, ramai orang merasa rungsing dengan isu harta. Antara keluhan yang sering kita dengar ialah, pendapatan yang tidak pernah cukup. Siang dan malam bekerja mencari rezeki, namun masih juga tidak cukup. Hartanya juga sering rosak. Anak isteri pun selalu sakit. Semuanya ini memerlukan perbelanjaan yang lebih.

Lalu, apakah segala kerisauan ini mampu dihuraikan? Apakah di sini ada kaitannya dengan isu keberkatan? Ulama menjelaskan bahawa, barakah itu merujuk kepada kebaikan yang banyak. Ia bertambah daripada keadaan sebelumnya. Ia juga berterusan dan tidak terputus. Barakah juga merujuk kepada rezeki dan kenikmatan yang diberikan Allah SWT yang memberikan kebaikan yang banyak kepada kita.

Mari kita kaitkan keberkatan ini dengan kehidupan

kita. Sesungguhnya, bagi menjamin keberkatan dalam hidup, sama ada dalam keluarga, harta mahu pun kerjaya, renunglah firman Allah SWT dalam surah al-A'raff ayat 96, maksudnya:

“Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

Dalam ayat ini, Allah SWT menyatakan bahawa syarat utama untuk meraih keberkatan ialah beriman dan bertakwa kepada-Nya dengan sempurna. Lalu, adakah kita sudah benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah SWT? Sesungguhnya di antara ciri-ciri orang yang beriman itu ialah, mereka sangat taat kepada perintah Allah SWT. Mereka mendengar arahan Allah SWT dan melakukannya tanpa sebarang persoalan lagi. Allah SWT berfirman dalam surah al Ahzab, ayat 36: **“Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.”**

Justeru, ketaatan dan kepatuhan dalam melaksanakan segala perintah Allah SWT, itulah bukti keimanan. Orang



yang kuat iman dan taat, mereka lah orang yang bertakwa. Lalu, keberkatan pun akan mendatangi mereka. Sama seperti lebah. Ia hanya akan mendatangi bunga yang masih bermadu di tangkainya.

Persoalannya, adakah kita sama seperti bunga-bunga yang bermadu itu, yang mampu menjemput sang lebah mendatanginya? Adakah kita ini sudah bertakwa, sehingga mampu menjemput barakah mendatangi kita?

Ingatlah! Salah satu ciri orang bertakwa, mereka amat menjaga kesucian hartanya. Mereka tidak membiarkan hartanya bercampur dengan milik orang lain. Ini kerana, mereka bimbang harta milik orang lain itulah, yang boleh menghilangkan ketakwaan lalu menolak keberkatan dalam harta dan hidupnya. Allah SWT menyatakan lagi dalam surah al-Mâ'arij, ayat 24 maksudnya:

"Dan mereka (yang menuntukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

Menurut Imam as-Suyuthi, 'haqqun maklum' (hak yang termaklum) itu bermaksud zakat. Maka, sedar atau tidak, di dalam harta dan pendapatan kita, ada 'zakat' yang wajib kita keluarkan. Jika tidak dikeluarkan, maka kita sengaja membiarkan hak orang lain itu, iaitu hak asraf bercampur dengan harta kita. Akibatnya, tanpa sedar kita pun menggunakan.

Bayangkan, ketika kita membeli makanan, di dalam makanan itu ada hak orang lain. Ketika kita membeli rumah, rumah kita itu sebahagiannya adalah hak orang lain. Ketika kita membeli kereta, sebahagian kereta itu juga adalah hak orang lain. Malah pakaian di badan kita, ia juga sebahagiannya hak orang lain. Jadi, bukankah ini bermakna orang itu sudah memakan dan menggunakan harta orang lain yang bukan miliknya tanpa izin?

Sesungguhnya membersihkan harta kita daripada percampuran dengan hak asraf itu adalah satu kewajipan. Ia sangat mudah sebenarnya, iaitu dengan menuaikan

zakat. Dengan zakat juga, kita mendapat banyak manfaat dan kebaikan. Antaranya adalah:


Pertama, zakat dapat menyuburkan kekayaan kita hingga terus berkembang dan mengelakkan pemberinya daripada menjadi miskin. Abu Hurairah Radhiyallahu Anhu meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad (S.A.W) bersabda: **"Harta tidak akan berkurang dengan sedekah (sebaliknya terus berkembang)." (Riwayat Muslim).**

Kedua, zakat dapat mengelakkan kematian yang buruk dan juga mengelakkan kemurkaaan Allah SWT. Daripada Anas bin Malik Radhiyallahu Anhu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: "Sesungguhnya sedekah (termasuk zakat) itu (dapat) memadamkan kemurkaaan Allah dan menolak kematian yang buruk." (Riwayat al-Tirmizi).

Ketiga, zakat dapat memberikan rasa kelapangan hati dan terselamat dari perasaan gundah gulana. Daripada Abu Hurairah Radhiyallahu Anhu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Perumpamaan orang yang bakhil (kedekut) dengan orang yang bersedekah (termasuk berzakat) seperti dua orang yang memiliki baju besi, yang bila dipakai (maka) menutupi dada sehingga ke pangkal pahanya. Orang yang bersedekah, disebabkan sedekahnya, dia merasakan baju besinya besar dan longgar sehingga tidak menjerut kulitnya. Sehinggalah hujung jarinya tidak terlihat dan baju besinya tidak meninggalkan bekas pada kulitnya. Sedangkan orang yang bakhil, disebabkan kebakhilannya dia merasakan baju besinya sangat ketat melekat di badannya. Dia berusaha untuk melonggarkannya namun tidak berjaya." (Riwayat al-Bukhari).

Sebagai kesimpulannya, beberapa pengajaran dapat dipelajari untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:



1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa harta yang halal dan berkat sahaja akan menjamin seseorang itu dapat menikmati kehidupan yang direndai Allah SWT.

2. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa antara punca hilangnya keberkatan dalam harta adalah apabila berlakunya pengabaian menuaikan zakat.

3. Umat Islam hendaklah berusaha menjadikan dirinya seorang yang benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah SWT yang merupakan syarat utama memperoleh keberkatan dalam hidupnya. Firman Allah SWT:

"Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpah hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpah hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan." (al-Baqarah: 265).



Fun Ride

Wisma Perwira TD

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

KUALA LUMPUR: Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi telah menyempurnakan aktiviti *Army Officer's Mess Fun Ride* anjuran Wisma

Perwira Tentera Darat bertempat di Padang Kawad Kombat, Kem Perdana Sg Besi pada 31 Dis 2019.

Penganjuran aktiviti ini berbentuk karnival dan dilaksanakan secara santai sempena Sambutan Tahun Baru

2020 disamping bertujuan untuk merapatkan ukhwah di kalangan Ahli Wisma Perwira TD dan keluarga serta pasukan sekitar Lembah Klang.

Secara keseluruhannya, aktiviti riadah ini telah dibahagikan kepada beberapa kategori antaranya adalah berbasikal di laluan terbuka 10 km dan laluan BAKAT dan wanita sehingga 5 km yang mana disebahagian laluan *Fun Ride* ini diselitkan aktiviti *Treasure Hunt*. Selain daripada itu, turut diadakan aktiviti *Walk-about* sehingga 3 km khas untuk keluarga dan kanak-kanak.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain dan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat, Puan Sri Datin Seri Noor Akmar Yaacob.





Kejohanan Lumba Basikal Antara Perkhidmatan ATM 2019



Oleh: Sel Risik Mk 10 Briged (Para)

MELAKA: Seramai 54 peserta daripada ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menyertai Kejohanan Lumba Basikal Antara Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 2019 di Tanjung Bidara

bermula dari 11 hingga 14 Nov 2019.

Kejohanan ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu Acara Lebuh Raya dan Acara Ujian Masa Berpasukan yang dimenangi oleh Tim Tentera Laut, serta Acara Mountain Bike yang dimenangi oleh Tim Tentera Darat dan Johan Keseluruhan Tahun 2019 disandang oleh Tim Tentera Laut Diraja Malaysia.

Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Semaon Hj Marjuki, selaku Pengerusi Lumba Basikal Tentera Darat di dalam ucapannya ketika menyempurnakan Majlis Penutup Kejohanan Berbasikal Antara Perkhidmatan ATM telah menzahirkan ucapan tahniah kepada pemenang dan turut berharap supaya kejohanan ini mampu menjadi titik untuk memupuk semangat kesukanan yang tinggi serta kerjasama antara perkhidmatan di dalam ATM.

Turut hadir, Peg Mem 8 RRD (Para), Lt Kol Zulkifli Raub selaku Setiausaha Lumba Basikal Tentera Darat, Pengerusi Lumba Basikal Tentera Laut, Komander Azean Md Nor dan Setiausaha Lumba Basikal Tentera Udara, Leftenan Mohd Aizarizal Zainal (TUDM).

Kelab Ragbi 8 RRD Para Anjur Hornbills Rugby Tens (10s) Tournament

MELAKA: Dalam matlamat untuk menjadi pemain ragbi berkualiti tinggi, Kelab Ragbi 8 RRD (Para) telah mengajurkan *Hornbills Rugby Tens (10s) Tournament* yang berlangsung di padang ragbi pasukan, Kem Terendak pada 16 Nov 2019.

Kejohanan kali ini turut mendapat perhatian daripada ruggers berpengalaman dalam kalangan tentera mahupun awam dari negeri Johor, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Selangor yang terdiri daripada 16 pasukan.

10s Tournament yang telah dianjurkan oleh 8 RRD (Para) ini diilhamkan oleh Peg Memerintah 8 RRD (Para) iaitu Lt Kol Zulkifli Raub.

Berkonsepkan *10s Tournament*, perlawanannya berlangsung selama 10 minit tanpa masa rehat yang

mengaplikasikan konsep 10 sebelah untuk setiap pasukan.

Kejohanan ini bertujuan bagi menjalin dan mengukuhkan persahabatan antara pasukan ragbi 8 RRD (Para) dan pasukan-pasukan ragbi seluruh Malaysia.

Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan semangat kesukanan dan kerjasama yang tinggi dalam kalangan pasukan ragbi yang bertanding.

Kejohanan telah bermula di mana *kick-off* pertama berlangsung pada jam 0810, semangat kesukanan yang tinggi telah dipamerkan oleh setiap pasukan dalam usaha merebut gelaran juara Div Cup.

Kejohanan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian yang bermula dengan perlawanannya di dalam liga antara pasukan kemudian beralih ke Divisyen Bowl, Plate dan Cup.

Perlawanannya akhir Div Cup telah berlangsung di antara 73 Wksp dan Richiamor Eagles RC, pertembungan dua pasukan ini berakhir dengan kemenangan Richiamor Eagles RC yang Berjaya meraih mata 19 berbalas 0, bagi acara Div Plate pula telah dijuarai oleh Moruc RC manakala Div Bowl pula dijuarai oleh Kroons (A).

Di akhir kejohanan, acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Peg Memerintah dan diakhiri dengan after action review (AAR) oleh beliau kepada pengangur dan para pemain dari 8 RRD (Para).

- Lt Suhanraj Rajasegaran,
Gambar: Rjr Sommai Lat



Majlis Penyerahan Bendera TD Kepada Pasukan Ragbi TD

Oleh: Mej Zulkhairi Omran
Gambar: Kpl Mohamad Amirul Naim

NEGERI SEMBILAN: Majlis Penyerahan Bendera TD kepada Pasukan Ragbi TD telah disempurnakan oleh Pengarah JLJ, merangkap Pengerusi Ragbi TD, Brig Jen Adnan Abu Hassan di Kem Si Rusa Port Dickson pada 19 Nov 2019.

Pasukan Ragbi TD akan menyertai Kejohanan Ragbi Antara Perkhidmatan ATM Tahun 2019 yang akan berlangsung mulai 25 hingga 29 Nov 2019 di Padang Ragbi IJED, Kem Si Rusa.

Pada tahun ini adalah giliran Persatuan Ragbi TD sebagai pengajur kejohanan tersebut, penyerahan bendera TD merupakan amalan tradisi yang dilaksanakan sebagai tanda amanah yang harus dipikul oleh atlit untuk mengharumkan nama TD dalam sukan yang dipertandingkan.

Semasa majlis tersebut, bacaan ikrar telah dilaksanakan oleh semua pemain yang dipimpin oleh Mej (PKW) A. Tahar A. Manan, Ketua Pasukan Ragbi TD, pada tahun ini juga, Persatuan Ragbi TD telah mendapat sumbangan jersi daripada Setegap Ventures Petroleum Sdn Bhd.

Acara simbolik penyerahan jersi telah diadakan dan disempurnakan oleh Mohd Zulhaizan Mohd Noor, *Chief Operation Officer, Setegap Ventures Petroleum Sdn Bhd* dengan Pengerusi Persatuan Ragbi TD.



Sumbangan ini menaikkan lagi semangat juang para pemain untuk berusaha bagi memastikan dua acara keramat iaitu acara ragbi tujuh sepasukan dan 15 sepasukan dijuarai oleh Persatuan Ragbi TD.

Kemenangan kedua-dua acara tersebut begitu penting bagi memastikan kemarau 12 tahun TD menjadi Johan Keseluruhan Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan ATM ditamatkan.

Turut hadir Pengurus Pasukan Ragbi TD, Lt Kol Ahmad Jaidi Ali, Pegawai Penyelatan Persatuan Ragbi TD, Lt Kol Hasnan Rais dan Setiausaha Persatuan Ragbi TD, Mej Zulkhairi Omran.

Seluruh warga Tentera Darat mengucapkan selamat maju jaya dan mendoakan agar Persatuan Ragbi TD beroleh kemenangan.

Kejohanan Tinju Peringkat Formasi 21 GGK

MELAKA: Majlis Penutup Kejohanan Tinju Peringkat Formasi 21 GGK disempurnakan oleh Panglima 21 GGK,

Mej Jen Datuk Hasan Ali melibatkan seramai enam pegawai dan 62 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang



mengambil bahagian bawah naungan Formasi 21 GGK di gelanggang tinju PULPAK pada 21 Nov 2019.

Dalam ucapan Panglima 21 GGK mengucapkan jutaan terima kasih kepada pasukan pengajur 11 RGK dan peserta serta menyatakan pengajuran pertandingan ini adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru bagi mewakili Formasi 21 GGK ke tinju peringkat TD.

Turut hadir, Pegawai Memerintah 11 RGK, Kol Zulkinine Yunus dan Kol Operasi Khusus 21 GGK, Kol Khairul Anuar Hj Yaacob. - Sel Risik 21 GGK, Gambar: SSjn Ahmad Nizam Jaafar

Karnival Sukan 8 Bgd Tahun 2019

Oleh : Mej Hazrul Aimie Hamdan

KELANTAN: Seramai 60 pegawai dan 925 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Karnival Sukan Peringkat 8 Bgd yang diadakan pada 18 hingga 19 Nov 2019 bertempat di Kem Desa Pahlawan.

Karnival ini dimulakan dengan acara Senamrobik di Padang Pavilion 16 RAMD yang dipimpin oleh Jurulatih Senamrobik Kementerian Belia dan Sukan Negeri Kelantan, pasukan 16 RAMD telah diberi tanggungjawab sebagai pengatur karnival pada kali ini.

Karnival Sukan 8 Bgd adalah salah satu aktiviti yang telah dimasukkan di dalam kalender Bulan Sukan Negara Peringkat Negeri Kelantan bagi Tahun 2019, antara sukan yang dipertandingkan ialah Sepak Takraw, Futsal, Bola Tampar dan Merentas Desa.

Pertandingan Merentas Desa telah dilaksanakan lebih awal iaitu pada 23 Sep 2019 dan telah dimenangi oleh pasukan 16 RAMD.

Keputusan bagi pertandingan Sepak Takraw telah dimenangi oleh pasukan 16 RAMD, manakala pertandingan Futsal dan Bola Tampar pula telah dimenangi oleh pasukan 5 RRD.

Johan Keseluruhan Karnival Sukan 8 Bgd Tahun 2019 telah dimenangi oleh pasukan 5 RRD, majlis penyampaian



hadiah telah disempurnakan oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Huzaime Sabri.

Dalam ucapan penutup oleh Panglima 8 Bgd, beliau telah menzahirkan ucapan tahniah kepada 5 RRD selaku Johan Keseluruhan Karnival Sukan pada kali ini.

Selain itu, beliau juga berkehendakkan agar aktiviti seperti ini diteruskan di pasukan-pasukan serta membudayakan kehidupan yang sihat melalui bersukan.

Beliau turut menekankan bahawa sebagai seorang anggota tentera, setiap individu itu perlu memastikan diri mereka sentiasa dalam keadaan yang cergas dan mempunyai tahap *Body Mass Index* (BMI) yang ideal sebagai seorang anggota tentera.

3 Div Sertai Kejohanan Sukan Antara Jabatan Peringkat Negeri Melaka

MELAKA: Markas 3 Divisyen (MK 3 Div) telah mengambil bahagian di dalam Kejohanan Sukan Antara Jabatan Negeri Melaka yang bermula dari 18 sehingga 24 Nov 2019.

Kejohanan yang menghimpunkan jabatan persekutuan

dan negeri ini merupakan aktiviti tahunan di Negeri Melaka bertujuan mengeratkan hubungan sesama penjawat awam.

Sebanyak lapan buah sukan dipertandingkan dalam kejohanan pada tahun ini, namun demikian hanya empat

buah sukan yang disertai oleh peserta dari MK 3 Div iaitu Bola sepak, Bola tampar, Futsal dan Sepak takraw.

Kejohanan yang berlangsung di sekitar kawasan Bandaraya Melaka itu, menyaksikan peserta dari MK 3 Div berjaya membawa pulang pingat emas dalam acara bola tampar lelaki dan juga wanita yang mana pingat perak pula diperolehi menerusi acara Bola sepak dan Futsal.

Dengan pungutan dua emas dan dua perak, MK 3 Div berjaya menduduki Tempat Ketiga bagi kejohanan tahun ini.

- Mej Mohammed Fahmi Ishak,
Gambar: Sel Latih MK 3 Divisyen





Kami Menjual serta Membeli Jongkong dan Dinar Emas Public Gold

DAPATKAN SEKARANG!

Untuk maklumat lanjut kunjungi cawangan

Ar-RahnuKT
PERKHIDMATAN PAJAK GADAI

Ar-RahnuKT Sungai Besi
No 57, Jalan Tasik Utama 4,
The Trillium Lakefields,
Sg Besi.

03-90545900

Ar-RahnuKT Wangsa Maju
No. 25, Jalan Wangsa Delima 1A,
Pusat Bandar Wangsa Maju,
Kuala Lumpur.

03-41420613

Ar-RahnuKT Subang Perdana
No. 6, Jalan Dinar D U3/D,
Seksyen U3, Taman Subang Perdana,
Shah Alam.

03-78400296



1-300-8000-58



www.katmb.com.my



[facebook.com/Koperasi Tentera](https://facebook.com/Koperasi.Tentera)



ISSN 1511-0508

A standard one-dimensional barcode representing the ISSN number 1511-0508.

9 771511 050068